

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEBELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 8

Khamis

18 Mei 2006

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL:

Rancangan Malaysia Kesembilan (2006 – 2010) (Halaman 19)

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Khamis, 18 Mei 2006****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah kementerian bercadang untuk menggunakan pendekatan yang lebih berkesan bagi mengesan dan memberkas pendatang tanpa izin yang semakin berleluasa dengan menubuhkan pasukan perisikan segera sebagai mana yang pernah dilakukan ketika zaman darurat untuk memerangi pengganas komunis.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Senator Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani. Kerajaan memang memandangkan serius masalah pendatang tanpa izin (PATI) di negara ini. Walau bagaimanapun, kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan satu lagi pasukan perisikan bagi menangani masalah ini kerana pasukan penguat kuasa kerajaan yang ada sekarang mampu melaksanakan tanggungjawab tersebut. Buat masa ini Bahagian Penguat Kuasa Jabatan Imigresen, RELA dan Polis Diraja Malaysia serta Pasukan Petugas Khas Jabatan Perdana Menteri melaksanakan operasi mengesan dan membanteras pendatang tanpa izin (PATI). Bagi meningkatkan kemampuan penguatkuasaan ini kerajaan telah meluluskan tambahan 743 jawatan baru pegawai penguat kuasa Jabatan Imigresen pada tahun 2005 dari 646 orang pegawai penguat kuasa yang ada sekarang. Iaitu pertambahan lebih dari 100%. Urusan pelantikan pegawai-pegawai tersebut sedang diuruskan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam.

Sementara itu kerajaan juga telah meluluskan penurunan kuasa menahan dan menangkap pendatang tanpa izin (PATI) kepada 1,219 orang pegawai-pegawai RELA negeri dan pegawai-pegawai RELA daerah serta pegawai-pegawai awam di seluruh negara. Selaras dengan pertambahan bilangan pegawai-pegawai penguat kuasa Jabatan Imigresen Malaysia dan penurunan kuasa kepada pegawai-pegawai RELA dan pegawai-pegawai awam kerajaan telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:

- (i) meningkatkan operasi penguatkuasaan secara bersepadu antara pegawai penguat kuasa Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan juga RELA.

- (ii) meningkatkan kawalan di perairan negara khususnya di tempat-tempat pendaratan tanpa izin dan juga di sempadan yang telah dikenal pasti sebagai tempat-tempat kemasukan pendatang tanpa izin.

Selain daripada itu, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri juga memperkenalkan sistem metrik di mana semua pekerja asing diwajibkan mengambil cap jari mereka sebelum dibenarkan masuk ke negara ini dan juga kerajaan telah secara perundangan mengenakan hukuman yang lebih berat terhadap PATI yang ditangkap dan juga terhadap rakyat Malaysia yang memberi perlindungan atau menggaji pendatang tanpa izin. Terima kasih.

Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah minta penjelasan apakah yang menyebabkan pihak kerajaan tidak dapat menghapuskan pendatang tanpa izin, bahkan makin bertambah kerana dasar kita ataupun pelaksanaan penguat kuasa tidak menjalankan tugas dengan sempurna.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Kerajaan sedar bahawa bilangan pendatang tanpa izin di negara ini masih banyak. Namun begitu, seperti mana yang saya sebutkan tadi kerajaan adalah serius. Sebagai buktinya pada tahun 2004 seramai 38,699 orang pendatang tanpa izin telah dihantar pulang ke negara asal mereka dan setiap kali operasi penghantaran pulang ini ia menelan belanja yang besar. Misalnya untuk menghantar pulang 38,699 orang pendatang tanpa izin ini kerajaan terpaksa membelanjakan RM5,945,840. Satu jumlah yang besar.

Selain daripada itu, sebagai mana kita sedia sedar bahawa negara kita menjadi tumpuan dan tarikan pekerja-pekerja asing ataupun rakyat-rakyat daripada negara-negara jiran menganggap Malaysia adalah syurga pekerja kepada mereka kerana peluang pekerjaan lantaran pertumbuhan ekonomi pesat yang berlaku di negara kita. Sementara itu sikap rakyat kita juga yang memilih pekerjaan, misalnya pekerjaan yang ditetapkan dalam kategori 3D iaitu '*difficult, dirty and dangerous*' –yang 'susah, kotor dan berbahaya' tidak diminati oleh rakyat di negara ini kerana peluang pekerjaan yang banyak dalam bidang yang lain. Ini menyebabkan ruang ini terbuka kepada pekerja-pekerja asing di luar negara untuk datang ke sini. Terima kasih.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih. Pendatang tanpa izin ini saya kategorikan mereka itu kepada tiga kumpulan; yang pertama, perseorangan, kategori kedua kahwin dengan orang tempatan dan ketiga ketiga yang berkahwin dengan orang tempatan dan mempunyai anak. Soalan tambahan saya ialah apakah garis panduan dan juga tindakan yang diguna pakai terhadap pendatang tanpa izin yang berkahwin dengan orang tempatan, macam mana isterinya, suaminya dan anaknya. Apakah garis panduan tindakan itu. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, dalam penggulungan saya semalam, saya telah menyebut bahawa perkahwinan bukanlah passport untuk membolehkan warga asing menjadi warganegara atau mendapat taraf penduduk tetap dengan mudah. Pekerja-pekerja asing di Malaysia yang datang untuk bekerja

tidak boleh berkahwin dengan rakyat tempatan dan pas kerja mereka akan dibatalkan sekiranya mereka berkahwin dengan rakyat negara ini. Oleh kerana itu adalah menjadi peranan dan tanggungjawab kita semua untuk menyebarkan maklumat pendaftar ini dan menasihatkan rakyat Malaysia supaya dalam memilih pasangan mereka, utamakanlah rakyat tempatan sebagai pasangan mereka.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, soalan saya berhubung dengan kemampuan pihak penguat kuasa untuk membanteras pendatang haram ini oleh sebab bilangannya itu terlalu ramai. Kalau kita berjalan di Bukit Bintang, kita akan berjumpa sepanjang jalan dengan pengurut-pengurut Cina yang kerjanya mengurut kaki, bukan sahaja di Kuala Lumpur malah di merata bandar di Malaysia dan orang ini boleh hilang dalam masyarakat Cina. Kalau kita pergi ke tempat-tempat kerja yang lain, yang ada pekerja asing orang India, dia boleh hilang dalam masyarakat India. Pendatang asing dari Indonesia dia boleh hilang dalam masyarakat Melayu.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalannya, Yang Berhormat.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Soalan saya, polisi dan dasar kerajaan membawa masuk begitu ramai pekerja asing, betul atau tidak betul kerana telah mengancam negara. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Tajul, terima kasih di atas soalan ini. Sejarah kedatangan pekerja asing ke Malaysia adalah sejarah yang panjang. Secara rasminya pekerja asing mula dibawa masuk oleh kerajaan pada tahun 1981. Memang kerajaan tegas dalam dasar kemasukan pekerja asing ini. Setakat ini ada 1.8 juta pekerja asing di negara ini yang sedang bekerja di pelbagai sektor.

Dalam soal menangani isu pekerja asing ini, kerajaan menentukan bidang-bidang yang dibenarkan sahaja yang boleh dibawa masuk. Kerajaan memang sedar bahawa terdapat seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, perusahaan atau perniagaan baru refleksologi iaitu urut kaki di merata tempat, ada pelbagai pihak dan agensi serta kementerian yang terlibat dalam soal ini. Kerajaan memang sedar, serius dan sedang memerhati dan akan mengambil tindakan tegas supaya kemasukan pekerja-pekerja atau orang asing yang melibatkan diri dalam perniagaan dikawal.

Ada banyak pihak yang terlibat, misalnya yang berniaga di pasar-pasar malam, pihak Majlis Daerah dan Majlis Bandaran juga bertanggungjawab. Jadi, semua pihak sebenarnya harus peka dan serius dalam soal ini dan menentukan kita tidak memberi ruang yang sebebannya kepada pekerjaan yang seumpama ini. Kita akan memberi kawalan yang ketat.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya menambah soalan sedikit? Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, bahawa kita menggalakkan supaya orang kita berkahwin dengan orang tempatan, sama ada

lelaki ataupun wanita. Namun, kalau sudah terjadi ataupun 'terberanak' - ada anaknya, apakah nasib anak ini kerana kadang-kadang sudah sampai umur 6 tahun tanpa surat beranak, mereka tidak dapat pergi ke sekolah. Jadi, apakah bantuan yang boleh diberikan oleh kementerian untuk anak-anak ini?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, anak-anak di bawah umur 6 tahun, kalau bapanya warganegara Malaysia boleh memohon taraf penduduk tetap dan kita akan memproses dan memberi peluang kepada mereka mendapat taraf penduduk tetap mengikut peraturan yang telah ditetapkan, iaitu semua proses untuk mendapatkan taraf penduduk tetap boleh dibuat setelah lima tahun mereka berada di sini dan proses akan mengambil masa antara tiga hingga lima tahun menjadikan 10 tahun seseorang itu tinggal di sini barulah mereka boleh mendapat taraf penduduk tetap.

Jadi dalam taraf pemberian penduduk tetap ini seperti mana yang telah saya sebutkan dalam beberapa kali jawapan saya bahawa ada dua kategori, satu kategori yang dibolehkan memohon taraf penduduk tetap, iaitu isteri kepada warganegara Malaysia yang telah tinggal di sini secara berterusan selama tempoh lima tahun dan anak yang berumur di bawah 6 tahun. Selain daripada itu mereka boleh memohon tetapi permohonan itu adalah atas pertimbangan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas faktor-faktor kepentingan negara dan juga keperluan dari segi ekonomi dan kepakaran mereka.

2. **Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta Perdana Menteri menyatakan apakah pihak kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu badan bertindak yang proaktif bagi meningkatkan ekuiti hak milik bumiputera dalam sektor korporat di mana badan ini akan memantau serta memberikan peluang seluas-luasnya kepada usahawan-usahawan Melayu baru, berpotensi serta patriotik.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan telah memaklumkan bahawa kerajaan akan menubuhkan dua badan bertindak. Pertama, Badan Bertindak Bagi Projek Berimpak Tinggi dan kedua, Badan Bertindak Bagi Masyarakat Perdagangan Dan Perindustrian Bumiputera Generasi Baru (MPPB2).

Kedua-dua badan bertindak ini akan diuruskan oleh Direktorat Pelaksanaan Negara (DPN) untuk membuat kerja-kerja staf, analisa dan urus setia kepada kedua-dua badan yang saya sebutkan tadi. Kemudian pada 19 April, 2006 yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersetuju supaya Badan Bertindak Pelaksanaan Negara (BBPN) ditubuhkan dengan peranan untuk memantau pelaksanaan program-program dan projek-projek dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan memastikan program-program dan projek-projek tersebut dilaksanakan mengikut perancangan yang ditentukan. Badan Bertindak Pelaksanaan Negara (BBPN) mempunyai dua fungsi. Pertama, ialah untuk memantau program-program terpilih yang

mempunyai impak tinggi kepada rakyat dan kedua, memantau program masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera generasi baru.

Tuan Yang di-Pertua, Badan Bertindak Pelaksanaan Negara (BBPN) dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan ahli-ahlinya terdiri daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan Kedua, Menteri di Jabatan Perdana Menteri serta Ketua Setiausaha Negara. Keanggotaan BBPN ini menunjukkan bahawa kerajaan sangat serius dalam memastikan semua program serta projek-projek yang dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan akan berjalan dengan lancar, terutama dalam membangunkan MPPB2 yang saya sebutkan tadi.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah jawatankuasa yang dilantik ini...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya belum panggil lagi Yang Berhormat, tadi. Ya, Datin Paduka Nor Hayati.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya, adakah jawatankuasa yang dilantik ini, mengapa tidak ada terdiri daripada kalangan wanita?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seorang lelaki, Timbalan Perdana Menteri pun lelaki, dan menteri-menteri yang berkenaan pun lelaki sudah tentulah tidak ada wanita. Kerana ini adalah merupakan satu badan bertindak atau peringkat yang tertinggi yang ditentukan mengikut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengikut jawatan masing-masing.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya tambah sedikit, kerana saya kira Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri juga tidak kurang orangnya, boleh bawa ekonomi ke negara kita. Apa salahnya kalau beliau juga dilantik dalam jawatankuasa ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak mengapa, Yang Berhormat. Soalan ini, kalau ada perkara-perkara yang khusus untuk perkara yang Yang Berhormat bangkitkan tadi, boleh dibahaskan dalam RMK-9, akan dibentangkan sekejap lagi. Silakan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah, isu ini bukan isu pemantauan. Kenapa tidak EPU yang sekarang ini kuasanya hanya sebagai pemantau tidak diberikan kuasa penguatkuasaan supaya soal pemindahan ekuiti penambahan ekuiti Bumiputera ini dilaksanakan khususnya oleh pihak swasta iaitu kuasa penguatkuasaan. Itu yang tidak ada pada EPU.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya badan bertindak yang telah ditubuhkan ini dan juga *direct treat* yang saya sebutkan tadi bukan sahaja memantau, tetapi dalam terma yang kita sediakan mempunyai perkara-perkara seperti yang

ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi. Terutamanya bagi projek-projek yang saya sebutkan, projek yang mempunyai impak yang tinggi khususnya kepada rakyat. Sebab itu sebahagian daripada saya katakan tadi perkara yang dibincangkan yang telah dikenal pasti di dalam badan ini, termasuk sama ada dari segi mikro ekonomi, dengan izin dari segi *distribution*, dari segi *human capital development* dan yang satu lagi iaitu *government missionary reforms*.

Ini juga sedang diperhati dan di analisa dan Insya-Allah akhirnya kerajaan akan melaksanakan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat termasuk penguatkuasaan dan untuk makluman Yang Berhormat, dalam keputusan yang telah dibuat, di mana badan ini hendak pastikan, dari mula sekali dari segi perancangan hinggalah kepada penyerahan projek. Semuanya ini akan dilihat dari segi rantai pelaksanaan projek itu. Jadi sebab itu termasuklah ini adalah dalam bidang barangkali *delivery system*, *missionary* kerajaan dan sebab itu perkara yang disebut oleh Yang Berhormat ini. Akhirnya akan dipertimbangkan supaya ada di dalam pelaksanaannya nanti. Jadi, Yang Berhormat saya minta supaya dapat beri peluang bersabar sebab dia baru sahaja dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selepas membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan yang lalu dan ini adalah perkara penambahbaikan kepada *delivery system* yang ada sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, cukup jelas jawapannya. Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain.

3. **Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta Menteri Penerangan menyatakan apakah dasar-dasar Kementerian, langkah-langkah jangka pendek dan panjang untuk memastikan setiap polisi dan dasar Kerajaan sampai, difahami dan mendapat pandangan positif dari rakyat.

Menteri Penerangan [Datuk Zainuddin bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan telah merangka dan melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan sistem penyaluran maklumat dan jaringan mekanisme komunikasi bersemuka cetak elektronik dan talian supaya memenuhi kriteria yang diperlukan bagi mencapai matlamat penyampaian berkesan. Sistem penyaluran maklumat atau jaringan di bawah Kementerian Pelajaran ini ialah terdapat kepada empat agensi iaitu Jabatan Penerangan, PTM, JASA, BERNAMA dan Filem Negara. Langkah-langkah telah pun diambil supaya setiap agensi ini mengamalkan sikap kerja proaktif, kemas kini dengan maklumat terkini menyampaikan maklumat dengan pantas dan tepat pada masanya dan menggunakan teknologi dan teknik penyampaian yang terkini.

Kita cukup menyedari maklumat tidak akan berkesan jika yang diperlukan oleh orang ramai pada hari ini hanya diberikan oleh Jabatan Penerangan umpamanya sebulan kemudian ataupun mengeluarkan bahan-bahan yang tidak dibaca oleh orang ramai ataupun RTM memberikan berita-berita yang basi dan demikian juga BERNAMA dan sebagainya tidak

dikemaskinikan. Dalam hal ini, latihan semula bagi pegawai-pegawai berjasa dan juga Jabatan Penerangan sedang dijalankan dan pegawai-pegawai dari RTM terutamanya daripada bahagian kewartawanan kita akan hantar untuk *attachment* ataupun berlatih di akhbar-akhbar swasta supaya mereka menyedari hakikat bahawa apa yang diperlukan untuk pasaran.

Kementerian Penerangan juga ada mengambil sikap untuk bekerjasama dengan kementerian-kementerian yang lain yang memerlukan *vehicle* ataupun jambatan bagi menyampaikan maklumat mereka kepada rakyat, umpamanya dengan KeKKWa, Kementerian Perpaduan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pertanian dan ini dapat disaksikan sendiri dan ini adalah komitmen yang sepenuhnya bagi Kementerian Penerangan. Ada perkara-perkara yang kita tidak perlu belanjakan, umpamanya untuk maklumat orang ramai. KeKKWa baru ini mengadakan satu malam menghidupkan balik Pop ye ye sebanyak, Suzana itu belanja yang dikeluarkan oleh Kementerian KeKKWa, tetapi Kementerian Penerangan tidak membelanjakan apa-apa pun. Kita telah mengangkat *show* ini dan ditunjukkan oleh RTM dengan penontonnya lebih satu juta.

Ini adalah satu kerjasama, ruang-ruang kerjasama yang saya nampak. Kadang-kadang kita tidak perlu, hanya perlukan kerjasama pengertian untuk memahami apa yang perlu disampaikan. Kementerian cukup sedar bahawa semua ini tidak akan tercapai jika perubahan sikap minda tidak berlaku di kalangan pegawai-pegawai kementerian. Jika cara bekerja lama masih diamalkan, jika pegawai-pegawai di Jabatan berkenaan di bawah kementerian saya tidak menyedari semua keperluan kepada nilai-nilai semasa, maka ini adalah akan memberi kesan yang tidak baik. Saya sedar bahawa Kementerian Penerangan adalah suatu kementerian yang kerja-kerjanya dapat dihakimi dengan cepat. Seperti juga akhbar membuat kesilapan akan diketahui dengan cepat dan tidak boleh ditutup pekungnya.

Dan hal ini saya bagi pihak saya sendiri, jika ada kesilapan, maka kesilapan itu terpaksa dibetulkan secara umum. Diketahui oleh orang ramai, sebab tidak ada perkara yang boleh disembunyikan dan akan diketahui oleh orang ramai. Sikap pro-aktif, sensitif kepada keperluan maklumat, pendekatan baru yang menarik pantas dan berwibawa akan dijadikan budaya kerja kepada Kementerian Penerangan. Bagi mencapai matlamat penyampai maklumat kerajaan diyakini, berkredibiliti dan mendapat pandangan positif daripada orang ramai. Jika perlu langkah-langkah berkesan akan diambil bagi oleh sekiranya kita dapati pegawai-pegawai tidak berkesan, maka kita terpaksa menggantikan pegawai ataupun kita mengambil daripada pihak swasta untuk berkhidmat dengan Kementerian Penerangan.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid.

Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Selepas itu penanya soalan asal Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain.

Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid: Soalan tambahan saya bagaimanakah Kementerian dapat menentukan program di RTM ditonton oleh seluruh masyarakat sedangkan dari hasil kajian yang telah dilakukan menunjukkan bahawa kaum bukan Melayu tidak berminat menonton rancangan dari RTM malah lebih berminat menonton ASTRO dan TV3.

Datuk Zainuddin bin Maidin: Soalan ini cukup menggembirakan saya sebab ini adalah satu hakikat yang pahit yang harus kita sedar dan terima bersama dan hakikat ini adalah merupakan sesuatu dalam Bahasa Inggeris adalah merupakan *up heal better* daripada RTM. Sebab setelah sekian lama RTM tidak menyedari atau RTM mengasingkan diri daripada arus perdana. Itu tidak menjadi hakikat, apa yang berlaku dalam negara kita. Hakikat keperluan kepada satu masyarakat *multiracial* yang selama ini kita lakukan, tetapi dalam pada itu kerajaan ada mempunyai dasar ini, tetapi dalam beberapa hal RTM 1 menunjukkan seolah-olah hanya terpulang kepada orang Melayu sahaja.

Jadi dalam beberapa hal kita oleh kerana keadaan semasa, tekanan masyarakat, tekanan politik dan sebagainya, maka kita dalam beberapa hal agak tidak mengambil kira kerana kita mengingati bahawa ini RTM kerajaan kita boleh mendapat wang, tetapi kita kehilangan penonton di mana untuk menyampaikan kerajaan kita sendiri dan hal-hal ini kita dapat melihat bagaimana dalam beberapa hal, kita dalam segi penampilan kita, wajah-wajah yang membaca warta berita RTM itu sendiri, program-program kita yang lagi banyak lebih memikirkan dari segala kemelayuannya sahaja tanpa memikirkan pihak-pihak yang lain, maka itu akhirnya memberi kesan dan ini umpamanya macam kita bagaimana, bukan maksudnya kita tidak akan mengertikan kedudukan Bahasa Melayu dan sebagai bahasa kebangsaan media yang utama.

Tetapi langkah telah diambil supaya bahawa penyampaian itu ialah penyampaian yang bermatlamat kepada semua kaum. Kali ini adalah sukar umpamanya. Saya bagi contoh, maaf Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil sedikit masa. Bagi contoh supaya kita bersedia bersama. Kita melihat seolah-olah Bahasa Melayu itu hanya dipunyai oleh orang Melayu, itu hakikatnya. Umpamanya kalau kenapa kita tidak ada program umpamanya kalau Drama yang hanya dilakukan oleh orang Cina sendiri dalam Bahasa Melayu ataupun orang India sekarang ini sudah kebanyakannya menguasai Bahasa Malaysia dengan baik sehingga dalam persidangan MIC sendiri menggunakan Bahasa Malaysia, tetapi itu bukan hakikatnya kita lihat dalam RTM.

Kenapa tidak ada drama yang dilakukan oleh orang India sendiri semuanya orang India sahaja atau orang Cina sahaja. Barulah meyakinkan bahawa bahasa itu bukan hanya bahasa orang Melayu. Jadi itu sebagai satu contoh dan banyak lagi pendekatan daripada pagi sampai ke petang adakah kita hanya perlu nasyid sahaja pagi-pagi tidak perlu nyanyian kanak-kanak (*nursery rhythm*) yang mewakili semua kaum yang menceriakan.

Jadi hal ini adalah satu yang kita terpaksa menghadapi sentimen, kita terpaksa memerangi kerana kita membuka hakikat sebenarnya. Sebab itu RTM1 hanya bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dan RTM2 adalah terpulang kepada semua bahasa. Jadi dasar kita jelas

bahawa RTM1 adalah melambangkan dasar kerajaan bahawa kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan kita akan berjalan atas dasar ini sehingga orang kembali kepada kita. Dan sesungguhnya beberapa perubahan yang telah dilakukan telah menceriakan kita, penambahan *audience* bertambah dan ini sedang berlaku sekarang. Umpamanya sehinggakan *talk show* seperti Fenomena Seni itu telah hampir mencapai 1 juta. Tidak pernah *talk show* akan mencapai 1 juta. Jadi terserah balik apa yang saya katakan pendekatan yang kreatif dan inovatif.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah apakah kementerian sedar bahawa kadang-kadang cara penyampaian mesej dalam TV tidak menarik minat penonton dan adakah kakitangan JASA dan peruntukan yang diberikan kepada JASA berjaya menyampaikan mesej kerajaan serta setakat hari ini berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk JASA.

Datuk Zainuddin bin Maidin: Sekiranya JASA tidak berjaya kita tidak akan berjaya menjatuhkan kerajaan Terengganu. Sekiranya JASA tidak berkesan maka kerajaan PAS di Kelantan tidak berada di hujung tanduk sekarang ini. Itu salah sedikit bukan JASA sahaja tapi banyak sumbangan orang lain tapi peranan JASA tidak boleh dinafikan dan JASA sedang meneruskan khidmat suci mereka mendekati rakyat, masuk ke kampung-kampung, bercakap dengan orang ramai, bersemuka dan sebagainya. Bila sahaja masa diperlukan mereka akan jelas dan bila dalam keadaan semasa pun mereka tetap aktif dengan orang ramai. Mendekatkan diri, mengingatkan rakyat supaya sentiasa rapat dengan kerajaan.

Yang keduanya, tentang penyampaian kita cukup sedar mengenai kelemahan-kelemahan kita yang ada. Tetapi kita banyak cuba membawa perubahan-perubahan supaya yang membaca berita terutama di RTM ini tidak lagi hanya orang Melayu yang membaca berita dalam bahasa Malaysia. Kita akan cuba mengetengahkan orang-orang bukan Melayu juga membaca berita dalam bahasa Malaysia dan ini telah dilakukan oleh pihak swasta sudah lama. Jadi itulah di antaranya ialah untuk meyakinkan orang ramai bahawa RTM tidak hanya terpulang kepada orang Melayu.

Timbalan Yang di-Pertua: Kita dengar sedikit pandangan daripada bangsa lain. Silakan Yang Berhormat Datuk Soon Tian Szu.

Datuk Soon Tian Szu: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah dalam Dewan ini memang ada beberapa soalan tempoh tentang kekurangan belia-belia India dan juga Cina dan lain-lain juga tidak dapat melibatkan diri dalam ATM dan juga perkhidmatan awam dan polis. Jadi saya hendak minta soalan tambahan saya ialah supaya pihak Kementerian Penerangan dapat membantu kita untuk mengiklankan melalui radio dan TV dan juga Pejabat Penerangan kita dan mengadakan program khas untuk membantu belia-belia yang lain untuk melibatkan diri dalam ATM dan sebagainya seperti yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah Kementerian Penerangan boleh mainkan peranan ini?

Datuk Zainuddin bin Maidin: Saya ingat Kementerian Penerangan boleh terutamanya RTM dan radio boleh memainkan peranan ini iaitu dengan selalunya kita membahaskan isu-isu di mana kekurangan orang-orang bukan Melayu menyertai talian atau satu gerakan yang dapat menambahkan kesetiaan dan patriotisme. Itu satu masalah besar yang kita *discuss*, kita membincangkan menerusi forum-forum dan program-program tertentu, memperbanyakkan berita. Kita akan buat apa juga yang boleh supaya memberikan kesan untuk menarik lebih bukan Melayu menyertai semua perkhidmatan ini. Terima kasih

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dewan menghargai di atas kehadiran Yang Berhormat Menteri sendiri yang datang memberi jawapan di Dewan ini. Terima kasih. *[Tepuk]*

Dan Dewan juga memberi penghormatan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang hadir juga pada pagi ini. *[Tepuk]*

Silakan Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong.

4. **Tuan Lee Chee Keong** minta Perdana Menteri menyatakan bagaimana Kerajaan Pusat dapat menarik perhatian pemohon-pemohon bukan bumiputera untuk mengisi jawatan-jawatan dalam kerajaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]: Tuan Yang di-Pertua, pengisian jawatan-jawatan di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) cuma meliputi pegawai perkhidmatan am persekutuan, pegawai perkhidmatan awam bersama dan pegawai perkhidmatan awam negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis. Negeri-negeri lain itu mempunyai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam persendirian.

Jumlah permohonan yang diterima oleh SPA daripada kaum bukan bumiputera khususnya Cina dan India untuk memasuki perkhidmatan awam adalah kurang berbanding dengan kaum bumiputera. Walau bagaimanapun, peratus calon dilantik kaum bukan bumiputera berbanding jumlah kehadiran adalah tinggi. SPA telah mengambil beberapa langkah bagi menggalakkan permohonan di kalangan calon-calon bukan bumiputera bagi memenuhi hasrat kerajaan untuk meningkatkan lagi jumlah kaum bukan bumiputera dalam perkhidmatan awam. Antara langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- (i) menyiarkan iklan dalam akhbar berbahasa Cina dan Tamil termasuk akhbar di Sabah dan Sarawak bertujuan untuk menarik lebih ramai kaum bukan bumiputera untuk menyertai perkhidmatan awam,
- (ii) memudahkan proses permohonan iaitu melalui sistem mengambil sepanjang masa (SMSM). Melalui sistem ini calon boleh mengemukakan permohonan pada bila-bila masa sahaja melalui borang SPA 8 yang bernilai RM3 ataupun

melalui laman web SPA secara percuma. Ini dapat menarik minat golongan muda yang celik IT khususnya kaum bukan bumiputera untuk memohon.

- (iii) mengadakan hari SPA bersama pelanggan pada setiap bulan di ibu pejabat SPA Putrajaya. Di samping itu program ini juga diadakan di luar ibu pejabat sebagai promosi secara khusus kepada kaum bukan bumiputera. Hebahan bagi program ini dibuat oleh stesen televisyen kebangsaan dan laman web SPA,
- (iv) menjemput guru-guru dan murid-murid daripada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil untuk mendengar taklimat bagi membentuk minat awal di kalangan calon-calon di peringkat SPM untuk menyertai perkhidmatan awam.

Selain daripada itu taklimat kepada pelajar-pelajar tahun akhir di institusi pengajian tinggi awam dan swasta turut diadakan dari masa ke semasa sempena program hari kerjaya dan jempunan khas daripada institusi berkenaan. SPA amat mengharapkan langkah-langkah sedemikian dapat menambahkan bilangan kaum Cina dan India dalam perkhidmatan awam.

Tuan Lee Chee Keong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana beberapa jawatan juruhebah di KLIA telah diisi. Tetapi banyak aduan saya terima juruhebah-juruhebah itu contohnya yang menggunakan bahasa Mandarin di KLIA kurang memuaskan sama ada sebutan atau intonasi mereka. Adakah kerajaan membuat pemantauan terhadap bahasa yang digunakan sehingga juruhebah kita menjadi juru heboh. Terima kasih.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, secara kebetulan perkara ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Kabinet dan saya berpendapat bahawa kementerian berkenaan akan mengambil tindakan supaya apa yang kurang itu akan diperbaiki.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adakah kerajaan mengambil pendekatan untuk memberi keutamaan kepada anak-anak mereka dari kakitangan kerajaan yang bukan bumiputera itu supaya menyertai perkhidmatan mengikut apa yang telah dilakukan oleh ibu bapa mereka.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini adalah satu badan bebas iaitu telah dilantik oleh Tuan Yang di-Pertuan Agong dan mereka mengambil tugasnya menerusi apa yang telah diletakkan dalam Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan dalam akta itu tidak ada ruang untuk mereka memberi satu kemudahan di mana mereka yang bertugas dalam perkhidmatan awam akan dapat menempatkan anak mereka dalam perkhidmatan awam. Ini cara lamalah saya ingat dalam musim British kalau orang itu ketua kampung anak dia menjadi ketua kampung. Jadi saya ingat kita sekarang ini tidak mengamalkan sikap seperti ini dan saya ingat lebih baik kalau mereka yang layak dan betul-betul perlu untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam mereka akan diambil oleh kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey Datuk Yaakob.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak begitu risau tentang penyertaan bukan bumiputera dalam perkhidmatan awam kerana pelbagai dasar telah pun dibuat, usul-usul telah pun dibuat tetapi nampaknya mereka kurang berminat. Apa yang menjadi masalah Tuan Yang di-Pertua saya mendapat pandangan Yang Berhormat Tan Sri Menteri, iaitu bagaimana pula pihak Jabatan Perdana Menteri untuk memastikan pihak swasta ambil kira kumpulan bumiputera untuk menjawat jawatan-jawatan dalam kumpulan pengurusan dan eksekutif. Ini merupakan satu masalah besar dalam hari ini. Terima kasih.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat juga bahawa ada ruang untuk keadaan di pihak swasta dapat diperbaiki iaitu penglibatan profesional-profesional ataupun pegawai-pegawai yang bumiputera untuk mengambil tempat dalam pengurusan syarikat-syarikat. Tetapi ini adalah satu perkara yang kita tidak dapat memaksakan sesiapa, sebab kepunyaan syarikat-syarikat ini memang orang swasta, orang persendirian dan mereka melaburkan kewangan mereka dalam syarikat ini dan kita tidak dapat memaksa. Kita boleh menggalakkan dan kerajaan menggalakkan mereka untuk mengambil pekerja dari kaum-kaum yang terdapat di negara kita.

Kalau saya lihat yang ideal *situation* kalau di negara kita ini perkhidmatan awam kita ditadbir oleh semua kaum mengikut pecahan bilangan iaitu peratusan bilangan dan begitu juga dengan pihak swasta. Saya ingat ini adalah satu perkara yang kita tidak dapat laburkan sertamerta.

Timbalan Yang di-Pertua: Adalah baik Yang Berhormat Menteri datang sendiri hari ini untuk memberi jawapan yang cukup jelas supaya kekhuatiran dalam perkara ini tidak timbul lagi pada masa-masa akan datang. Silakan Yang Berhormat Datuk Ratnam a/l Muthiah.

5. **Datuk Ratnam a/l Muthiah** minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa syarikat-syarikat GLC's banyak mengalami kerugian prestasinya kurang memuaskan. Adakah pihak Kerajaan mempunyai satu garis panduan untuk syarikat GLC's bagi tujuan pemantauan agar syarikat GLC's terbabit berada di tahap yang menguntungkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab sekali gus soalan-soalan juga daripada Yang Berhormat Puan Siti Zailah pada 24 hari bulan, Yang Berhormat Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok, 24 hari bulan dan juga Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah, 29 hari bulan. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Okey setuju, silakan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, adalah kurang tepat untuk mengatakan bahawa kebanyakan GLC menunjukkan prestasi yang kurang memuaskan kerana hanya sebilangan kecil yang mengalami kerugian. Bagi tahun kewangan 2005 antara 15 syarikat GLC yang terbesar, hanya tiga yang mengalami kerugian iaitu BIMB Holding (Bank Islam

Malaysia Bhd), MAS dan juga UEM World. Proton juga pada suku tahun akhir mengalami kerugian tetapi pada keseluruhan tahun kewangannya menguntungkan. Tuan Yang di-Pertua bagi MAS ini adalah berkenaan peningkatan kos bahan api, dan sedikit masalah lain. Bagi BIMB kerana membuat *provision* dalam *accounting* dia kerana kerugian di luar negara, operasi luar negara melalui cawangan di Labuan.

Yang ketiga tentang UEM World ini mereka juga rugi kerana operasi di luar negara. Tuan Yang di-Pertua bagi memantapkan pencapaian GLC satu program menyeluruh yang dikenal sebagai program transformasi syarikat berkaitan kerajaan ataupun GLC dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 9 hari bulan Julai tahun 2005. Program ini dilaksanakan mengenai satu buku garis panduan yang dipanggil 'Manual Transformasi' ataupun '*Transformation Manual*' yang memberi gambaran terperinci akan langkah-langkah yang perlu diambil oleh GLC untuk mempertingkatkan pencapaian mereka. Saya tidak bercadang untuk menyebut semua sekalilah ini panjang ada sepuluh inisiatif kesemuanya.

Yang kedua, tentang langkah penetapan indeks prestasi utama ataupun *key performance index* dan juga ganjaran berasas prestasi atau *performance link compensation* dilancarkan pada 24 hari bulan Mei 2004. Yang ketiga pada 26 hari bulan April 2006, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan Buku Merah yang menggariskan garis panduan penyusunan semula dan penambahbaikan sistem perolehan GLC dan Buku Hijau bagi memperkukuhkan keberkesanan Lembaga Pengarah dalam menerajui prestasi dan pencapaian syarikat. Juga Tuan Yang di-Pertua satu badan pihak pemantau telah pun dilantik iaitu dipanggil Putrajaya Committee on GLC High Performance ataupun PCG yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua yang telah ditubuhkan pada Januari 2006 dengan mandat menerajui dan menjadi pemangkin program transformasi syarikat berkaitan kerajaan. Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya pandangan Yang Berhormat jika saya katakan bahawa syarikat-syarikat GLC yang mendapat keuntungan ini adalah kerana bergantung kepada faedah-faedah dan kontrak-kontrak yang diberikan oleh kerajaan dan syarikat-syarikat GLC yang tidak mendapat faedah ataupun kontrak-kontrak daripada kerajaan selalunya mendapat kerugian seperti MAS, TNB dan satu dua lagi. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, syarikat yang saya sebut contoh tadi, adalah 15 syarikat yang terbesar. Kalau kita lihat dari segi ekuiti memanglah majoriti kerajaan, ada yang sehingga 80% pun ada, 82% ekuiti. Sebagai syarikat kerajaan, tentulah kerajaan akan bagi keistimewaan kepada mereka kalau tidak apa ertinya menjadi anak syarikat kerajaan. Jadi memang tepatlah tetapi kalau kita lihat macam Malayan Banking misalnya dia tidak mendapat *direct* bantuan daripada kerajaan. Telekom mungkin kerana dia, sebenarnya Telekom, Tenaga mereka ini ialah mendapat monopoli sebenarnya.

Lain-lain macam Bank Bumiputera Commerce Holding (BCB), tidak mendapat secara *direct*, Golden Hope dalam bidang *plantation* dan sebagainya. Jadi Proton mungkin mendapat sedikit insentif dari kerajaan dari segi *tax* dan sebagainya. Tetapi bukanlah mereka berjaya kerana bantuan kerajaan semata-mata tetapi kerana usaha mereka juga Tuan Yang di-Pertua dalam berbagai-bagai cara.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya Datuk Ratnam.

Datuk Ratnam a/l Muthiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berapakah jumlah GLC yang sedia ada? Apakah ciri-ciri atau kriteria yang diambil kira untuk melantik pengarah-pengarah di Lembaga Pengarah syarikat-syarikat GLC ini. Adakah konsep kongsi kuasa Barisan Nasional diamalkan dalam pelantikan ini dan sekiranya tidak, mengapa tidak? Sekian.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, jumlah GLC hampir ada 100 kesemuanya. Ia berbagai-bagai-bagai tahap ekuiti Tuan Yang di-Pertua, ada yang tinggi seperti yang saya sebut tadi, ada juga yang hanya mempunyai satu *golden* syer kerajaan. Ada satu *golden* syer maknanya kerajaan berkuasa untuk membuat keputusan. Ada yang untung banyak, ada yang untung sedikit, ada yang rugi sedikit dan sebagainya. Dalam hal pelantikan pengurus-pengurus ini memang kerajaan melihat prestasi mereka hendak melantik bukan hanya melantik sebarang tangkap muat tidak. Kita mencari yang terbaiklah.

Sebab itu kita lihat hari ini ada yang umurnya muda, tetapi oleh sebab prestasinya tinggi, baik di syarikat-syarikat yang lain sebelum itu, maka mereka juga dilantik. Kita lihat, saya tak berani sebutlah. Semua orang tahu, perantikan-perantikan yang telah dibuat oleh Kerajaan ke atas CEO-CEO syarikat-syarikat yang besar. Saya kira muda-muda belaka kerana prestasi mereka. Sebenarnya tidak ada, dalam konsep Barisan Nasional, Kerajaan tidak bagi tumpuan kepada satu kaum sahaja ataupun satu parti sahaja, tidak. Sekarang ini dia sudah ada pelbagai kaum yang duduk memegang jawatan-jawatan penting dalam syarikat-syarikat Kerajaan. Tidak semestinya di peringkat CEO sahaja, tetapi di bawah-bawah lagi pun banyak. Saya tidak ada perangkaan yang terperinci, tetapi yang saya diberitahu bahawa di pelbagai peringkat, bukan hanya di peringkat CEO sudah ada pelbagai kaum duduk memegang jawatan di dalam GLC-GLC Kerajaan, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rakyat sudah mula mempertikaikan ketegasan kerajaan terhadap syarikat GLC ini. Bagaimanakah Kementerian Kewangan memantau syarikat-syarikat GLC ini dan apakah wakil daripada Kementerian Kewangan yang menjadi Lembaga Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat keputusan dalam syarikat-syarikat GLC ini? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato' Musa, saya sudah jawab tadi, bagaimana Kerajaan memantau GLC ini, yang sudah disebut, panjang tadi saya sebut. Soalan yang ...

Timbalan Yang di-Pertua: Sudah jawab, tak payah jawab, Dr.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahya: Sudah jawab dah. Jadi, saya ingat itu pandangan Dato' Musa sendirilah tentang apa yang disebut tadi. Apa yang Kerajaan buat ialah kita sedaya-upayalah cuba meningkatkan berterusan usaha ini dijalankan untuk memastikan syarikat-syarikat Kerajaan untung. Kalau tak untung, yang rugi Kerajaan juga. Jadi kita nak pastikan dia untung semua, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada orang berniaga tak nak untung ke? Semua nak untung. Okey, terima kasih Yang Berhormat.

6. Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menggubal silibus khas bagi membekalkan para siswazah dengan kemahiran 'survival skills' agar mereka mempunyai daya ketahanan diri dan mental untuk menghadapi cabaran yang bakal mendatang apabila mereka bekerja nanti.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa Kementerian sentiasa mengambil berat terhadap pembentukan daya ketahanan mental serta fizikal atau '*survival skills*' dengan izin kepada bakal siswazah bagi menghadapi cabaran yang bakal mendatang apabila mereka bekerja nanti. Oleh itu Kementerian telah mengambil beberapa langkah yang di antaranya termasuklah:-

- (i) Bekerjasama dengan industri serta agensi Kerajaan dalam menggubal dan membangunkan program pengajian yang dapat melengkapkan dan membangunkan siswazah dengan pengetahuan serta kemahiran '*hard skills*' dan '*soft skills*', dengan izin, yang diperlukan untuk menghadapi dunia pekerjaan, dan juga memasukkan aspek pembangunan ketahanan mental, fizikal dan jati diri di dalam program kokurikulum serta program orientasi mengikut bidang pengajian di IPT;
- (ii) Menggalakkan pelajar supaya sentiasa bergiat aktif dalam bidang kokurikulum bagi mengumpul elemen '*soft skills*' dengan izin seperti daya kepimpinan, kemahiran komunikasi, interpersonal dan sebagainya. Nilai-nilai tambah ini akan dapat meningkatkan keyakinan diri pelajar serta menjadikan mereka lebih *marketable*, dengan izin;
- (iii) Meningkatkan peranan Unit ALUMNI, bimbingan kerjaya dan kaunseling di IPT yang memainkan peranan sebagai pembimbing kepada siswazah dalam menghadapi cabaran pekerjaan;
- (iv) Melaksanakan program penempatan pelajar ataupun latihan industri di mana pelajar akan menjalani latihan praktikal selama 6 bulan dengan pihak industri;

- (v) Menjalankan kajian pengesanan siswazah IPT bagi mengukur tahap *employability* dan *marketability* siswazah bagi mengambil tindakan susulan pembangunan selanjutnya.

Dengan usaha-usaha ini, maka siswazah telah diberi peluang untuk melengkapkan diri dengan ketahanan diri dan mental untuk menghadapi cabaran yang bakal mendatang apabila mereka bekerja nanti. Oleh itu, cadangan menggubal silibus khas bagi membekal para siswazah ini dengan kemahiran '*survival skills*' akan diberi perhatian dan dipertingkatkan dari masa ke semasa. Sekian, terima kasih.

Tuan Ir. Hiang A Li: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, pandangan sayalah. Bukan sahaja menghadapi cabaran dari segi pertahanan diri dan juga mental untuk cabaran tempatan sahaja dan nampaknya yang lebih penting ialah menghadapi cabaran dari luar negara iaitu fenomena globalisasi. Jadi, adakah langkah-langkah ini memadai untuk saingan pelajar itu ditingkat supaya menghadapi cabaran daripada luar negara. Kalau sekiranya tidak, adakah pihak Kementerian Pengajian Tinggi ada rancangan untuk berbuat demikian? Terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai 18 buah IPTA yang memiliki atau menawarkan 828 kursus dan dalam menghadapi cabaran globalisasi, kita memerlukan ilmu, kemahiran, maklumat dan juga idea-idea daripada pelajar-pelajar untuk disumbangkan ke peringkat *local* ataupun di peringkat global. Dari itu, antara yang dititikberatkan selain daripada yang disebutkan tadi ialah silibus-silibus seperti keusahawanan yang diberi pendedahan kepada pelajar dari awal mereka memasuki alam kampus. Menekankan pembelajaran secara berkumpulan, boleh melatih untuk mereka bertanggungjawab dan menjadi pemimpin.

Mereka didedahkan dengan komunikasi sebagai *survival* dengan mengadakan program bahasa ketiga, seperti bahasa Cina, bahasa Arab, dan akan memantapkan prasarana ketika mereka menghadapi program-program bahasa ini. Dalam program pengajian Islam, mereka diketengahkan dengan program *major minor*, dan juga program *major-major*. Di antaranya ialah *double-major*, yang antaranya ialah program syari'ah dan undang-undang, program syari'ah dan ekonomi. Pelajar-pelajar yang dikatakan tidak memahami ataupun tidak aktif dalam program-program kokurikulum akan dimantapkan lagi dengan mewujudkan unit Hal Ehwal Pelajar yang mana Unit Kerjaya dan Kaunseling akan memantapkan lagi usaha untuk mendampingi pelajar secara *reach out* ataupun mendekati pelajar dari masa ke semasa dan latihan industri yang diletakkan di peringkat *multi-nasional company* yang akan memberi mereka memahami asas untuk berhadapan dengan dunia globalisasi. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat sedar adanya pilihan raya di Institusi Pendidikan Tinggi kita, selain daripada bertujuan untuk memilih membentuk perwakilan, badan perwakilan pelajar melalui satu sistem yang lebih demokratik, apakah sebenarnya tujuan diadakan pilihan raya atau semacam pilihan raya ini yang diamalkan di institusi-institusi pendidikan tinggi kita sekarang? Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, Mengikut AUKU Seksyen 48, universiti kena mengadakan pilihan raya untuk mendapatkan Majlis Perwakilan Pelajar dengan mengadakan pemilihan setiap tahun, di mana di peringkat kita memilih Majlis Perwakilan Pelajar, pelajar-pelajar dikehendaki untuk memilih calon-calon yang berkeelayakan dan juga mempunyai keterampilan serta mampu untuk membela ataupun membangunkan kebajikan pelajar dalam kampus.

Sebab itulah, apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Dato' Rashid berkaitan dengan bagaimana universiti memberi peluang kepada penuntut-penuntut di universiti pada hari ini untuk terlibat sama dalam proses demokrasi untuk memilih pemimpin-pemimpin untuk memberikan mereka perkhidmatan sama ada di peringkat fakulti ataupun di peringkat universiti. Pemimpin-pemimpin ini akan mewakili para pelajar ke peringkat nasional dengan adanya tertubuh Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan di mana Timbalan Perdana Menteri sendiri menjadi Pengerusi kepada mereka untuk mendengar dan juga membantu mereka dalam melaksanakan tugas sebagai pemimpin mahasiswa. Terima kasih.

Tuan Ismail bin Kassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Di antara kelemahan yang dapat kita kenal pasti kepada pelajar-pelajar kita ialah dalam mengutarakan pendapat ataupun pandangan secara *impromptu*, bila mereka berhadapan dengan proses temuduga dan sebagainya. Bilakah pihak Kementerian bercadang untuk mewajibkan pelajar-pelajar ini mengambil kursus siri pengucapan awam sebagai kursus elektif wajib, kerana saya rasa inilah di antara pendedahan terpenting, sebagai persiapan mereka apabila mereka keluar ke pasaran pekerjaan kelak? Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat, kita dalam menetapkan hasil pembelajaran dalam universiti kementerian merangka kerangka kelayakan Malaysia yang mana menetapkan elemen-elemen seperti pengetahuan dalam ilmu bidang, profesionalisme, nilai, sikap, tingkah laku dan etika. Kemahiran *psikomotor*, praktikal dan teknikal, kemahiran komunikasi, pengurusan maklumat dan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat. Yang keenam, pemikiran kritis dan kemahiran saintifik dan terakhir kemahiran mengurus dan keusahawanan.

Dalam program yang keempat iaitu kemahiran komunikasi. Kementerian sentiasa meletakkan harapan supaya dalam *domain* yang kita letakkan kepercayaan kepada universiti untuk memastikan bahawa kemahiran komunikasi dipertingkatkan melalui program-program yang disusun dan di antaranya ialah seperti program praeksekutif dilakukan di UKM untuk

mendedahkan pelajar-pelajar berkenaan dengan betapa pentingnya mereka terlibat dalam kemahiran *public speaking* ataupun kemahiran keupayaan untuk berhujah dalam mana-mana *platform* sama ada dalam negara dan luar negara.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat saya mohon untuk berundur bagi membolehkan Tuan Yang di-Pertua, mengambil alih mesyuarat ini sebagai persediaan untuk pembentangan Rancangan Malaysia Ke-9 oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Ini sebagai penghormatan Dewan Negara kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri [*Tepuk*].

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Suka saya tambah bahawa penghormatan itu adalah berdasarkan prinsip bahawa cabang eksekutif ditentukan oleh Perlembagaan mencorakkan Dewan Negara dan menteri-menteri selaku anggota Kabinet berhak hadir untuk paparkan akauntabiliti selaku pemerintah, maka penghormatan tersebut tidak semata-mata berdasarkan sentimen malah berasaskan kepada prinsip yang luhur. Terima kasih. Soalan berikutnya Dato' Dr. Jins Shamsudin.

7. **Datuk Dr. Jins bin Shamsudin** minta Menteri Kewangan menyatakan tidakkah kerajaan bercadang untuk mewujudkan skim KWSP kepada seniman dan karyawan seni bagi menjamin masa hadapan mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat pekerja yang bekerja di sektor swasta dan pekerja yang tidak berpencen di sektor awam telah diwajibkan untuk mencarum kepada KWSP. Kadar caruman bulanan semasa ialah 11 peratus daripada gaji bagi caruman pekerja dan 12 peratus daripada gaji bagi caruman majikan. Bagaimanapun, pekerja berpencen di sektor awam dan bekerja sendiri dan mana-mana orang yang bukan bekerja seperti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta KWSP dan bukan majikan termasuk seniman dan karyawan boleh mencarum secara sukarela kepada KWSP. Kadar caruman minimum ialah RM50.00 dan maksimum ialah RM5,000.00 sebulan. Walau bagaimanapun jika seniman ataupun karyawan seni ini adalah merupakan pekerja di bawah Akta KWSP, iaitu mereka diambil bekerja di bawah kontrak perkhidmatan oleh mana-mana majikan mereka juga diwajibkan mencarum. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Masa cukup.

[*Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan telah tamat*]

USUL**RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN (2006 – 2010)**

Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacitanya saya berdiri di Dewan yang mulia ini bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengemukakan satu usul seperti berikut:

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi yang baik semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan walau pun berhadapan dengan persekitaran global yang begitu mencabar;

merestui usaha kerajaan untuk melaksanakan Misi Nasional sebagai rangka dasar pembangunan yang terdiri daripada lima teras utama bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan yang merangkumi strategi, program dan peruntukan yang diperlukan bagi tujuan merealisasikan Misi Nasional dan seterusnya kita berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih maju, saksama dan bersatu padu seperti dibentangkan dalam Kertas Perintah CMD 1 Tahun 2006;

bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman dan iltizam yang teguh untuk membangun negara bersama-sama kerajaan ke arah menjadi negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.”

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesembilan bagi tempoh 2006-2010 berserta Misi Nasional dibentang untuk di bahas oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Alhamdulillah Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan rakyat pada 31 Mac 2006 sesungguhnya melakar satu sejarah penting negara dalam rangka perjalanan kepada titik pertengahan untuk menjadi negara maju pada tahun 2020. Kita juga bersyukur meski pun menghadapi pelbagai cabaran, keluaran dalam negara kasar (KDNK) telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 6.2 peratus setahun antara tahun 1991 dengan tahun 2005, satu peningkatan lebih sekali ganda.

Pendapatan isi rumah meningkat daripada RM1,169 sebulan pada tahun 1990 kepada RM3,249 sebulan dalam tahun 2004. Manakala jumlah eksport negara meningkat pada kasar purata 13.5 peratus setahun dalam tempoh yang sama. Ini menjadikan negara kita negara pedagang ke-18 yang terbesar di dunia.

Negara juga telah memperlihatkan kemajuan dari segi sosial. Kadar kemiskinan menguncup daripada 22.8 peratus pada tahun 1990 kepada 5.7 peratus pada tahun 2004.

Keperluan asas seperti perkhidmatan kesihatan, pendidikan serta perumahan lebih banyak disediakan. Demikian juga dengan pembangunan prasarana dan utiliti demi manfaat keseluruhan rakyat.

Fasa kedua untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 adalah tempoh yang lebih mencabar. Justeru kita perlu menjadikan baki kurang 15 tahun yang tinggal sekarang sebagai tempoh yang paling produktif, yang paling bermakna demi mencapai cita-cita dan wawasan yang kita telah gagaskan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai panduan dan pedoman bagi perjalanan ke arah menjadi negara maju mengikut acuan kita sendiri kerajaan telah menggubal dan akan melaksanakan Misi Nasional. Ia adalah satu rangka kerja kepada agenda pembangunan negara untuk tempoh 15 tahun akan datang. Misi nasional yang dirangka merangkumi lima teras utama:

- Teras Pertama:** Meningkatkan nilai tambah dalam ekonomi negara.
- Teras Kedua:** Meningkatkan keupayaan pengetahuan kreativiti, dan inovasi negara serta memupuk 'minda kelas pertama'.
- Teras Ketiga:** Menangani masalah ketidakseimbangan atau ketidaksamaan sosioekonomi secara membina dan produktif.
- Teras Keempat:** Meningkatkan tahap dan kemapanan kualiti hidup.
- Teras Kelima:** Pengukuhan keupayaan institusi dan pelaksanaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Rancangan Malaysia Kesembilan adalah pemacu Misi Nasional dalam mencapai Wawasan 2020 demi membina tamadun dan menjulang martabat negara. Kerajaan ingin membentuk sebuah negara yang maju ekonominya, seimbang pembangunan sosialnya, memiliki warga yang bersatu padu, berbudaya, berpekerti mulia, berkemahiran, berfikiran maju serta berpandangan jauh.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna Yang Amat Berhormat, kalau ada misi perlu ada apa yang dikatakan *sense of mission*.

Timbalan Perdana Menteri: Betul Tuan Yang di-Pertua. *Sense of mission* ini menjadi pelengkap dalam usaha kita mencapai segala-galanya.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi bermakna kalau rakyat Malaysia tidak ada *sense of mission*, misi kita itu tinggal angan-angan sahaja mungkin, Yang Berhormat.

Timbalan Perdana Menteri: Kita mesti bermula, Tuan Yang di-Pertua, dengan menjadikan Misi Nasional ini sebagai milik kita, dengan izin, *we must take ownership of the National Mission*, Tuan Yang di-Pertua.

Kerajaan juga akan memastikan bahawa kedudukan makro ekonomi negara kekal stabil. Tekanan inflasi sentiasa terkawal dan dasar fiskal terus menyokong pertumbuhan negara. Defisit Kerajaan Persekutuan sedang dikurangkan secara beransur daripada 3.8% pada tahun 2005

kepada 3.4% pada tahun 2010. Bagi maksud ini kerajaan akan menguruskan akaun awam secara berhemah serta memastikan keberkesanan kos perbelanjaan.

Pelaburan swasta juga dijangka berkembang pada kadar purata 11.2% setahun dan bakal mengatasi jumlah pelaburan sektor awam buat pertama kalinya semenjak krisis kewangan Asia. Pada masa yang sama, sumbangan produktiviti faktor keseluruhan atau *total factor productivity* dijangka meningkat daripada 29% kepada 35.8% selaras dengan peralihan kepada ekonomi yang berpaksikan pengetahuan dan mengutamakan kecekapan.

Eksport Malaysia dalam tempoh lima tahun akan datang dijangka menggalakkan dengan eksport kasar berkembang pada kadar 8.5% setahun. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, jumlah dagangan dijangka melepasi RM1 trilion buat pertama kalinya dalam sejarah negara kita. *[Tepuk]*

Pertumbuhan KDNK sebenar yang dijangkakan adalah pada kadar purata 6% setahun. Berdasarkan kadar pertumbuhan ini, Keluaran Negara Kasar per kapita dijangka meningkat pada kadar purata 5.9% setahun mencecah RM23,523 pada tahun 2010. KNK per kapita dari segi pariti kuasa beli pula dijangka meningkat kepada USD13,878 menjelang tahun tersebut.

Kerajaan akan mengamalkan dasar luar negara yang dapat memberi manfaat sepenuhnya bagi mencapai misi nasional. Kita akan berusaha menggalakkan persekitaran luar yang kondusif, mengukuhkan kerjasama serta keamanan dan kestabilan di dalam dan luar rantau ini. Kita akan mengambil inisiatif secara lebih agresif meneroka pasaran, mempromosi eksport, menarik pelaburan dan meningkatkan pelancongan. Kita akan terus berunding dan menyertai perjanjian perdagangan dua hala dan serantau yang dapat memberikan manfaat kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menggariskan dasar dan program utama Rancangan Malaysia Kesembilan untuk mencapai teras dan objektif misi nasional.

Teras Pertama - Meningkatkan Nilai Tambah Dalam Ekonomi Negara. Untuk meningkatkan daya saing jangka panjang negara, kerajaan akan terus menggalakkan peralihan kepada aktiviti yang mempunyai nilai tambah yang tinggi dalam tiga sektor utama ekonomi, iaitu:

- (i) pembuatan;
- (ii) perkhidmatan; dan
- (iii) pertanian.

Sektor pembuatan dijangka berkembang kepada kadar 6.7 peratus setahun dan akan terus beralih kepada aktiviti berteknologi tinggi dan berintensif pengetahuan dengan nilai tambah yang tinggi. Kerajaan akan menyediakan insentif khusus untuk menarik pelaburan terutama FDI yang berkualiti. Di samping itu, kita akan menggalakkan perusahaan kecil dan sederhana atau PKS yang mempunyai keupayaan inovasi tinggi untuk menyertai rantaian pembekal dunia.

Sektor perkhidmatan pula dijangka berkembang kepada tahap 6.5%. Wilayah Ekonomi Johor Selatan akan dibangunkan sebagai hab perkhidmatan serantau yang dinamik. Dana

Perkhidmatan Eksport dan Dana Sektor Perkhidmatan PKS akan ditubuhkan bagi meningkatkan akses kewangan pada sektor ini.

Kita menyasarkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama dunia dan meningkatkan pelancongan domestik dengan menarik seramai 24.6 juta pelancong setahun menjelang tahun 2010. Kita juga akan menjadikan Malaysia sebagai pusat pelancongan kesihatan serantau dengan membangunkan pakej perkhidmatan kesihatan yang komprehensif.

Bagi perkhidmatan pendidikan, kita akan menggandakan usaha membangunkan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan serantau pendidikan peringkat *tertiary*. Dalam perkhidmatan kewangan pula, usaha akan ditumpukan ke arah mengukuhkan Malaysia sebagai pusat perbankan dan kewangan Islam antarabangsa. Kerajaan juga akan menggalakkan pembangunan industri menyelenggara, membaiki dan membaik pulih atau MRO pesawat dan kapal serta industri logistik bersepadu.

Sektor pertanian disasarkan berkembang sebanyak 5%. Sektor ini akan dibangunkan melalui program pertanian baru dengan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan nilai rantai serta meneroka aktiviti berasaskan pertanian yang mempunyai nilai tambah yang tinggi. Ini termasuk membangunkan perladangan komersial berskala besar, menggunakan ICT serta memanfaatkan sepenuhnya potensi bioteknologi. Negara juga berhasrat untuk menjadi negara pengeksport bersih bagi makanan menjelang tahun 2010.

Sebanyak RM11.4 bilion diperuntukkan kepada sektor pertanian. Kerajaan akan mewujudkan 28 taman kekal pengeluaran makanan Agropolis di Serdang dan Terminal Makanan Negara (TEMAN) di Ipoh dan Kota Bharu. Program penyatuan dan pemulihan tanah serta penanaman semula getah dan kelapa sawit akan terus dilaksanakan. Bagi pelaburan berkaitan ICT, Malaysia akan memanfaatkan potensinya dengan terus menggalakkan pertumbuhan industri perkongsian perkhidmatan dan penyumberan luar ataupun *shared services and outsourcing industry*.

Perhatian khusus akan diberi bagi menggalakkan penggunaan e-dagang dan kandungan digital tempatan secara lebih luas. Pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) pula akan ditumpukan kepada pembangunan rangkaian koridor di samping meningkatkan kemudahan di Cyberjaya.

Usaha akan dipergiat untuk membangunkan industri bioteknologi sebagai peneraju baru pertumbuhan ekonomi dengan tumpuan kepada penggunaan bioteknologi dalam pertanian, penjagaan kesihatan, aktiviti perindustrian dan *bio-informatik*. Sebagai melengkapi pembiayaan sektor swasta kerajaan akan memperuntukkan sejumlah RM2 bilion bagi menggalakkan pembangunan industri bioteknologi.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan turut meletakkan kepentingan tinggi kepada pewujudan pekerjaan baru bagi memastikan kadar pengangguran sentiasa rendah dan memastikan siswazah dan tenaga kerja mahir memperolehi pekerjaan yang setaraf dengan kelulusan mereka.

Selain itu, latihan *functional* akan disediakan bagi membekalkan kemahiran spesifik kepada tenaga kerja supaya mereka kekal *relevan* dengan keperluan industri.

Bagi meningkatkan penglibatan PKS secara lebih berkesan, kita akan menambah baik akses kepada pembiayaan, pengukuhan jalinan antara PKS dengan syarikat besar, domestik dan multinasional serta meningkatkan keusahawanan mahupun keupayaan teknikal PKS. Program penswastaan akan diperkemas dan diperbaiki dengan memberi tumpuan kepada projek berdasarkan keutamaan pembangunan nasional. Pemilihan syarikat konsesi berdasarkan pembidaan atau *bidding* dan inisiatif pembiayaan swasta (PFI) akan diperkenalkan.

Inisiatif untuk memperluas pasaran bagi produk dan perkhidmatan akan diperhebat dengan mengukuhkan kedudukan dalam pasaran tradisional dan menerokai pasaran baru. Usaha liberalisasi akan memperluas jangkauan global dan memberi peluang tambahan kepada perdagangan dan pelaburan Malaysia. Tuan Yang di-Pertua,

Teras Kedua: Meningkatkan Keupayaan Pengetahuan dan Inovasi Negara serta Memupuk Minda Kelas Pertama. Pembangunan modal insan dan anjakan minda merupakan satu cabaran yang besar. Tiga strategi utama untuk melahirkan modal insan kelas pertama akan dilaksanakan iaitu:

- (i) meningkatkan keupayaan dan penguasaan ilmu pengetahuan;
- (ii) memperkukuhkan keupayaan sains, R&D dan inovasi serta
- (iii) memupuk masyarakat berbudaya dan memiliki kekuatan moral.

Lebih banyak peluang pendidikan di semua peringkat kemudahan lebih baik akan disediakan. Dalam tempoh rancangan ini, kerajaan akan membina 180 buah sekolah rendah dan 229 sekolah menengah dan sekolah menengah serta berasrama penuh. Sekolah daif terutama di Sabah dan Sarawak akan diganti manakala kemudahan sekolah luar akan diperbaiki dan dinaiktarafkan.

Bagi pendidikan peringkat *tertiary*, Universiti Darul Iman di Terengganu, dan Universiti Darul Naim di Kelantan, serta beberapa politeknik akan dibina. Kerajaan juga akan meningkatkan kemudahan latihan kemahiran dengan membina beberapa buah Kolej Komuniti, Pusat Giat Mara dan Pusat Teknologi Lanjutan. Tumpuan juga akan diberi kepada usaha menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran sekolah luar bandar termasuk kemudahan ICT. Pendidikan dan latihan guru ditekankan untuk melahirkan guru-guru berkualiti, mahir, bertanggungjawab dan serta berbangga menjadi seorang pendidik.

Pelbagai langkah dilaksanakan ke arah memperkasa sekolah kebangsaan agar menjadi sekolah pilihan semua kaum. Kualiti pengajaran di sekolah kebangsaan akan ditingkatkan manakala kurikulum dan kokurikulum akan dikaji semula bersesuaian dengan kehendak semasa.

Mata pelajaran Bahasa Mandarin dan Tamil akan diperkenalkan sebagai mata pelajaran elektif. Semua sekolah kebangsaan sedia ada akan diusahakan sebagai Sekolah Bestari

menerusi pelaksanaan program pembestarian dan program pengkomputeran sekolah. Anak-anak istimewa dan yang mengalami masalah pembelajaran juga akan diberi perhatian yang sewajarnya. Keupayaan dan keberkesanan latihan untuk melahirkan tenaga kerja berkemahiran akan ditingkatkan. Pengambilan pelatih teknikal akan ditambah dua kali ganda dengan pelaksanaan sistem latihan dual nasional.

Kokurikulum teknikal pula akan diperbaiki dengan kerjasama dan input industri. Bagi meningkatkan kualiti pendidikan *tertiary* institusi pengajian tinggi tempatan akan di tanda aras mengikut piawaian antarabangsa. Manakala, kualiti ahli akademik dipertingkatkan. Keupayaan penyelidikan di universiti tempatan juga akan diperkukuhkan menerusi jalinan kerjasama dengan institusi terkemuka antarabangsa dan juga swasta. Institusi pengajian *tertiary* pula hendaklah menawarkan kursus yang memenuhi keperluan semasa modal insan.

Sesungguhnya, pendidikan dan latihan kemahiran adalah asas utama mobiliti sosial yang akan terus kita perjuangkan. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat komited untuk meningkatkan keupayaan berinovasi. Justeru, kita menyasarkan perbelanjaan R&D negara sebanyak 1.5% daripada KDNK menjelang tahun 2010.

Tumpuan utama menjurus kepada pengkomersialan penemuan-penemuan R&D. Lebih ramai penyelidik, saintis dan jurutera ingin dilahirkan dengan meletakkan sasaran 50 orang bagi setiap 10,000 tenaga kerja menjelang tahun 2010. Bagi mencapai sasaran ini, sejumlah RM500 juta diperuntukkan bagi program pembangunan sumber manusia SNT termasuk program *brain gain*. Masyarakat berminda kelas pertama adalah masyarakat yang berpengetahuan, mampu berdaya saing, berbudaya kerja cemerlang, berintegriti dan memiliki kekuatan moral. Di samping itu, masyarakat tahu menghargai budaya, kesenian, warisan serta sejarah negara, bangsa dan agamanya. Semangat Islam Hadhari yang menekankan kepada pegangan prinsip-prinsip berasaskan nilai-nilai universal yang luhur akan diterapkan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiknya kalau kita akan perolehi manfaat jika Yang Amat Berhormat ulangi apa yang kerajaan maksudkan minda kelas pertama. Yang Berhormat baru sahaja gariskan kriteria dan ciri-ciri.

Timbalan Perdana Menteri: Ciri minda kelas pertama Tuan Yang di-Pertua, kita dapat simpulkan sebagai manusia ataupun insan yang berbudaya tinggi, yang mempunyai nilai kerja cemerlang, yang ada integriti dan juga kekuatan moral dan mampu berdaya saing di dalam dan juga di luar negara. Pendek kata inilah insan cemerlang yang kita nak.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan belia adalah aset berharga yang akan mewarisi kepimpinan negara. Penghayatan mereka terhadap misi nasional perlu dipupuk. Kerajaan kini dalam proses menggubal Akta Belia Negara untuk dijadikan kompas panduan hala tuju belia di negara ini. Kerajaan akan terus memastikan penyertaan lebih ramai wanita dalam tenaga kerja termasuk menyediakan ...

[Tepuk]

Ada sambutan juga Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Wanita pun kena miliki minda kelas pertama juga kalau nak dibela. *[Ketawa]*

Timbalan Perdana Menteri: Sama, sama. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan terus memastikan penyertaan lebih ramai wanita dalam tenaga kerja termasuklah menyediakan lebih banyak peluang latihan, menggalakkan waktu kerja fleksibel dan juga mewujudkan *special window* dalam program Pembiayaan Perniagaan yang sedia ada. Kerajaan juga akan terus mengkaji semula undang-undang dan peraturan sedia ada yang mendiskriminasikan wanita demi membela nasib mereka.

Tuan Yang di-Pertua, teras ketiga, menangani masalah ketidaksamaan sosioekonomi secara membina dan produktif. Dalam tempoh rancangan ini, kita akan memberi penekanan semula kepada usaha menangani keadaan ketidaksamaan sosioekonomi. Atas kesedaran bahawa sasaran yang telah ditetapkan masih belum tercapai sepenuhnya. Strategi yang akan dilaksanakan dilandaskan kepada prinsip-prinsip berikut:

- (i) Membasmi kemiskinan supaya tidak ada rakyat yang ditinggalkan dari arus pembangunan dan dengan itu memperkukuhkan landasan sosioekonomi negara agar ekonomi nasional dapat terus dibangunkan secara mampan.
- (ii) Menjana arus pembangunan yang lebih seimbang terutamanya di kawasan yang kurang mengalami pembangunan dan seterusnya membuka lebih banyak peluang penyertaan di dalam ekonomi negara.
- (iii) Memastikan bahawa manfaat daripada pembangunan ekonomi dapat dinikmati oleh rakyat secara adil dan saksama.

Kerajaan menetapkan sasaran untuk mengurangkan separuh kadar kemiskinan keseluruhannya iaitu pada 2.8%. Dan membasmi sepenuhnya kemiskinan tegar menjelang tahun 2010. Kerajaan kini mengkaji semula ukuran pendapatan garis kemiskinan dan memperbaiki mekanisme yang membolehkan maklumat mengenai kemiskinan yang lebih tepat diperolehi. Program membasmi kemiskinan akan memberi tumpuan kepada usaha bina upaya di kalangan golongan miskin dengan menambah baik akses kepada penyelidikan dan kemahiran. Memupuk nilai positif serta membina keyakinan dan motivasi diri. Program khusus akan dilaksanakan bagi menangani kemiskinan di kawasan luar bandar dan bandar di kalangan bumiputera di Sabah dan Sarawak serta masyarakat Orang Asli.

Manakala bantuan kewangan secara terus kepada golongan warga emas dan golongan kurang upaya serta daif akan diberikan. Usaha bersepadu perlu dilaksanakan ke arah mencapai prioriti pendapatan, dan merapatkan jurang pendapatan. Jurang pendapatan antara bumiputera dengan etnik Cina akan dikurangkan daripada 1:1.64 pada tahun 2004, kepada 1:1.50 pada tahun 2010. Antara bumiputera dengan etnik India pula daripada 1:1.27 pada tahun 2004 kepada 1:1.15 pada tahun 2010. Jurang pendapatan antara bandar dengan luar bandar akan

dikurangkan daripada 1:2.11 pada tahun 2004 kepada 1:2 pada tahun 2010. Kerajaan juga menetapkan sasaran agar pendapatan isi rumah kumpulan penduduk 40% terendah ditingkatkan. Jurang pembangunan antara kawasan luar bandar dengan bandar dan antara wilayah akan dikurangkan. Kerajaan juga akan membangunkan kawasan-kawasan pertumbuhan baru seperti Koridor Utara Semenanjung yang merangkumi kawasan di negeri Perlis, Kedah, Perak Utara dan Seberang Perai. Koridor Timur yang merangkumi Kelantan, Terengganu dan Pahang serta Sabah dan Sarawak.

Kerajaan akan turut menambah baik kemudahan prasarana dan menggalakkan pertumbuhan peluang baru ekonomi untuk menjana pendapatan dan pekerjaan. Sejumlah RM1.2 bilion akan dibelanjakan bagi menambah baik bekalan air ke kawasan luar bandar, RM1 bilion bagi bekalan elektrik luar bandar, RM2.7 bilion bagi pembinaan jalan raya luar bandar dan RM900 juta untuk jalan kampung. Lembaga Kemajuan Wilayah baru akan ditubuhkan di Sabah dan di Sarawak bagi membangunkan kawasan pedalaman dan pusat pertumbuhan desa.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan komited untuk mencapai sasaran pemilikan ekuiti bumiputera antara 20-25% menjelang tahun 2010 dalam mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30% menjelang tahun 2020. Program penswastan akan terus berperanan sebagai landasan bagi membantu bumiputera berkecayaan untuk menyertai perniagaan. Kita juga akan membangunkan sumber modal bumiputera seperti tanah dan harta wakaf di bawah tanggungjawab pihak berkuasa agama Islam negeri. Pemilikan kekayaan bumiputera akan diperluaskan termasuk pemilikan harta kediaman dan perniagaan terutama di kawasan bandar. Bagi tujuan ini Perbadanan UDA akan ditubuhkan semula untuk melengkapkan usaha Yayasan Amanah Harta Tanah Bumiputera. Usaha juga akan dilaksanakan untuk menggalakkan lebih banyak pemilikan harta intelektual oleh bumiputera.

Kita juga akan membantu membangunkan tanah adat dan tanah peribumi di Sabah dan Sarawak melalui kaedah yang adil dan mengutamakan manfaat kepada semua pihak. Untuk memesatkan pembangunan masyarakat Orang Asli, satu pelan komprehensif, pembangunan komprehensif akan dilaksanakan. Usaha ini termasuk mewujudkan peluang penjaan pendapatan menerusi Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat dan Skim Penempatan Semula serta memperkenalkan program keusahawanan luar bandar. Pelbagai langkah juga akan diperkenalkan untuk meningkatkan pemilikan ekuiti etnik India kepada 3% menjelang tahun 2010. Ruang latihan kemahiran untuk belia India akan ditambah dengan memberi tempat di Pusat Giat MARA dan Institut Keusahawanan Negara serta penubuhan Pusat Putra.

Kerajaan juga akan terus memperbaiki keadaan dan kemudahan di kampung-kampung baru supaya semua kaum akan mendapat manfaat sewajarnya daripada peluang-peluang ekonomi. Kerajaan akan berusaha untuk memastikan bahawa pola pekerjaan benar-benar mencerminkan komposisi kaum masyarakat Malaysia di kedua-dua sektor awam dan swasta dengan kadar penyertaan yang sepatutnya.

Dalam memenuhi agenda menyusun semula masyarakat dan memastikan penyertaan lebih bererti bumiputera dalam sektor ekonomi, fasa kedua Program Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) akan dilancarkan. Bagi menambah baik pelaksanaan program ini, keupayaan agensi amanah, GLC dan koperasi akan dipertingkatkan manakala penglibatan usahawan bumiputera dalam bidang pertumbuhan baru akan digalakkan. Program pembangunan francais dan vendor pula akan diperkukuhkan.

Teras keempat – Meningkatkan tahap dan kemapanan kualiti hidup. Tuan Yang di-Pertua, kesejahteraan rakyat adalah segalanya. Pembangunan hanya lebih bermakna sekiranya rakyat dapat hidup selesa dengan tahap kualiti hidup yang tinggi. Makanya kerajaan terus memastikan seluruh rakyat mendapat manfaat daripada pembangunan dan hasil kemakmuran negara. Untuk itu, kita akan terus menyediakan rumah yang mencukupi, berkualiti dan mampu dimiliki terutama di kalangan mereka yang berpendapatan rendah. Sebanyak 43,800 unit rumah kos rendah akan dibina melalui Program Perumahan Rakyat. Usaha ini akan diperengkap dengan pembinaan kira-kira 29 ribu rumah kos rendah dan kos sederhana rendah oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad.

Pihak swasta hendaklah bersama membantu usaha murni kerajaan ini melalui Projek Pembangunan Bercampur. Bagi memperkemaskinikan Perkhidmatan Berkuasa Tempatan, sistem Petunjuk Prestasi Utama akan diguna pakai. Kerajaan akan melaksanakan Pelan Strategik Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan dan menggubal dasar Perbandaran Nasional untuk membantu perancangan dan pelaksanaan perkhidmatan perbandaran. Kemudahan kesihatan sedia ada akan dinaikkan taraf, antaranya menambah bilangan klinik bergerak, membina kemudahan baru dan mempertingkatkan penjagaan kesihatan di kawasan luar bandar.

Bagi menyediakan sistem yang bersepadu juga, perkhidmatan penjagaan kesihatan primer, sekunder dan *tertiary* akan digabung melalui sistem rujukan yang cekap dan padu.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan memperbaiki sistem pengangkutan awam secara lebih berkesan di bandar dan luar bandar. Sistem komuter, LRT dan monorel akan dipelengkap secara bersepadu serta mempunyai jaringan yang lebih meluas supaya menjadi sistem pengangkutan pilihan utama pengguna. Kerajaan akan mengambil langkah bagi meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga atau *energy efficiency* di seluruh negara bagi mengurangkan pembaziran sekali gus mempertingkat lagi pembekalan tenaga mencukupi.

Kerajaan juga berazam untuk mengurangkan penggantungan kepada keluaran petroleum melalui peningkatan penggunaan bahan api alternatif termasuk *biofuel* dan *biodiesel* serta sumber tenaga yang boleh diperbaharui.

Prasarana bekalan air akan ditingkatkan khidmat dan kualitinya dalam usaha memulihkan rangkaian pengagihan. Bagi mengurangkan ancaman banjir di seluruh negara, hampir RM4 bilion akan dibelanjakan bagi projek tebatan termasuk untuk negeri Perlis Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Perdana Menteri: Selain itu, langkah mencegah banjir akan juga dilaksanakan menerusi kawalan penggunaan tanah serta sistem bersepadu jangkaan amaran awal dan respons yang cekap. Dalam memastikan keseimbangan antara keperluan pembangunan dan pemuliharaan alam sekitar, kita akan meningkatkan penguatkuasaan, langkah pencegahan dan rawatan.

Antara projek utama yang akan dilaksanakan adalah membersihkan, memelihara dan mengindahkan sungai, pengurusan pantai, penanaman semula hutan dan pengurusan hidupan liar serta kawasan yang dilindungi. Jelasnya kita tidak akan berkompromi dalam penjagaan alam sekitar.

Akal yang baik datangnya dari tubuh badan yang sihat. Kerana itu kerajaan akan terus mempromosikan sukan massa di kalangan rakyat di samping berusaha mencapai kecemerlangan sukan di peringkat antarabangsa. 13 kompleks sukan komuniti akan dibina, sektor swasta akan digalakkan untuk menyediakan kemudahan serta membiayai program-program sukan dan rekreasi.

Negara yang bebas daripada ancaman dalam dan luar dapat meningkatkan keyakinan pelabur dan menjamin kestabilan politik. Sehubungan itu, langkah memperbaiki keberkesanan perkhidmatan polis akan diberikan perhatian manakala mekanisme pertahanan negara akan dipertingkatkan supaya kemerdekaan negara kekal berdaulat.

Selain itu, seluruh rakyat diseru supaya prihatin akan isu-isu sensitif berhubung agama, kaum, budaya dan bahasa agar tidak mencetus isu sensasi yang boleh menjejaskan ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Teras kelima – Mengukuhkan keupayaan institusi dan keupayaan pelaksanaan negara. Tuan Yang di-Pertua, kejayaan Rancangan Malaysia Ke-9 amat bergantung pada komitmen, kegigihan dan dedikasi semua pihak. Kerajaan mempunyai keazaman politik dan kesungguhan untuk melaksanakan rancangan ini. Selain mengambil langkah penambahbaikan, kerajaan akan memantapkan mekanisme pelaksanaan, pemantauan dan penilaian serta menubuhkan Badan Bertindak Pelaksanaan Negara atau BBPN. Kepada ahli-ahli dewan ini, saya menyeru, bertindaklah sebagai kumpulan pemantau dalam memastikan pelaksanaan rancangan besar ini berjaya sepenuhnya.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya telah pun memulakan lawatan ke beberapa buah kementerian untuk memantau dan memangkin pelaksanaannya. Pembangunan modal insan dalam perkhidmatan kerajaan akan digiatkan lagi. Di samping itu, peraturan dan undang-undang yang melewati pembangunan akan dikaji semula dan dipinda. Oleh itu, sebuah jawatankuasa bertindak sektor awam, sektor swasta akan ditubuhkan.

Bagi melaksanakan program merentasi sempadan, kerajaan telah mengambil langkah mengenal pasti peneraju pembangunan wilayah tersebut iaitu Khazanah Nasional bagi Wilayah

Ekonomi Johor Selatan, Permodalan Nasional Berhad bagi Koridor Utara Semenanjung dan Petronas bagi Koridor Timur. Agensi ini juga sedang giat membuat persediaan bagi mengenal pasti keutamaan pembangunan di wilayah-wilayah berkenaan.

Pemantauan projek akan diberi keutamaan dan penekanan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9. Sehubungan dengan itu, sistem pangkalan data sedia ada sedang dikemas kini dan diperkukuh bagi menyediakan maklumat yang boleh dijadikan asas dalam mengesan, menilai serta memantau pelaksanaan projek serta program pembangunan. KPI juga telah disediakan bagi setiap projek dan program bagi mencapai matlamat dan sasaran yang telah ditetapkan. Untuk memantapkan lagi pemantauan, mesyuarat pertama Badan Bertindak Pelaksanaan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun diadakan bagi membincangkan kaedah serta rangka pemantauan yang berkesan.

Melalui badan ini, sebarang masalah yang timbul yang boleh menjejaskan atau pun melengahkan proses pelaksanaan akan dapat dikesan serta merta dan diselesaikan dengan segera. Apa yang penting di atas segalanya, pelaksanaan rancangan ini mestilah berpaksikan kepada sifat amanah dan integriti yang tinggi terutama dalam memerangi rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mencapai misi nasional dalam tempoh rancangan, Kerajaan Persekutuan akan memperuntukkan sebanyak RM200 bilion bagi perbelanjaan pembangunan.

Di samping itu projek bernilai RM20 bilion akan dilaksanakan melalui inisiatif pembiayaan swasta atau PFI. Daripada jumlah keseluruhan peruntukan, 44.9% akan diagih kepada projek pembangunan di bawah sektor ekonomi, 37.5% - sektor sosial, 10.6% - sektor keselamatan dan 6.9% - sektor pentadbiran am.

Dari segi subsektor, pendidikan dan latihan akan diperuntukkan peratusan terbesar, 20.6% selaras dengan keazaman kerajaan untuk meningkatkan kualiti modal insan. Subsektor pengangkutan akan diperuntukkan sebanyak 15.9%, kemudahan awam dan tenaga - 10.9%, perdagangan dan perindustrian - 9.9%, pertanian - 5.7%, kesihatan - 5.4% dan perumahan - 5%.

Dari segi agihan peruntukkan mengikut negeri kita telah pun mengambil kira keperluan untuk merapatkan jurang pembangunan. Kerajaan yakin peruntukan yang disediakan berupaya merealisasikan hasrat dan matlamat rancangan ini dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulannya dengan jelas Rancangan Malaysia Kesembilan memberi kesempatan kepada kita mengenal pasti apa yang telah kita capai, memperbaiki kelemahan dan seterusnya untuk meletakkan kita di landasan perjalanan mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020. Misi Nasional menyediakan perspektif jangka panjang bagi menghasilkan prestasi lebih baik dan meningkatkan impak daripada gabungan usaha pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Amat Berhormat, saya telah mengikuti ucapan Yang Amat Berhormat dengan teliti, dan telah membuat beberapa catatan yang mana saya catat bahawa terdapat satu-satunya misi, Misi Nasional yang mempunyai lima teras yang mana sasaran,

matlamat dan objektif semuanya sudah jelas, yang jelas, yang mana strategi yang bijaksana mengambil kira realiti, paradigma, demografi, politik, ekonomi dan sosial budaya. Yang akan dilaksanakan melalui dasar-dasar yang mantap dan yang mana program-program yang teratur telah pun disediakan dan akan dibiayai dengan secukupnya. Adakah catatan saya ini menepati apa yang Yang Berhormat telah gariskan terhadap misi kita bersama ini.

Timbalan Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya, sifat saya sebagai seorang guru besar, saya boleh bagi markah A1 kepada Tuan Yang di-Pertua.

[Tepuk]

Kira cemerlang Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, justeru kita perlu memastikan pelaksanaan menepati jadual bagi mendapat pulangan sebenar daripada apa yang dibelanjakan. Unit Perancang Ekonomi dan Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan di bawah Jabatan Perdana Menteri bertanggungjawab memastikan program yang dilaksanakan adalah selari dengan teras pembangunan dan mencapai objektifnya.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesembilan ini adalah gagasan yang telah dihamparkan kepada kita, umpamanya sebuah pemandangan yang indah tetapi ia bukannya satu fatamorgana ia akan menjadi realiti, berkat usaha, doa dan tawakal kita semua. Rancangan Malaysia Kesembilan ini adalah milik kita semua. Oleh itu marilah kita semua berusaha untuk memastikan kejayaannya adalah cemerlang demi membina bangsa yang gemilang dan negara yang terbilang. Sesungguhnya, Misi Nasional ini, misi terpenting kita, misi bersama seluruh rakyat Malaysia. Misi Nasional, misi kita bersama. Kita merancang, Allah juga merancang, dan sesungguhnya Allah jualah sebaik-baik perancang. Oleh itu marilah kita berdoa agar rencana besar ini diberkati oleh Allah S.W.T.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang iaitu usul Rancangan Malaysia Kesembilan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu, terbuka untuk di bahas. Datuk Dr. Chin Fook Weng.

Datuk Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi kesempatan ini untuk...

Tuan Yang di-Pertua: Kalau saya di izin untuk membuatkan syor bagi perbahasan ini lebih berisi dan bermakna agar sentiasa ucapan kita dirujuk kepada ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi, yang mana harus merupakan dokumen rujukan induk untuk perbahasan selanjutnya. Silakan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita ingin berbuat demikian, dan dokumen yang telah dirujuk itu bukan satu sahaja tetapi ada semua, lebih daripada empat naskhah dan itu merupakan dokumen-dokumen...

Tuan Yang di-Pertua: Dengan izin, *should that be an excuse not to understand?*

Datuk Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, memang tidak, kalau kita mahu membahaskan sesuatu, kita ingin mengambil berat apa isi kandungan laporan itu sama ada kita setuju, sama ada kita ada teguran, kita ada cadangan dan sebagainya untuk satu proses pelaksanaan yang lebih cemerlang, terbilang dan gemilang seperti yang diharapkan. Jadi berasaskan kepada faktor-faktor Tuan Yang di-Pertua, saya dapati bahawa rancangan ini adalah satu rancangan yang begitu lengkap mengambil kira segala aspek dan pada lazimnya kita harus menyokong dan meluluskannya. Tetapi apabila kita menyemak perkara demi perkara, kerajaan juga memahami bahawa dalam Misi Nasional itu ada beberapa keperluan mustahak seperti yang telah dibentangkan tadi. Satu daripada keperluan mustahak ialah mengadakan 'minda kelas pertama'.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah pada saya satu perkara yang telah dirasai oleh kerajaan yang telah diberi perhatian oleh kerajaan dan banyak daripada aspek dalam Rancangan Malaysia Kesembilan itu adalah ditumpukan kepada perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyentuh tentang lima teras yang telah disebutkan itu, biarlah saya menyatakan bahawa dalam Dewan yang mulia ini, kita hanya dihadkan kepada 70 orang ahli dalam Perlembagaan. Dalam Perlembagaan satu lagi dokumen yang penting dalam negara kita, kita menetapkan bahawa di antara lebih kurang 26 juta penduduk di Malaysia ini, hanya 70 orang berhak datang ke Dewan ini untuk bahaskan sesuatu. Dan sebagai seorang yang telah diberi peluang ini, saya sangat-sangat menghargainya dan saya juga sangat menghargai peluang pada pagi ini yang diberi oleh rakan-rakan saya sebagai pengucap pertama dalam perbahasan ini. Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Bukan main ya, 70 orang sahaja daripada 26 juta. Yang baki tu pun hendak masuk ke sini juga.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Semua itu tidak tak ada had Tuan Yang di-Pertua. Kita sahaja 70 orang pun tidak cukup 70 orang. Ada kekosongan lagi. Tetapi yang maksimum ialah 70 orang sahaja. 40 orang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia, 26 orang dilantik oleh Dewan Undangan Negeri, 2 orang dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 1 orang dari Labuan dan 1 orang dari Putrajaya. Semuanya 70 orang sahaja Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita patut berasa begitu bangga kerana diberi peluang ini. Saya begitu bangga kerana diberi peluang ini untuk berhadapan dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri untuk menghujah ...

Tuan Yang di-Pertua: Timbalan Perdana Menteri.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Perdana Menteri untuk menghujah tentang apa yang telah dibentangkan itu. Jadi saya menyeru dan merayu kepada rakan-rakan saya yang ada di dalam

Dewan ini bahawa kita yang ada di sini mesti ikut sasaran supaya kita ada minda kelas pertama. Kalau kita yang ada di sini 70 orang sahaja tidak menunjukkan minda kelas pertama bagaimana

...

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, minta laluan. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak beri laluan?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Boleh, boleh.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Minta penjelasan apa itu minda kelas yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua: Kan tadi saya minta Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ulang, bukan baca tetapi ulang, pun tidak dengar lagi?

[Ketawa]

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu sama ada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin faham atau tidak faham.

Tuan Yang di-Pertua: Oh! Kalau barangkali Yang Berhormat ada pandangan yang berlainan sikit. Silakan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membaca sedikit daripada ucapan Perdana Menteri semasa beliau membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan di Dewan Rakyat untuk mengetahui perkara ini. Di dalam ucapan beliau, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan kita mahu kemajuan yang dapat dinikmati semua secara saksama tanpa mengira agama atau kaum, itu teras pertama. Kita mahu membina satu tamadun negara seiring dengan kecemerlangan tamadun Islam dan tamadun-tamadun lain selaras dengan pendekatan Islam Hadhari. Semangat Islam Hadhari itu menekankan kepada pegangan prinsip-prinsip berasaskan nilai-nilai universal yang luhur akan diterapkan.

Jadi, itu ialah teras kita kepada minda kelas pertama tetapi untuk mencapainya kita menghadapi beberapa masalah. Masalah pertama ialah keupayaan negara untuk bersaing di peringkat global. Ini adalah satu daripada cabaran kita menghadapi pembangunan modal insan, kita menghadapi masalah integrasi nasional, kita menghadapi masalah hubungan antara kaum, kita menghadapi masalah pengagihan pendapatan dan kekayaan dan kita menghadapi masalah bagaimana mutu hidup rakyat kita boleh ditingkatkan. Semua itu ialah digariskan dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi fokus kita ialah kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan supaya negara kita boleh maju dan kita rakyat jelata di sini boleh membantu dalam hasrat itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita di Dewan yang mulia ini ada kekuatan. Kita seramai 70 orang ini ada banyak kekuatan. Dan cabaran ialah bagaimana kita yang ada di sini boleh guna kekuatan kita untuk memimpin masyarakat kita supaya kita bersama-sama sampai ke masyarakat minda kelas pertama. Itu bagi saya ialah cabaran dan di Dewan yang mulia ini kita

harus memberi tumpuan kepada isu-isu seperti yang disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu. Tuan Yang di-Pertua, masalah ...

Tuan Chiam Yong Tee: Saya minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat ada sebut tentang bilangan ahli Dewan yang setinggi-tingginya 70 orang tetapi biasanya tidak sampai 70 orang. Jadi dari itu 26 orang ialah daripada negeri-negeri. Mereka dipilih daripada negeri iaitu dua orang setiap satu negeri. Bersetujukah Yang Berhormat bahawa perwakilan daripada negeri-negeri itu memanglah tidak mencukupi dan setujukah Yang Berhormat supaya pihak kerajaan patut buat pindaan dalam Perlembagaan supaya bilangan Ahli Dewan yang dipilih dari negeri-negeri itu ditambah, bukankah dua orang per negeri tetapi mungkin tiga orang atau lebih. Bagaimana?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat menyentuh satu perkara yang tidak tepat sebab dalam Perlembagaan Perkara 44 saya kira... saya mohon sebentar.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: 45 Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Komposisi Senat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, terima kasih Yang Berhormat. 45. Sebenarnya dalam Perlembagaan tidak perlu dipinda kerana di bawah 45 (iv) berbunyi Parlimen boleh melalui undang-undang:-

- (a) menambah bilangan ahli yang akan dipilih bagi setiap negeri menjadi tiga;
- (b) memperuntukkan bahawa ahli yang akan dipilih bagi setiap negeri dipilih sedemikian melalui undi terus oleh pemilih-pemilih negeri itu;
- (c) mengurangkan bilangan ahli yang dilantik atau menghapuskan ahli dilantik.

Semua peruntukan-peruntukan sudah ada dalam Perlembagaan maka tidak perlu pindaan kepada Perlembagaan. Terima kasih.

Tuan Chiam Yong Tee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tetapi amalan sekarang dua per negeri lah. Memang yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sebut tadi sebab Yang Berhormat meminta Perlembagaan dipinda. Saya kata tidak perlu dipinda.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, terima di atas penjelasan itu. Sebenarnya bukan bilangan yang penting. Sebenarnya kualiti yang penting. Kita hanya 70 orang tetapi kalau kita menunjukkan mutu dan kualiti yang begitu tinggi maka cukuplah. Tidak perlu kita tingkatkan tetapi yang datang ke sini semua tidak bincang isu-isu negara, bincang isu-isu pakaian, itu ini sahaja tetapi kita menghadapi cabaran-cabaran nasional, cabaran-cabaran global seperti yang digariskan oleh ...

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Mohon laluan, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat isu pakaian itu kita tidak bincang di Dewan Negara ini, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Saya dengar adalah, Tuan Yang di-Pertua. Tapi tidak mengapalah, itu sebagai satu contoh. Apa yang saya berhasrat menyatakan di sini ialah Dewan yang mulia ini patut membincangkan isu-isu nasional. Kita patut membincangkan isu-isu yang menjelaskan kehidupan rakyat kita, kedaulatan negara, perlembagaan kita, ideologi negara kita dan juga bagaimana kita menggunakan kekuatan di negara kita untuk memajukan negara kita. Sepatutnya itu yang menjadi isu-isu yang penting dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua.

Bagi saya...

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak tahulah parti Yang Berhormat, tapi parti saya, UMNO, ia ada cawangan, ia ada bahagian, ia ada konvensyen perhubungan dan ia ada perhimpunan agung. Jadi perbahasannya di peringkat cawangan kita bahas secara cawangan, di peringkat bahagian kita bahas secara bahagian, di peringkat konvensyen perhubungan kita bahas secara konvensyen, dan di perhimpunan agung kita bahas secara perhimpunan agung. Mungkin dalam parti Yang Berhormat adakah pembahagian pendekatan perbahasan itu sedemikian rupa juga?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai Speaker parti saya, selalu menentukan bahawa apabila kita membahaskan sesuatu, kita membahaskan isu-isu yang penting, isu-isu yang kita hadapi sebagai satu parti, isu-isu yang dihadapi kerana kita adalah dalam satu suasana globalisasi yang begitu mencabar masyarakat dan juga negara kita. Itu bagi kita ialah satu isu yang penting. Isu-isu yang kecil biarlah cawangan yang bincangkan, biarlah cawangan yang selesaikan. Biarlah mereka mengambil tahu tentang isu-isu *local* yang boleh ...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi: *[Bangun]*

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua yang mohon laluan tadi. Yang Berhormat hendak beri satu persatu atau sekali gus - dua sekali.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Kalau isu yang sama, kedua-dua sekali gus.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad dulu.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak hendak menyentuh polemik tentang isu tadi, tetapi saya hendak terus supaya Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng ini kembali kepada apa yang ingin kita perbincangkan iaitu soal cabaran terhadap misi nasional ini seperti mana yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat bahawa satu cabaran kepada Misi Nasional ini ialah cabaran globalisasi yang mempunyai agenda yang tersirat, yang ganas dan yang licik. Tetapi pada pandangan Yang Berhormat apakah yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini benar-benar memberi jaminan, benar-benar meyakinkan kita bahawa

kita boleh bersaing di pentas global ini dengan strategi ini, sebab kalau sekiranya apa yang kita rancang...

Tuan Yang di-Pertua: Yang sebab itu bagilah Yang Berhormat berpeluang menjawab.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi: Saya masih membangkitkan persoalan juga, bukan hendak menjawab. Sebab..sikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Sebab jika sekiranya apa yang ada di dalam - saya minta Yang Berhormat terus menjelaskan di mana Yang Berhormat merasa yakin bahawa apa yang digariskan, yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini benar-benar akan menjamin supaya kita ini dapat membina tamadun dan mengangkat martabat bangsa.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Yaakob, tadi Yang Berhormat kata sekali gus.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat pandangan kerana saya juga tersentuh apabila hujah-hujah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin tadi, seolah-olah penilaian terhadap Ahli-ahli Parlimen khususnya Ahli Dewan Negara sejak mungkin beliau berada dalam Dewan Negara ini tahap yang dibahaskan oleh Ahli-ahli Dewan Negara belum sampai ke satu tahap yang baik. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan bahawa Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin sebagai seorang pensyarah yang begitu boleh dikatakan saya terpegun dan kagum tentang hujah-hujahnya. Namun begitu, dengan pandangan Yang Berhormat tadi menyentuh perasaan saya kerana Ahli-ahli Dewan Negara dan mungkin Ahli-ahli Dewan Rakyat mewakili kepakaran masing-masing kadang-kadang tidak menonjolkan isu yang dibahaskan, apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, memang itu adalah cabaran kita. Seperti saya katakan tadi, kita ada kekuatan. Kita, bermakna semua 70 orang yang ada dalam Dewan ini tiap-tiap orang ada kekuatan. Cabaran ialah bagaimana kita dapat menggabungkan kekuatan-kekuatan masing-masing demi kemajuan negara. Itu yang penting. Saya bukan hendak bagi nasihat kerana saya telah menyatakan dari awal bahawa tiap-tiap yang dilantik atau dipilih ke Dewan yang mulia ini ada kebaikan, pengalaman, kekuatan, kebolehan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat bermaksud, bukanlah selalu hendak duduk di atas Menara Gading, kadang-kadang kita pun turun ke tanah juga dan seloroh, tetapi janganlah terus duduk di bawah tidak mahu naik langsung ke Menara Gading, itukah maksud Yang Berhormat?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Kita kena melihat keadaan yang sesuai. Kita bukan dalam satu situasi di mana tidak ada cabaran. Kita sekarang melihat bahawa ada cabaran kepada minyak kelapa sawit kita. Kita satu pengeluar atau penghasil minyak kelapa sawit yang penting di dunia sekarang ini...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat jangan lupa penjelasan yang diminta, adakah ini menepati cabaran?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Jadi apa yang kita harus buat ialah melihat segala cabaran. Ini bukan cabaran dalaman, ini cabaran luar. Kalau minyak kelapa sawit kita tidak dapat dipasarkan di pasaran antara dunia, maka ini akan menjejaskan dan apa yang ada dalam buku ini Tuan Yang di-Pertua... tidak boleh kita capai kerana RM200 bilion itu datang dari mana? RM200 bilion itu datang dari pertumbuhan ekonomi seperti yang diharapkan dalam pangkalan data dan sebagainya. Kalau esok kita menghadapi masalah, bagaimana kita boleh mencapainya?

Jadi, apa yang ditanya itu memang isu yang penting - Minda. Oleh sebab itu kerajaan sudah mengambil berat dan menjadikan menukar minda rakyat kita kepada minda kelas pertama itu sebagai satu daripada teras utama dalam lima teras yang ada itu. Oleh sebab itu, sama ada kita bersedia untuk menghadapi cabaran dan sebagainya, terpulanglah kepada kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat Iraq hari ini, daripada satu negara yang begitu maju, memainkan peranan yang begitu penting sekarang menghadapi masalah kerana kekuatan negara itu tidak dapat diteruskan untuk kebaikan negara.

Kita lihat di Thailand sekarang Tuan Yang di-Pertua, mereka menghadapi masalah. Kita tidak mahu melihat di Malaysia, kita juga menghadapi masalah. Saya mahu melihat rakyat kita makmur maju bahagia. Setiap keluarga ada tiga empat kereta dan bila-bila kita ada rancangan, kita ada duit. Duit tidak jadi satu masalah, itu yang saya mahu melihat. Kita telah mengumumkan kepada dunia, Malaysia Truly Asia. Itu adalah kekuatan kita. Jadi saya menyeru bahawa kita menggunakan kekuatan kita untuk mencapai apa yang dihasratkan oleh kerajaan dan pemimpin-pemimpin dari Dewan Negara ini. Biarlah mereka yang mengetuai misi ini supaya kita menyampaikan kerana apabila kita ucap kita ada 26 juta orang yang mendengar kita ucap. Itu kerana saya minta supaya kita memberi perhatian kepada peranan kita dan kita mengambil ini sebagai satu contoh di mana kalau kita...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh saya ganggu sebentar, sebagai panduan saya ingin mengesyorkan bahawa perbahasan mengenai perkara ini adalah bermula pada hari ini dan akan berterusan sehingga 25 Mei. Sementara tiga hari diperuntukkan untuk kementerian-kementerian menjawab bermula 29 Mei sehingga 31 Mei. Bermakna Yang Berhormat mempunyai peluang berbahas sepanjang hari ini, sepanjang minggu hadapan. Jadi saya dan seterusnya sehingga 25 Mei. Saya ingin mendapat sedikit panduan siapakah ahli yang ingin berucap pada petang ini.

Puan Hajah Wan Hazani binti Hj. Wan Mohd Nor: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat memerlukan berapa banyak masa? 10 minit, 15 minit, 20 minit?

Puan Hajah Wan Hazani Binti Hj. Wan Mohd Nor: 10 minit.

Tuan Yang di-Pertua: 10 minit. Adakah lagikah Yang Berhormat yang hendak bercakap petang ini?

Tuan Osman bin Bungsu: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Berapa minit?

Tuan Osman bin Bungsu: 45 minit.

Tuan Yang di-Pertua: 45 minit campur 15 minit 1 jam. Lagi? Bermakna Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng boleh terus bercakap sehingga 4.30 pada petang ini.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Saya harap boleh cakap sampai Isnin.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau ada yang lain, saya akan mohon Yang Berhormat untuk pendekkan ucapan boleh?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Boleh, boleh. So, terpulanglah...

Tuan Yang di-Pertua: Katalah boleh Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, itu terpulanglah kepada nasihat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Saya selalu mematuhi arahan daripada Tuan Yang di-Pertua dan juga nasihat daripada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Bermakna setakat ini Yang Berhormat akan berucap sehingga 4.30 petang. Selepas 4.30 petang ada dua lagi, satu 15 minit, satu 45 minit. Ada lagi?

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Berapa minit?

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: 45 minit.

Tuan Yang di-Pertua: 45 minit, 3.15 petang. Cukuplah untuk petang ini saya kira. Jadi sebagai panduan Yang Berhormat boleh teruskan sehingga pukul 1 kemudian teruskan lebih kurang 3.15. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerana demikian, kerana saya ada banyak isu, dan juga ini merupakan sesi yang akhir bagi saya sebagai ahli Dewan Negara dan saya ada banyak yang saya ingin berkongsi dengan rakan-rakan saya. Jadi kerana itu mungkin saya minta kerjasama daripada rakan-rakan saya supaya jangan ganggu. Bukan saya tidak mahu, kerana nasihat yang diberi supaya saya pendekkan, maka saya ada banyak yang saya ingin....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak Yang Berhormat, segala syor saya tadi berasaskan kepada kerelaan. Kita boleh, cuma saya hendak nyatakan supaya jangan ada perasaan saya beri orang lain peluang kepada Yang Berhormat peluang orang lain tidak berpeluang cakap. Saya kemukakan siapa mahu peluang dahulu. Jadi saya tutup peluang untuk mereka 'tembak' saya kemudian. Jadi bolehlah kita sama-sama ahli di antara 70 orang di antara 26 juta orang rakyat

bolehlah bertolak ansur kalau tertangguh untuk berucap esok kerana ini sesi terakhir bagi Yang Berhormat. Saya kira kawan-kawan bersedia untuk memberi kelonggaran. Ini sahaja panduan, silakan. *[Tepuk]*

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih saya ucapkan ini dalam bahasa Inggeris dipanggil 'Swan Song'. Sebelum disembelih, maka nyanyilah sekali lagi yang *last*. Dalam perkara ini saya minta supaya kalau boleh diberi peluang supaya kita boleh melafazkan segala-gala yang baik demi kepentingan negara, bukan kepentingan sendiri dan semata-mata untuk kepentingan negara, Tuan Yang di-Pertua. Jadi kekuatan negara yang kita selalu umumkan dan sudah menjadi satu tanda pertanyaan pelawat-pelawat kita sama ada pemimpin-pemimpin negara luar dan sebagainya semua datang belajar di Malaysia. Bagaimana Malaysia sebagai satu masyarakat yang berbilang kaum, yang berbilang agama, berbilang latar belakang boleh mencapai kemajuan dan perpaduan. Selalu orang datang sini untuk belajar.

Adakah kita sendiri Tuan Yang di-Pertua sedar tentang perang dari luar mahu datang sini apabila kita ada persidangan NAM, OIC, UMNO juga. Pelawat-pelawat yang datang itu datang dan tanya bagaimana negara kita mencapai ini, apakah *magic* formula yang kita guna. Tuan Yang di-Pertua, kita patut bangga dengan satu keadaan sedemikian kerana kita menjadi teladan kepada dunia. Kita menjadi guru kepada mereka, kita berkongsi pengalaman kita dengan mereka bagaimana kita mencapai perkara-perkara ini. Ini Tuan Yang di-Pertua, adalah satu kebanggaan, saya bagi tahu sedikit tentang apa yang terjadi baru-baru ini di satu persidangan di perhimpunan *United Nation* Tuan Yang di-Pertua.

Sesi *plenary* nombor 72 di mana mereka ada pengundian untuk melantik 47 ahli masuk ke Majlis Hak Asasi Manusia (*Human Rights Council*) yang mendapat undi yang paling banyak siapa? Malaysia!

[Tepuk]

Ini satu forum antarabangsa...

Tuan Yang di-Pertua: Sebab di sana kita menampakkan minda...

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Kelas pertama Tuan Yang di-Pertua! Apabila...

Tuan Yang di-Pertua: Di sana, di sana.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Di sanalah, di sana. Di United Nations dalam perhimpunan...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan sedikit Yang Berhormat. Yang Berhormat, di peringkat tadi membangkitkan bahawa isu tentang kualiti perbahasan. Tadi saya ada meminta penjelasan tentang apakah sebenarnya yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini meyakinkan kita menjamin bahawa kita boleh bersaing dalam pentas global yang begitu ganas, licik dan sebagainya.

Jadi kalau boleh dapat diperjelaskan isu tersebut daripada kita berasa bangga dan sebagainya. Tapi tolong jelaskan dahulu apa sebenarnya yang meyakinkan Yang Berhormat RMK-9 ini dapat menjamin kita boleh bersaing di pentas global.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, biar saya jelaskan sedikit tentang itu. Yang pertama, seperti yang saya katakan kita ada kekuatan. Kita ada kekuatan. Kalau kita ada kekuatan maka segala cabaran kita boleh hadapi. Kita ada sumber yang mencukupi.

Pada tahun 2001 saya ke Kenya, saya dapati bahawa keadaan begitu teruk. Sampai hari ini bila kawan saya balik dari Kenya saya tanya masih sama. Tapi Malaysia sudah maju. Malaysia sudah tumbuh begitu cepat. Kita dapat bilangan bangunan begitu banyak, kita dapat kekayaan dan kita lihat semua ini. Jadi itu merupakan kebolehan kita untuk menghadapi cabaran dunia. Di forum antarabangsa kita dipilih dengan undi yang paling banyak. Jadi itu bagi saya ialah kita sudah sampai ke satu tahap tapi kita tidak puas hati.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan sedikit. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak paksa dia cakap apa Yang Berhormat mahu, tidak boleh.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tidak, tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Dia sengaja buat tidak tahu.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Saya memberi satu contoh Tuan Yang di-Pertua. Dua dekad yang lalu kita telah mencapai satu kejayaan yang cukup hebat. Tapi apabila berlaku kegawatan ekonomi 1998, sekelip mata begitu sahaja kita hampir jatuh tertiarap kerana globalisasi itu. Sebab itu saya kata apakah dengan pengalaman tersebut, dengan perancangan misi nasional ini kita mampu berhadapan dengan permasalahan yang sama jika berlaku sekali lagi. Bukan soal undi terbanyak dan sebagainya. Jadi ini yang penting.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak juga Yang Berhormat kaitkan Rancangan Malaysia Kesembilan dengan globalisasi. Kalau Yang Berhormat tidak mahu kait, kata saya tidak mahu kait. Saya hendak berucap cara saya hendak berucap.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, bukan saya tidak mahu kaitkan. Saya sudah beri latar belakang bagaimana kita boleh atasi cabaran-cabaran globalisasi. Kalau esok Tuan Yang di-Pertua kita ada satu perang antara kaum di Malaysia ini, habislah semua rancangan kita Tuan Yang di-Pertua. Apa globalisasi? Kita tidak boleh menjamin keselamatan dan kemakmuran rakyat. Apa globalisasi Tuan Yang di-Pertua? Semua habislah. Di Iraq semua habis. Sekarang di Thailand mungkin juga akan mencapai....

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: ...tahap itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Tajul minta laluan. Hendak bagi?

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Sedikit sahaja.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Bagi saya habiskan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat mohon supaya dihabiskan, digulungkan dan dibulatkan hujah kemudian Yang Berhormat akan beri peluang.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Isu globalisasi, isu ekonomi, masalah ekonomi yang kita hadapi dan sebagainya memang itu cabaran-cabaran. Sekarang kita ada cabaran WTO, kita ada cabaran FTA. Tadi saya sudah kata kita ada cabaran tentang minyak kelapa sawit kita yang merupakan satu daripada komoditi yang penting yang membawa banyak duit kepada negara kita dan balak kita juga menghadapi masalah kerana pihak-pihak tertentu menggunakan kesempatan untuk membangkitkan isu-isu yang tidak ada kaitan supaya orang itu tidak membeli daripada kita. Itu adalah cabaran-cabaran dan *resilience* negara kita, kebolehan kita dan persediaan kita memang boleh membantu kita mengatasi masalah-masalah itu. Jadi kita kena lihat bukan dari satu aspek yang kecil sahaja tapi kita kena melihat dari aspek yang luas. Itulah merupakan minda kelas pertama Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang Tuan Haji Tajul mohon laluan.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebentar tadi Yang Berhormat ada menyebut tentang kalaulah berlaku peperangan antara kaum di Malaysia, tidak ada guna lagilah soal globalisasi. Kedua soalan yang saya hendak kemukakan kepada Yang Berhormat. Ada kemungkinan tidak akan berlaku peperangan antara kaum di Malaysia ini di masa depan dan yang kedua kalaulah kita bersatu padu tiba-tiba ada unsur luar yang hendak menjahanamkan kita, tidakkah ini juga akan memusnahkan kemakmuran dan keamanan kita. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bagi menjawab soalan itu perang antara kaum tidak akan berlaku kerana kita telah membuat persediaan. Kita ada dokumen ini yang dipanggil Perlembagaan Negara. Kita ada satu lagi dokumen yang penting yang dipanggil Rukun Negara. Tuan Yang di-Pertua, kalau setiap rakyat di Malaysia itu mendaulatkan kedua-dua dokumen itu maka tidak akan wujud apa masalah. Kalau kerajaan, rakyat dan semua orang di Malaysia ini mematuhi dan mendaulatkan ini kerana kita ada prinsip. Kita ada prinsip-prinsip yang selepas masalah 13 Mei kita sudah ada Tuan Yang di-Pertua.

Rukun Negara Tuan Yang di-Pertua sahabat saya Datuk Wira Syed Ali kalau saya minta dia bantu saya supaya melafazkan apa yang ada dia boleh buat terus sahaja tidak payah merujuk kepada apa-apa dokumen. Kepercayaan kepada Tuhan, kesetiaan kepada raja dan negara, keluhuran Perlembagaan, kedaulatan undang-undang, kesopanan dan kesusilaan. Tuan Yang di-Pertua, pada 31 Ogos 1970 kerajaan telah menjadikan ini sebagai *national ideology* (ideologi kebangsaan) kita sejak 31 Ogos 1970.

Dan setiap rakyat di Malaysia ini ikut ini, kita semua ikut. Kenapa kita kata Kepercayaan kepada Tuhan? Tuan Yang di-Pertua Tuhan faham bahawa di dunia ini ada orang yang mempunyai macam-macam, mempunyai banyak latar belakang dan sebagainya. Dan Tuhan

mahukan semua orang ini hidup bersama, berkongsi pengalaman, bantu-membantu dan semua orang berganding mahu untuk memajukan dunia.

Tuan Yang di-Pertua: Secara tidak langsung Yang Berhormat telah sebut inti sari daripada tiga ayat Al-Quran.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, kerana semua ajaran bagi saya sama dari Tuhan. Jadi kalau kita mematuhi ini tidak ada masalah lagi, mula-mula kita sudah kata Kepercayaan Kepada Tuhan. Ini bermakna kita terima bahawa Tuhan memahami masalah-masalah. Bagi kita mengatasinya, Tuhan mahukan kita semua rakyat aman, damai, *share* dengan kawan-kawan kita dan sebagainya dan kita baik bersama kita ada rumah terbuka, kita ada berbilang agama, budaya dan sebagainya.

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Tuan Yang di-Pertua minta laluan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Sekejap. Tetapi bila sampai ke perayaan masing-masing kita berkongsi, kita meraya bersama Tuan Yang di-Pertua kita melawat, kita salam dan sebagainya. Ini kita semua kita buat dan ini merupakan ajaran Tuhan, ajaran supaya kita menjadi seorang manusia yang baik dan ini ialah nilai-nilai universal Tuan Yang di-Pertua, tidak ada siapa yang boleh mempertikaikannya. Semua ini ada nilai-nilai universal itu yang penting. Boleh kita balik ke Rukun Negara sebagai satu panduan.

Tuan Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat Datuk Jins minta laluan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya saya akan bagi sekejap lagi. Kalau kita sudah lupa apa yang ada di sana, biarlah kita rujuk balik kepada dokumen yang penting ini. Dua, Rukun Negara dan Perlembagaan Malaysia. Sila.

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Datuk Chin. Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat Datuk Dr. Chin berhubung dengan ketuhanan kerana saya melihat bahawa Datuk Chin boleh bersetuju bahawa Tuhan itu satu kepada semua agama Tuhan itu satu sahaja. Jadi kalau itu satu persetujuan bahawa kita telah mengakui bahawa Tuhan adalah satu kepada semua agama manusia di dunia ini apakah pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Bagi saya, saya setuju. Saya memang anggapkan saudara-saudari di sini sebagai sama manusia yang mengikut ajaran Tuhan. Kita semua macam anaklah kepada Tuhan dan kita harus...

Tuan Yang di-Pertua: Kefahaman tersebut dikatakan monorism.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Betullah tetapi oleh kerana kita mempunyai latar belakang yang berbeza-beza, kita dari keturunan yang lain dan sebagainya kita ada budaya yang lain itulah menjadi kita mungkin berlainan sedikit tetapi *diversity* Tuan Yang di-Pertua adalah satu kekuatan bagi manusia ini. Kita ada kekuatan, kekuatan ialah *diversity* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi saya ingin bantu Yang Berhormat. Tajuk *Unity in Diversity* itu saya ingat sudah jelas, kalau Yang Berhormat hendak berpindah kepada perkara selanjutnya.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu sebagai satu masyarakat yang mempunyai minda kelas pertama itu maka kita mesti mendaulatkan apa yang ada yang memberi kita kekuatan Tuan Yang di-Pertua. Dalam masyarakat kita sedang membahaskan adakah patut kerajaan sebagai kerajaan yang inginkan hingga kelas pertama itu memberi ruang kepada Ahli-ahli dalam Parlimen itu mengundi menurut suara hati, *conscience* Tuan Yang di-Pertua suara hati. Suara hati tiap-tiap orang dia ada suara sendiri, suara hati sendiri, *conscience* dia sendiri. Bila kita mengatakan minda kelas pertama. Itu juga bermakna bahawa tentang isu-isu sama ada seseorang yang buat salah itu harus digantung atau tidak, harus digantung dibunuh sehingga mati atau dipenjarakan seumur hidup itu sahaja, menjadi isu.

Ada orang yang kata saya tidak boleh benarkan seseorang itu bunuh sungguhpun dia penjahat, dia buat banyak kesilapan dan sebagainya tetapi saya tidak boleh setuju kalau hendak bunuh dia. Biarlah dia dipenjarakan seumur hidup. Itu menjadi isu suara hati Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi memang kita pernah baca pada satu ketika bila Parlimen di Westminster menghadapi mengundi terhadap Rang Undang-undang sama ada hendak dihapuskan hukuman mati atau *capital punishment* atau tidak, ketika itu dua-dua parti, parti konservatif dan parti *labour* telah membebaskan anggota-anggota Parlimen daripada *Whip* dan membenarkan mereka mengundi mengikut suara hati dan tidak ikut disiplin parti *Whip* tetapi keadaan itu adalah dibenarkan melalui pakatan kedua-dua parti untuk dibebaskan *Whip*. Jadi di sini dilema di antara disiplin parti dan suara hati timbul. Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan *conscience vote* atau undi suara hati. Kita ada tiga jenis sebenarnya, undi suara hati, undi bebas, undi mengikut *Whip*, tiga jenis. Tentang isu-isu yang menyentuh suara hati seseorang itu kita panggil itu *conscience work* sama ada seorang hendak perang atau tidak kalau isu itu dibangkitkan. Great Britain kata kita sebagai satu negara mesti serang Iraq kerana ada WMD, *Weapon of Mass Destruction* kita kena serang Iraq. Tetapi ada *legislator-legislator* mereka tidak setuju kerana kita kata tidak boleh perang di dunia hari ini kita tidak mahu perang kita mahu dialog. Ada apa masalah kita harus mengatasinya melalui dialog.

Jadi apabila bil Rang Undang-undang untuk *capital punishment* itu hukum mati itu dibentangkan di Parlimen Britain, Tuan Yang di-Pertua 10 kali mereka undi, 10 tahun mereka tiap-tiap kali tiap-tiap tahun dia orang undi sekali lagi tetapi tidak boleh capai persetujuan kerana ada pihak-pihak yang mempunyai suara hati yang menggunakan itu. Jadi dalam isu-isu yang tidak ada kaitan dengan pentadbiran dengan kewangan dan sebagainya mungkin perkara-perkara yang tidak akan menjatuhkan kerajaan mungkin kalau kita sampai ke tahap minda kelas pertama.

Kalau kita sampai ke tahap minda kelas pertama, kaji sama ada sesuai ataupun tidak supaya dalam perkara-perkara tertentu kita bagi, satu undi suara hati. Tuan Yang di-Pertua, satu...

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Tuan Yang di-Pertua, pohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dr. Chin. Tiga jenis pengundian yang disebut oleh Yang Berhormat tadi melambangkan atau mewakili satu-satu ketentuan yang tertentu. Untuk kita buat pengundian yang tertentu, maka kita harus memilih di antara ketiga-tiga. Yang menjadi masalahnya, antara satu dengan lain itu, perbezaannya sangat kecil yang menyebabkan bila kita hendak mengundi, timbul masalah. Inilah masalah yang kita hadapi. Satu perkara yang timbul di hadapan kita, adakah ini seharusnya merupakan satu perkara yang betul-betul boleh menggunakan suara hati atau yang ini harus menepati kehendak-kehendak parti? Inilah yang selalunya menjadi dilema kepada kita, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu yang boleh diputuskan, bukan tidak boleh diputuskan. Kerajaan boleh memutuskan bahawa tentang hal ini, kita boleh biarkan atau benarkan ahli-ahli kita mengundi mengikut cara ini. So, dia selalunya guna *Whip 3*, *Whip 2*, *Whip 1*. *Whip 3*, katakan mengikut suara hati, *Whip 2* undi bebas, *Whip 1* kena ikut arahan parti, kena undi bagi parti, tidak ada ruang untuk tempat lain. Jadi, kerajaan boleh memutuskan dan selepas itu maka ahli-ahli itu ikutlah parti. Ikut parti seperti yang diputuskan. Itu memang berlaku dalam Parlimen-parlimen negara maju. Dalam *first world Parliament*. Kalau kita mahu menjadikan kita juga *first world Parliament*, Parlimen dunia pertama, dengan minda kelas pertama, maka ini ialah yang satu kita boleh memikirkan.

Saya bangkitkan ini kerana kebelakangan ini Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa toleransi yang ada di masyarakat kita mungkin menghadapi segala sedikit gangguan dan baru-baru ini pada 14 Mei di Pulau Pinang, satu dialog yang dipanggil Artikel 11. Satu dialog, dialog Tuan Yang di-Pertua. Dialog mereka hendak bincang. Apa isu mereka hendak bincang, dia memang hendak bincang Artikel 11, Perlembagaan kita. Artikel 11, berkenaan dengan apa? Kebebasan agama, kebebasan beragama seperti yang termaktub dalam Perlembagaan ini. Kumpulan itu bukan satu kumpulan yang itu sahaja, tetapi mereka mempunyai pakar-pakar tertentu termasuk Professor Undang-undang di Universiti Teknologi Mara, termasuk Ahli Parlimen Kota Bharu. Termasuk peguam-peguam lain, dan ini dianjurkan oleh 13 NGO, yang didaftarkan dengan pendaftar pertubuhan kita termasuk AWAM (*All Women's Action Society*), *BAR Council Malaysia*, *HAKAM (National Human Rights Society)*, (*SUARAM*) *Suara Rakyat Malaysia*, *WAO (Women's Aid Organisation)*, *WDC (Women's Development Collective)*, semua ini hendak adakan satu forum untuk membincangkan sesuatu isu iaitu Artikel 11 dalam Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, Apabila mereka kumpul di sebuah hotel 5 bintang di Pulau Pinang itu, maka tibalah satu kumpulan dan kumpulan ini, saya baca dalam *THE SUN* itu, diketuai oleh seorang pemimpin PAS. Tuan Yang di-Pertua, mereka datang bukan untuk menghadiri, tetapi datang untuk mengganggu forum itu. Forum itu diadakan semata-mata untuk membincangkan Artikel 11 di dalam Perlembagaan. Forum yang pertama kumpulan ini dibincangkan di Kuala Lumpur. Forum yang kedua dibincangkan di Melaka. Forum yang ketiga di Pulau Pinang. Tetapi badan ini, kumpulan ini yang dipanggil Badan Anti Suruhanjaya Antara Kepercayaan Agama..

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Yang Berhormat, oleh sebab Yang Berhormat telah mengeluarkan, membangkitkan perkara forum yang telah menjadi isu agak sensitif baru-baru ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah pandangan Yang Berhormat forum yang dibincangkan ini adalah menyentuh Artikel 11, yang menyentuh soal Undang-undang Syaria'ah dan juga Undang-undang Sivill. Forum ini agaknya memang sensitif. Pada pendapat Yang Berhormat, forum yang sebegini adakah perlu diadakan secara *roadshow*, dibuat di Kuala Lumpur, dibuat di Melaka, kemudian dibuat di Pulau Pinang. Yang secara tidak langsung, memperlihatkan sesuatu di belakang tujuan sebenar forum ini yang juga boleh menyentuh perasaan orang-orang Islam. Tidakkah Yang Berhormat berpendapat bahawa forum yang begini, atas dasar demokrasi perlulah tidak dibuat secara *roadshow* tetapi memadailah untuk dibincangkan sekali. Di Kuala Lumpur sahajakah? Di Pulau Pinang sahajakah? Supaya ia tidak memperlihatkan sesuatu di sebalik tujuan baik forum ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, tak kira sama ada Yang Berhormat nak jawab atau tidak, syor saya, catat supaya ini satu *point* yang Yang Berhormat boleh berucap bila Yang Berhormat berucap tadi.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: [*Bangun*].

Tuan Yang di-Pertua: Nanti. Bila Yang Berhormat menjawab nanti, sama ada Yang Berhormat berucap atau tidak, Yang Berhormat boleh catat sebagai *point* Yang Berhormat berucap dan Yang Berhormat boleh lagi panjang mengupaskan perkara ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Saya pun nak menunggulah ucapan Yang Berhormat kawan saya tentang isu ini. Tetapi kerana saya ditanya, maka saya mahu menjawab Tuan Yang di-Pertua. Di Parlimen, kita telah luluskan Akta 597. Apa dia Akta 597? Iaitu untuk menubuhkan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), dan itu dibuat pada tahun 1999, Akta 597, dan kenapa Kerajaan Malaysia itu menubuhkan SUHAKAM? Supaya kita mempromosikan kesedaran, memberi pendidikan kepada isu hak manusia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk berkumpul secara sah dengan restu polis, dengan permit polis, adalah satu hak manusia yang terjamin oleh Dewan yang mulia ini semasa kita meluluskan

Akta 597. Kita bangga kerana kita dipilih dengan undi yang paling banyak ke *Human Rights Council, United Nations*. Kalau kita tidak mempertahankannya, maka *assembly*, perhimpunan yang akan datang akan tanya, kenapa perkara ini dibiarkan berlaku? Kalau kita digantung keahlian kita dalam Majlis ini, tak akankah kita rasa malu kerana isu ini? Ya, kita memikirkan Tuan Yang di-Pertua. Biar kita memikirkan secara mendalamnya. Bolehkah kita kata..?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan, Dewan bersidang semula pada pukul 2.30 petang.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.01 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 ptg.]

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

2.32 ptg.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Dato' Dr. Chin Fook Weng, untuk menyambung ucapan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dalam perbincangan saya tadi saya telah menyentuh tentang satu Akta 597 yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia pada tahun 1999 yang antara lain menjamin bahawa ada satu badan yang dinamakan SUHAKAM mereka akan mempromosikan kesedaran dan memberi pendidikan berhubung dengan hak asasi manusia dan juga mereka ini diperlukan menyiasat segala aduan tentang sebarang kegiatan yang akan menyentuhi hak asasi manusia itu.

Pada bulan pada beberapa hari yang lalu ini apabila Malaysia mendapat undi yang paling tinggi di dalam pemilihan ahli ke 47 orang negara untuk menjadi ahli dalam Majlis Hak Asasi Manusia Dunia itu. Wakil Malaysia 'Miss Moland Palond' yang mewakili Malaysia dalam persidangan itu telah menyatakan bahawa majlis yang baru itu seharusnya untuk memastikan kita menghormati *diversity* budaya, mempromosikan dialog antara tamadun-tamadun dan sekeras-kerasnya mempertikaikan mereka yang menunjuk toleransi pada agama.

Kita sebagai pemimpin NAM, kita sebagai pemimpin OIC, kita sebagai Pengerusi ASEAN maka dilihat sebagai satu contoh yang penting kepada semua ini dan berasaskan rekod kita, *track* rekod kita maka kita mendapat undi yang paling tinggi dalam undian ini. Tuan Yang di-Pertua, Artikel 11 Perlembagaan kita menyentuhi kebebasan beragama dan 11(1) itu menyatakan tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan tertakluk kepada Fasal 4 mengembangkannya.

Fasal 4 ialah tidak membenarkan orang itu mempromosikan agamanya di antara kalangan mereka yang beragama Islam. Dan juga tiap-tiap kumpulan agama berhak dalam Fasal 3 Artikel 11 itu :

- (a) menguruskan hal ehwal agamanya sendiri;
- (b) menubuhkan dan menyelenggarakan institusi-institusi bagi maksud agama atau khairat; dan
- (c) memperoleh dan mempunyai harta, memegang dan mentadbirkannya mengikut undang-undang.

Forum yang saya sebutkan itu Tuan Yang di-Pertua ialah untuk membincangkan apa yang ada Artikel 11 itu. Kalau kita pun tidak membenarkan sesuatu pihak itu berdialog, untuk membincangkan adakah masyarakat kita sudah ke belakang dan bagaimana kita mencapai minda kelas pertama itu Tuan Yang di-Pertua. Apabila kumpulan yang mengganggu perjalanan forum tersebut pihak polis bukan sahaja tidak mengambil tindakan terhadap mereka yang tidak mendapat permit itu tetapi minta forum itu supaya berhenti.

Adakah ini bermakna *rule of law* dalam negara kita sudah diketepikan bagi maksud *mock rule* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, adakah itu bermakna demikian. Perdana Menteri sendiri telah menyatakan forum itu berhak diadakan tetapi mereka mesti berjaga-jaga tentang isu-isu yang dibincangkan sebagai satu nasihat.

Itu menunjukkan Tuan Pengerusi saya dengan Tuan Yang di-Pertua, mungkin tidak sehaluan pendapat, mungkin saya tak setuju dengan pendapat tetapi hak Tuan Yang di-Pertua, untuk menyatakannya saya mesti mempertahankan

Kita tidak bersetuju tetapi hak untuk menyatakan sesuatu itu mesti dipertahankan. Kalau mereka daripada badan yang cuba mengganggu tersebut ada idea-idea atau kekuatan-kekuatan sendiri, maka mereka boleh kemukakan semasa berdialog supaya pandangan mereka boleh diambil kira dalam isu ini. Jadi saya amat kesal pihak polis yang diberi tugas yang penting dalam negara kita ini telah lalai dalam perjalanan tugas mereka sehingga..

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, mohon izin.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Sila.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Chin. Penerangan yang telah Yang Berhormat berikan tadi kepada saya jelas menunjukkan rasa tidak senang hati Yang Berhormat kepada pasukan polis kita dan kalau saya tidak salah faham, Yang Berhormat mengatakan bahawa kita tidak menegakkan apa yang kita sebut *rule of law*. Yang kedua, menyebelahi ataupun nampaknya seakan-akan menyebelahi kumpulan yang tidak direstui, protes. Sepatutnya polis menyebelahi forum yang telah diberi kebenaran. Jadi apa yang saya hendak pastikan daripada Yang Berhormat, adakah maksud Yang Berhormat bahawa kerajaan kita – kerana polis itu adalah sebahagian daripada kerajaan – telah menyebelahi pihak yang bersalah ataupun yang tidak berhak dalam hal ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih kerana membangkitkan perkara itu supaya saya boleh menjelaskan dengan lebih teliti. Sebenarnya kalau kita menjalankan sesuatu urusan

atau kegiatan kita secara sah, maka itu adalah tanggungjawab polis untuk memberi laluan kepada kami. Seperti contoh, kalau saya dalam Dewan yang mulia ini membahaskan Artikel 11 dan ada rusuhan di luar, maka tugas polis ialah menjamin saya tidak diganggu dan saya boleh teruskan dengan perbahasan saya dalam perkara ini.

Kalau polis datang ke Dewan ini dan minta saya berhenti kerana ada rusuhan di luar, maka siapa yang lebih penting – kedaulatan undang-undang atau kedaulatan penganas yang ada di luar itu? Tuan Yang di-Pertua, itu adalah isu. Jadi kita kata dalam Rukun Negara, kita ada ideologi yang telah diterima sejak tahun 1970 dan....

Dato' Omar bin Faudzar: Yang Berhormat, minta laluan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: ...itu telah memandu negara kita ke satu tahap kemajuan...

Dato' Omar bin Faudzar: Yang Berhormat, minta laluan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: ...yang kita banggakan.

Dato' Omar bin Faudzar: Saya cuma hendak tanya sedikit sahaja. Kita hendak pentingkan kedaulatan undang-undang ataupun kemakmuran negara? Kalau satu-satu perkara yang boleh menyebabkan rusuhan dan sebagainya yang boleh menyebabkan pertelingkahan di antara kaum, adakah itu lebih baik daripada kita menekankan kepada kedaulatan undang-undang. Yang mana yang lebih perlu dipertimbangkan?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah satu isu yang penting. Seperti saya katakan tadi saya mungkin tidak setuju dengan pendapat tuan tetapi saya mempertahankan hak tuan untuk menyatakan itu. Itu ialah pendirian. Forum tersebut minta permit polis. Selepas polis mengkaji segala aspek telah meluluskan permohonan. Kehadiran polis di tempat itu juga membantu dalam proses dijamin bahawa satu perhimpunan yang sah itu dapat dijalankan tanpa gangguan.

Apabila perhimpunan yang tidak sah itu datang semata-mata hendak ganggu dan mengacau prosedur, maka terpulang kepada polis untuk bertindak. Ini ialah tugas polis. Saya tidak akan lihat bahawa majoriti rakyat Malaysia itu tidak memahami bahawa dialog bincang ialah cara menyelesaikan sebarang salah faham yang ada, sebarang isu atau sebarang masalah.

Tuan Chiam Yong Tee: Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada dua Yang Berhormat minta laluan. Yang Berhormat hendak bagi kepada kedua-dua itu?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya.

Tuan Chiam Yong Tee: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi tadi ada rakan saya yang membangkitkan pemilihan di antara menjaga kedaulatan negara dan juga kemakmuran negara. Tetapi pada saya, kemakmuran negara itu bergantung kepada kebolehan pihak polis mempertahankan perjalanan undang-undang. Jadi sekiranya atas desakan sekumpulan yang tidak setuju dengan sesuatu dan menjalankan gangguan atau protes dengan cara yang tidak

dibenarkan oleh undang-undang dan sekiranya pihak polis untuk mengelakkan situasi yang mungkin keruh memenuhi kehendak mereka. Maka pada masa depan sekiranya di mana-mana tempat atas apa-apa isu, asalkan ada sebilangan manusia yang tidak setuju dengan sesuatu keputusan dan cara ini dapat diikuti dan diambil sebagai contoh, maka saya tidak nampak macam mana kemakmuran negara itu dapat kita jaga. Apa pendapat Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju bahawa tindakan kumpulan yang mengganggu forum itu adalah satu tindakan yang tidak betul. Malah saya menyokong pihak polis mengambil tindakan kepada kumpulan ini. Soalan saya ialah dalam isu Iraq-Iran, Amerika Syarikat telah mengetepikan unsur demokrasi dan rundingan Amerika Syarikat menggunakan kekerasan dalam isu Iran-Iraq. Tidakkah tindakan Amerika Syarikat ini sama juga dengan kumpulan yang mengganggu forum di Pulau Pinang itu? Saya sekadar ingin mendapat pandangan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan kedua-dua rakan saya. Satu berkenaan dengan satu kegiatan antarabangsa di mana satu negara serang negara lain atas sebab-sebab tertentu. Sehingga hari ini, dunia tidak setuju dengan tindakan Amerika, sahabatnya Great Britain. Sehingga hari ini, rakyat mereka pun tidak setuju dengan tindakan mereka. Hari ini, kita lihat kedua-dua pemimpin George Bush dan Tony Blair tidak popular langsung dan mungkin tidak lama lagi Perdana Menteri Great Britain itu akan dijatuhkan oleh rakan-rakan mereka sendiri. Ini ialah satu ajaran kepada pemimpin-pemimpin yang tidak mengikuti suara dunia dan bertindak semata-mata atas kehendak mereka.

Malaysia juga bersama negara-negara lain di dunia supaya sekeras-kerasnya menyatakan tidak bersetuju dengan tindakan sedemikian dan negara kita berpendirian bahawa semua perkara harus diuruskan secara dialog, secara bersama, duduk bincang. Itu ialah pendirian kita dan mana yang lebih sesuai, forum dan yang dimaksudkan ialah perhimpunan United Nation atau Majlis Keselamatan. Itu ialah perkara yang sesuai, duduk bincang. Saya setuju dengan rakan saya Yang Berhormat Senator Tuan Chiam Yong Tee itu bahawa kalau kita tidak menjaga, maka apa kemakmuran yang sedia ada itu pun akan hilang kalau keadaan wujud seperti di Iraq hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sana tidak ada lagi satu pentadbiran berasaskan kepada undang-undang, tidak ada lagi. Siapa hendak bunuh, bunuh. Siapa hendak tahan, tahan. Sekarang baru-baru ini sahaja Tuan Yang di-Pertua, satu pasukan sukan mereka diculik dan sekarang diminta bayar RM100,000 baru dibebaskan. Mahukah kita melihat keadaan ini atau kita mahu mempertahankan kedaulatan undang-undang supaya negara ini ditadbir mengikut Perlembagaan kita, mengikut ini, mengikut Rukun Negara yang sudah diterima sebagai ideologi nasional.

Tuan Tay Puay Chuan: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Tay Puay Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya minta pandangan Yang Berhormat tentang pendapat saya iaitu forum yang diperkatakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi ialah satu forum yang telah diberikan kebenaran ataupun ada permit dengan izin. Sudah pasti apabila polis semasa hendak memberikan kebenaran tersebut telah mempertimbangkan dari segi aspek keselamatan bahkan aspek-aspek yang lain, keperluan kontra. Apabila polis memberi kebenaran tersebut, saya percaya bahawa polis telah ada keyakinan bahawa yang pertama, forum tersebut dapat dijalankan dengan lancar dan disempurnakan dengan adanya kawalan polis. Sebagai menghormati undang-undang hak asasi ataupun hak yang diperuntukkan di bawah Artikel 11 Perlembagaan negara kita.

Jadi saya rasa ataupun saya percaya bahawa setelah memberi permit tersebut, sudah tentu polis harus mengadakan persediaan dan kawalan yang rapi supaya forum yang dicadangkan tersebut dapat dilaksana dengan sepenuhnya tanpa apa-apa gangguan daripada pihak-pihak yang tidak sepatutnya melakukan sesuatu yang tidak sah di sisi undang-undang.

Saya rasa sudah tentu polis mempunyai litupan ataupun *coverage* dengan izin. Litupan *intelligent* menunjukkan bahawa kemungkinan besar akan ada tunjuk perasaan ataupun ada *protest* dengan izin, bantahan dan tunjuk perasaan tersebut yang kemungkinan besar dihasut oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab kerana kita tengok, tunjuk perasaan tersebut, orang-orang yang mengambil bahagian seperti mengikut laporan akhbar, mereka tidak bersetuju bukan kerana forum untuk bincangkan Artikel 11. Mereka tidak bersetuju seolah-olah forum tersebut akan berbincang untuk menubuhkan satu jawatankuasa *interface commission* dengan izin. Jadi, berlakunya salah faham tersebut.

Jadi, saya rasa ini mesti ada satu pihak di belakang yang mempunyai agenda tersendiri untuk menghasut, mempergunakan orang-orang yang tidak berdosa ini ataupun orang-orang yang *innocent* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, untuk melakukan tunjuk perasaan tersebut. Jadi saya rasa, polis dalam perkara ini seperti kata Yang Berhormat, lalai, cuai dalam melaksanakan tanggungjawab mereka, kerana kalau ada *intelligent* yang menunjukkan ada tunjuk perasaan mungkin akan berlaku, sudah tentu mereka akan keluaran tenaga yang cukup untuk mengawal pada saat-saat genting tersebut.

Kalau tidak, menangkap sekurang-kurangnya dapat meleraikan perhimpunan tersebut sebab perhimpunan itu adalah satu perhimpunan yang tidak sah di sisi undang-undang, adalah satu *illegal assembly* dengan izin. Sesiapa ataupun sesuatu perhimpunan yang melebihi lima orang dengan tujuan yang sama, yang tidak mendapat kebenaran, maka itu adalah dianggap satu perhimpunan haram. Jadi saya rasa pihak polis tidak harus, masih ingin menegaskan

bahawa mereka tidak ada kesalahan ataupun mereka tidak alpa dalam perkara tersebut. Apa pendapat Yang Berhormat?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya sebagai seorang bekas pegawai polis, lebih memahami tentang tekanan itu. Apabila Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang juga Menteri di Parlimen, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri itu, menyatakan bahawa tindakan apa yang berlaku oleh mereka yang tunjuk perasaan itu ialah satu tindakan bodoh, *stupid act* dia kata. Maka, polis pun sensitif tentang perkara itu dan telah menjelaskan bahawa sebenarnya kita nasihat. Sebenarnya kalau mereka tidak setuju, mereka boleh teruskan dengan forum. Untuk menjaga maruah merekalah, mungkin sudah lalai.

Tapi sebenarnya ini adalah termaktub dalam Perlembagaan. Ada diterima sebagai ideologi nasional iaitu kedaulatan undang-undang. Tuan Yang di-Pertua, saya setuju bahawa kenapa ada kumpulan-kumpulan yang mempermainkan isu ini. Dalam laporan 'The Sun', mengatakan satu pemimpin tunjuk perasaan itu ialah Timbalan Ketua Pemuda PAS Pulau Pinang, namanya Hafiz Nordin.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini iaitu berlaku pada 14 sehingga hari ini, kepimpinan PAS tidak dengan sesuatu. Tidak menafikan bahawa mereka tidak terlibat. Tuan Yang di-Pertua, kita ada berdialog dengan PAS dalam Dewan ini, hari ini dua rakan saya tidak hadir. Tapi kita selalu bincangkan sesuatu dalam forum semacam ini, di Dewan Rakyat, di Dewan Undangan lain, mereka ada wakil. Dan perkara-perkara semacam ini harus dirundingkan. Jadi saya minta sama ada kalau ini tidak benar, laporan dari 'The Sun' itu tidak benar maka kepimpinan PAS itu mesti menafikan, tidak ada kaitan dengan parti. Kalau mereka tidak menafikan bermakna apa yang dilaporkan benar dan kalau orang ini betul mengetuai rusuhan itu, polis seharusnya mengambil tindakan yang tegas terhadap mereka. Ini supaya polis masih boleh menjaga keyakinan rakyat terhadap mereka. Kalau tidak hilang semua, ya sila.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Chin. Dalam apa yang disebut dan dilaporkan oleh akhbar, dan itu saya tidak tahu boleh jadi Yang Berhormat Dato' Chin mendapat informasi lebih daripada apa yang dilaporkan oleh surat khabar. Berdasarkan apa yang dilaporkan oleh surat khabar, saya masih merasakan bahawa tindakan polis pada waktu itu, bukan pegawai polis tidak ingat apa yang disebut oleh Yang Berhormat berhubung dengan Perlembagaan. Bukan yang pihak polis tidak tahu bahawa kumpulan yang membuat protes itu terdiri daripada orang-orang yang tertentu dan bukan dia tidak tahu bahawa sesungguhnya forum itu dianjurkan dengan kebenaran dia. Tapi oleh kerana keadaan agak tegang, maka polis telah bertindak. Dan bagi saya ini adalah satu tindakan yang bijaksana. Kita tidak boleh dalam hal ini menyalahkan polis atau mengatakan bahawa polis tidak cuba menegakkan *the rule of law*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bagi satu contoh. Apabila persidangan WTO diadakan di Itali yang dihadiri oleh pemimpin kita Malaysia bersama dengan pemimpin dunia. Lebih kurang 100 orang sahaja. Tetapi rusuhan tunjuk perasaan beribu-ribu di luar tempat itu. Tuan Yang di-Pertua, polis telah jamin supaya persidangan itu terus diadakan sungguhpun beribu-ribu mereka tunjuk perasaan di luar bangunan itu. Dan pemimpin Malaysia diberi perlindungan supaya dapat sampai ke tempat persidangan itu. Itu mendaulatkan undang-undang, itu dalam Rukun Negara Tuan Yang di-Pertua. Kedaulatan undang-undang (*rule of law*). Keluhuran perlembagaan (*supremacy of the constitution*). Itu yang saya bandingkan, *first class mentality* (minda kelas pertama). Itu mengapa mereka boleh buat, beribu-ribu memberi perlindungan kepada mungkin 100 orang sahaja hadir mesyuarat untuk membincangkan isu-isu tidak penting, isu-isu perdagangan sahaja. Sila.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Saya minta laluan Yang Berhormat. Dan saya rasa maaf, Yang Berhormat Dato' Chin, perbandingan yang Dato' tunjukkan antara persidangan yang dihadiri oleh pemimpin-pemimpin tertinggi negara termasuklah Perdana Menteri kita dengan apa yang berlaku di Pulau Pinang agak jauh. Persidangan yang telah diceritakan oleh Yang Berhormat tadi menunjukkan dengan jelas bahawa polis dan pasukan keselamatan negara itu, saya tidak tahu di mana sebenarnya. Mereka ini *inter participated* dengan izin. Perkara-perkara yang mungkin berlaku sebab ini pernah terjadi di mana-mana. Tapi dalam hal yang berlaku di Pulau Pinang ini, saya rasa polis walaupun mendapat sedikit maklumat tetapi tidak cukup bersedia menghadapi masalah ini.

Jadi oleh kerana tidak cukup bersedia itulah maka dia telah mengambil tindakan untuk menasihatkan pihak penganjur kalau boleh dengan baik supaya ketegangan itu dapat dileraikan sebaik-baiknya. Rasa sayalah dengan cara yang lebih adil untuk menunjukkan simpati kita kepada polis yang bertindak dalam keadaan seperti itu. Saya minta maaf kerana seolah-olah hendak menimbulkan ini sebagai satu perbalahan atau *polemic* di dalam Dewan mengenai satu hal ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu tidak menjadi masalah kepada kerana saya mahu berdialog, saya mahu mendengar pendapat semasa saya menyuarakan. Kerana kenapa? Kerana kita mahu supaya kita dapat membincangkan sesuatu. Dan kita mahu supaya berasaskan kepada perbincangan itu, kita lebih memahami pendirian dan kita berharap bahawa kita akan mencapai perpaduan dan kefahaman yang lebih padat berasaskan kepada itu. Itu yang lebih penting bagi saya kerana isu yang saya bahaskan sekarang ialah dalam RMK-9 itu ada satu teras yang penting iaitu minda *first class* (kelas pertama). Jadi bagaimana kita sebagai satu negara, dalam masa lima tahun ini boleh ke tahap itu.

Dalam RMK-10 dan RMK-11, mencapai Wawasan 2020 di mana negara kita menjadi negara maju. Dari satu kedudukan sekarang yang dipanggil *third world country* (negara dunia

ketiga), kita sampai ke tahap negara pertama. Tadi kita mendengar taklimat oleh Air Asia. Bagaimana seorang kerani sahaja dengan gaji RM1,000.

Tetapi dengan minda yang betul, dalam 18 bulan menjadi *trainee pilot*, juruterbang dengan gaji RM8000 sebulan. Inilah yang kita mahu lihat Tuan Yang di-Pertua, inilah yang kita panggil minda kelas pertama dengan usaha, dengan minda terbuka. Boleh menerima pendapat, boleh menerima bahawa dalam dunia ini, kita berbeza-beza tetapi ada kekuatan untuk mengatasi segala ini dan kita sampai ke tahap yang diharapkan.

Sekarang, saya difahamkan polis sedang menyiasat supaya pertahankan kedaulatan undang-undang dan mereka yang terlibat itu akan diambil tindakan sewajarnya. Saya berharap bahawa perbincangan dan satu peluang untuk perbincangan itu harus digalakkan dan harus dipertahankan dan kalau kita tidak sependapat itu, kita ada masalah, kita boleh menghulurkan pendapat kita, kita boleh mengguna kekuatan *argument* dan apa *point* yang kita ada supaya pihak lain itu boleh menerima pendapat kita dan mungkin mengikuti pendapat kita.

Dan ini ialah satu kekuatan yang kita harus memupukkan dan saya minta supaya kita bersama-sama mencari jalan untuk sampai ke tahap itu kerana tidak lama lagi Tuan Yang di-Pertua, kita sudah habis berkenaan pertengahan *plan* yang akan membawa kita ke wawasan 2020. 15 tahun sudah habis, kita tinggal 15 tahun lagi. Dalam 15 tahun lagi, hasrat negara untuk menjadi satu negara yang boleh membawa kemakmuran, kebahagiaan dan juga kemajuan kepada rakyatnya, setaraf dengan apa yang ada di dunia pertama itu adalah satu sasaran, satu wawasan, kita semua harus memberi tumpuan dan sokong sepenuh-penuhnya.

Itu saya mahu melihat dan dalam pembentangan RMK-9 ini ada disebutkan halangan-halangan kita untuk sampai ke tahap itu, kita harus mengadakan idea, mencadangkan bahawa kerajaan harus mengambil tindakan ini, mengambil tindakan itu dan sebenarnya bagi cadangan yang *constructive* membina supaya kita bersama-sama boleh mencapai wawasan itu. Kalau kita dapat berbuat demikian, maka kita sudah sedikit sebanyak menyumbang kepada konsep wawasan yang terkandung dalam Wawasan 2020 itu kerana itu menjadi satu falsafah, satu *plan* tindakan yang penting bagi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang ingin menyentuh tentang isu *line* yang mana ada ditunjuk dalam *plan* itu daripada 5 teras yang ada itu, dalam pembentangan RMK-9 itu ia datang bersama satu lagi misi yang penting yang dipanggil Misi Nasional, *National Mission* 2006 hingga 2020. 15 tahun Tuan Yang di-Pertua, Misi Nasional 15 tahun. RMK-9 2006 hingga 10, lima tahun. Jadi dalam masa yang singkat, lima tahun ini kita akan belanja RM200 bilion dan pihak swasta diharapkan akan belanja RM20 bilion untuk mencapai apa yang telah ada dalam RMK-9. Tetapi Misi Nasional akan diteruskan, akan teruskan sehingga 2020 dan apakah sasaran Misi Nasional itu? ialah supaya Malaysia jadi negara maju dalam 2020 dan proses ini telah mula tahun 1991 dan sekarang seperti saya katakan sudah sampai ke pertengahan.

Apabila kita renung balik Tuan Yang di-Pertua, RMK-6, RMK-7, RMK-8. Dalam masa itu, maka ekonomi kita terjejas. Kenapa? Kerana krisis kewangan Asia. Kita yang duduk dalam dewan ini, setiap orang pun ada menjadi mangsa kepada krisis ini, krisis kewangan Asia semasa itu ekonomi kita tumbuh begitu tinggi. Ramai daripada kita itu mempunyai saham yang bernilai tinggi tetapi selepas itu, maka semua sudah turun dan lepas itu ada lagi satu kejadian yang dinamakan peristiwa 911, 11 September 2001.

Kemudian, kita dicabar dengan wabak SARS, kita menghadapi masalah selesema burung dan baru-baru ini kita ada tsunami, menjejaskan negara kita. Jadi dalam masa yang akan datang, maka kita bukan sahaja hendak majukan dalam masa 15 tahun tetapi gangguan-gangguan yang ada kebelakangan ini, kita juga kena mengatasi. Bagi saya, itu memang satu cabaran yang sangat besar dan kalau kita tidak bersatu padu, tidak bersama-sama berganding bahu, tidak bekerjasama rapat dengan kerajaan, maka bagaimana kita boleh mencapai sasaran 2020. itu menjadi harapan setiap rakyat.

Saya telah mengkaji RMK-9 ini, teliti dan banyak daripada perkara itu saya rasa ada kekuatan tetapi juga ada kelemahan. Dan kekuatan mungkin kita tidak perlu sebutlah di dalam dewan yang mulia ini tetapi kelemahan-kelemahan menjadi tanggungjawab saya untuk menyentuhnya, untuk memberitahunya supaya pihak berkenaan dapat melihatnya dan kalau setuju dengan pendapat saya, maka bertindak untuk mengatasinya.

Itu bagi saya ialah pendekatan yang positif kerana tiap-tiap rancangan itu mesti ada. Sekarang kita menghadapi masalah ...

Tuan Chiam Yong Tee: Minta laluan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Nanti sekejap. Kita menghadapi masalah penyampaian. Kita ada banyak rancangan tetapi kita lihat Rancangan Malaysia Kelapan berapa banyak projek terbengkalai, berapa peruntukan tidak habis digunakan dan sebagainya. Itu ialah masalah.

Tuan Chiam Yong Tee: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi tadi Yang Berhormat ada sentuh tentang krisis kewangan pada tahun 1997 dan juga rintangan-rintangan dan halangan-halangan yang negara kita hadapi sejak tahun 1997 itu. Jadi pada itu jelas nampaknya bahawa kita ada kelebihan. Yang pertama ialah walaupun menghadapi kesulitan tetapi rakyat Malaysia tetap menyokong usaha kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara dan pihak swasta pun bekerjasama dengan pihak kerajaan untuk membangunkan negara kita sekali lagi. Dan juga cara kerajaan menangani kegawatan ekonomi pada masa itu pun perlu dipuji.

Kita sudah ambil langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang betul dan sewajarnya dilakukan pada masa itu untuk menangani kegawatan ekonomi. Kita tidak meminjam daripada IMF ataupun daripada Bank Dunia. Ini terbukti adalah sesuatu pilihan yang betul. Saya nampak dalam proses kita mencapai status Negara Maju pada tahun 2020 sudah tentu ada rintangan ataupun halangan lagi. Tetapi cabaran yang terbesar yang dihadapi oleh kita ialah mungkin kadang-kadang wujudnya perasaan prasangka ataupun ada prejudis antara rakyat. Kita jadi

sekiranya perselisihan ini tidak diselesaikan dan sama-sama kita bekerjasama untuk membina untuk membangunkan negara mungkin hasrat kita mencapai Negara Maju tahun 2020 itu akan terjejas. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, setiap negara itu ada rintangan dan masalah tersendiri dan cara mereka mengatasinya adalah penting dan sikap pemimpin negara itu juga penting. Kita bernasib baik kerana kita mempunyai kerajaan yang stabil, kita ada kerajaan yang sejak kita mencapai kemerdekaan kita sudah ada kerajaan yang stabil yang boleh membawa kemajuan ke negara kita. Oleh kerana itu maka kita ada keyakinan bahawa RM200 bilion itu kita dapat mengeluarkan Rancangan Malaysia Kesembilan. Ini bagi saya ialah satu kebanggaan. Banyak negara hendak bayar gaji pun tidak ada. Sekarang negara Palestin, mereka hendak beli makanan untuk rakyat mereka pun tidak ada dan kita mesti sedia bahawa keadaan sedemikian ialah kerana usaha kita bersama kerajaan untuk mencapai semua ini.

Tuan Yang di-Pertua, biar saya ceritakan apa yang berlaku pada tahun 2001. Pada masa itu Kenya menghadapi pilihan raya dan saya bernasib baik kerana saya dijemput oleh Setiausaha Agong Komanwel supaya menyertai satu rombongan 9 orang ke Kenya untuk melihat pilihan raya mereka sebagai Pemerhati Antarabangsa iaitu mewakili Komanwel. Pengalaman dari sana menjadi satu pengajaran kepada saya seumur hidup. Tuan Yang di-Pertua, saya lihat harapan rakyat kerana mereka menderita begitu lama. Harapan mereka ialah supaya mereka dapat kebahagiaan dan kemakmuran seperti yang kita sedang nikmati di Malaysia. Tetapi kerajaan semasa itu begitu teruk di mana rasuah begitu tinggi di mana negara itu satu ketika dahulu begitu kaya di Afrika sudah menjadi lebih kurang bankrap.

Tetapi semasa itu kerajaan ada 2/3 majoriti dalam Parlimen. Dalam pilihan raya itu kerajaan yang sedia cuai kerajaan baru datang dengan 2/3 majoriti tetapi 5 tahun kemudian hasrat rakyat supaya dapat satu kehidupan yang lebih mesra dan lebih baik masih satu mimpi sahaja, tidak ada perubahan. Kerajaan yang datang pun lebih kurang sama. Jadi kita bernasib baik kerana di Malaysia kita ada kestabilan, kita bersama-sama mencapai kekayaan, kita berkongsi dengan setiap rakyat yang ada di negara kita. Dan itu menjadi satu kekuatan. Saya telah katakan pada permulaan ucapan saya bahawa begitu banyak negara datang ke sini untuk belajar daripada Malaysia.

Itu kita kena tepuklah kerana ini satu kebanggaan dan kenapa kita ada kekuatan sedemikian. [Tepuk] Jadi tidak ada masalah kalau kita teruskan dan bersama-sama menghadapi masalah. Masalah sudah ada, tadi saja AirAsia minta kita bantu mereka untuk cakap dengan Singapura supaya beri ruang kepada mereka kerana mereka menghadapi masalah. Mereka sekarang dikatakan lawan dengan Temasek. Tadi kita bersama-sama mendengar cerita ini dan minta bantuan daripada kita. Kita tidak ada kuasa tetapi minta daripada kita supaya membantu mereka dan ini kita bersama boleh mengatasi masalah kalau kita duduk berbincang dan

berusaha bersama. Ini ialah apa yang saya lihat dalam Misi Nasional dan juga Lima Teras Rancangan Malaysia Kesembilan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam salah satu teras itu ialah meningkatkan keupayaan pengetahuan, kreativiti dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama. Saya sudah bagi banyak contoh tentang ini. Satu lagi bandingan ialah kalau kita bandingkan dengan peruntukkan dalam RMK-9 dengan RMK-8, saya dapati ada 18% lebih daripada peruntukkan iaitu RM200 bilion itu ialah 18% lebih daripada peruntukkan pada RMK-9 dan dengan tambahan RM20 bilion lagi dari pihak swasta, maka dijangkakan defisit *budget* yang akan dihadapi oleh negara sungguhpun ada tambah perbelanjaan tetapi defisit itu akan turun daripada di bawah RMK-8 ialah 3.8% defisit akan turun kepada 3% GDP. Tetapi masih ada defisit.

Kerajaan telah membuat satu cadangan yang telah diluluskan di Dewan yang mulia ini, tentang bagaimana mereka mengendalikan defisit. Ini defisit adalah satu yang penting, kita mahu belanja RM200 bilion yang 18% lebih daripada apa yang kita belanja. Tetapi sungguhpun demikian, defisit kita masih turun, dulu lebih daripada sekarang 3.4% sahaja. Tetapi sungguhpun demikian, kerajaan telah menyatakan bahawa kita mahu sampai ke satu tahap yang lebih rendah lagi, iaitu lebih kurang tidak ada defisitlah iaitu pendapatan kita cukup untuk perbelanjaan kita, jadi tidak ada defisit. Tetapi nampaknya, di bawah RMK-9 masih ada defisit dan ini merupakan satu cabaran bagi saya Tuan Yang di-Pertua.

Saya minta kerajaan semasa belanja peruntukkan itu memastikan yang pertama, kita tidak membebankan rakyat kita untuk masa hadapan. Kerana kita menghadapi satu suasana di mana harga minyak meningkat. Tadi kita mendengar apabila AirAsia mula perkhidmatan dengan USD40 satu tong sahaja. Sekarang sudah satu ketika USD75 satu tong, tengok bezanya.

Kerajaan sudah janji bahawa tidak akan naik harga minyak kepada rakyat dalam baki tahun ini. Tetapi kalau lama-kelamaan minyak itu meningkat, maka duit untuk pembangunan ini, di bawah RMK-9 mungkin terjejas dan kalau kerajaan masih hendak belanja RM200 bilion itu, maka defisit yang akan dihadapi oleh negara itu akan naik dan turun. Jadi saya minta supaya perkara ini diberi perhatian oleh kerajaan. Kita harus belanja yang mengikut kemampuan kita. Kalau dirasai pada dua, tiga tahun akan datang itu, maka keadaan ekonomi global itu tidak begitu baik dan kita tidak mencukupi pendapatan kerana harga komoditi kita mungkin tidak begitu tinggi, maka kita harus mengkaji semula RM200 bilion. Supaya rakyat kita di masa hadapan tidak dibebankan dengan satu *debt*, satu hutang yang tinggi kerana saya tahu keadaan di jiran kita Philippine.

Di Philippine negara menghadapi masalah kewangan kerana, apa pendapatan mereka 30% diketepikan untuk bayar hutang. Untuk bayar hutang sahaja. 34% daripada GDP mereka diketepikan untuk bayar hutang. Dan itu diperuntukkan dalam Perlembagaan mereka, kerana mereka hutang begitu ramai sehingga tekanan-tekanan itu mewajibkan mereka masuk dalam

Perlembagaan Negara supaya 34% diketepikan untuk bayar hutang, lepas itu yang lain diagihkan untuk pembangunan dan pengurusan negara.

Kita tidak mahu lihat demikian Tuan Yang di-Pertua, jadi ini ialah satu peringatan kepada kerajaan supaya kita mahu mengawasi dan kalau keadaan dunia pada masa akan datang, kerana ini ada tempoh lima tahun dalam masa akan datang, kalau ada masalah maka kita harus mengkaji semula perkara ini supaya rakyat kita tidak ada satu tanggungan yang besar.

Di sektor pembinaan Tuan Yang di-Pertua, saya baca RM46.8 bilion diperuntukkan. Tetapi kalau kita melihat keadaan sebenar dalam masa tiga tahun yang lalu, kita melihat bahawa sektor ini sedang menghadapi pertumbuhan yang sedikit sahaja. Sebenarnya ia lebih kecil daripada dulu dan diramalkan bahawa sektor ini akan berkembang, akan tumbuh sebanyak 3.5% setiap tahun dan kerajaan telah mengguna RM46.8 bilion ini untuk menggalakkan beberapa projek besar-besaran sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua ada disebutkan jambatan kedua di Pulau Pinang. Dan ini sebagai wakil Pulau Pinang saya ucapkan ribuan terima kasihlah kepada kerajaan kerana memahami masalah yang dihadapi di Pulau Pinang dan membantu dengan projek jambatan kedua ini. Dan satu lagi projek yang telah diperuntukkan kepada Pulau Pinang ialah monorel dan ini adalah dua projek yang penting bagi Pulau Pinang dan saya ucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan kerana memikirkan keperluan Pulau Pinang itu.

Selain daripada itu, peruntukkan RM46.8 bilion itu akan diguna juga untuk menubuhkan dua universiti, hospital-hospital, lebuhraya yang akan dibina di kawasan-kawasan yang kurang pembangunan seperti di tempat-tempat yang lebih jauh daripada bandar. Dan juga ada peruntukkan supaya memperbaiki lagi keadaan pengangkutan awam di Kuala Lumpur. Tetapi kalau kita melihat strategi untuk mencapai ini, yang pertama kerajaan akan memperkenalkan satu idea yang dipanggil PFI, jadi ini satu inisiatif, *Private Finance Initiative*. Satu inisiatif pihak swasta, satu inisiatif pembiayaan swasta, di mana pihak swasta itu akan digalakkan membangunkan prasarana dan juga utiliti.

Kemudian kerajaan menyewa daripada mereka dan tanggungan kerajaan tidak begitu tinggi dan juga pihak swasta ada peluang untuk terlibat dalam sektor pembangunan ini. Nampaknya EFI ini adalah satu inisiatif yang baik kerana kerajaan boleh mengurangkan kos pemilikan aset yang perlu ditanggung dan semasa itu swasta juga terlibat dalam pembangunan kawasan wilayah. Tetapi formula untuk melaksanakan ini kena difikirkan dengan baik. Kita tidak mahu satu keadaan di mana kerajaan membayar sewa yang tinggi untuk prasarana itu dan kemudian ini menjadi satu bebanan kepada rakyat.

Saya berharap bahawa mereka yang diberi tugas mengkaji perkara ini supaya mengkaji dengan mendalam dan satu dasar dan prosedur yang telus diberitahu kepada kami supaya perkara ini boleh dapat input daripada Ahli-ahli Parlimen sebelum ia dilaksanakan, supaya projek ini berjaya. Kita tidak mahu melihat pihak swasta ini mengalami kerugian kerana terlibat dalam

perkara ini tetapi pada masa yang sama kita tidak mahu melihat kerajaan ada tanggungan yang terlalu berat dalam hal ini. Saya minta supaya satu kajian dibuat dengan teliti.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh saya tahu berapa lama lagi masa yang diperlukan oleh Yang Berhormat untuk menghabiskan ucapan ini.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Sebenarnya saya ada banyak lagi, tapi kalau ada rakan lain yang ingin berucap saya akan cuba memendekkan dan mungkin habis dalam masa setengah jam, dalam lebih kurang pukul 4.30 petang.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat cuba ringkaskan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Saya akan cuba. Terima kasih. Jadi, dalam strategi untuk sektor pembangunan, kerajaan dalam dasar ini, dalam teras yang saya sebutkan itu telah memperuntukkan bahawa sektor swasta itu menjadi peneraju pembangunan ekonomi, *engine of growth*, Tuan Yang di-Pertua. Itu adalah strategi dalam teras RMK-9, iaitu kita harapkan pihak swasta akan masuk membantu dan mereka belanja lebih kurang 20 bilion dan mereka menjadi peneraju pembangunan. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita melihat syarikat-syarikat yang dijangka akan terima banyak daripada kontrak ini, kebanyakannya ialah GLC. Sebagai contohnya, UEM World, UEM Builder, Cement Industry Malaysia, ACPI Industry dan sebagainya.

Sekarang kita melihat bahawa GLC ini dari segi prestasi selalu kita di Dewan ini juga menanya tentang prestasi mereka sama ada cukup baik, sama ada kenapa tiap-tiap kali menghadapi kerugian dan sebagainya. Nampaknya tidak berprestasi yang baik. Tetapi strategi ialah sektor swasta akan menjadi peneraju dan pertumbuhan ini akan dipandu oleh syarikat swasta. Kerajaan ada menetapkan sasaran iaitu kerajaan harap pelaburan swasta itu tumbuh sebanyak 11.2 peratus. Saya ingin tahu bagaimana ini boleh dicapai. Hasrat ada tetapi dari segi pelaksanaan mungkin bertentangan kerana banyak daripada peruntukan ini tidak akan sampai ke pihak swasta. Jadi bagaimana mereka memainkan peranan mereka ini. Saya berharap bahawa satu perhatian diberi tentang perkara ini supaya strategi dengan pelaksanaan itu selaras dan kita mencapai hasrat itu.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pertanian juga diberi satu tumpuan yang penting dalam RMK-9 dengan harapan supaya menjadikan negara kita pengeksport bersih (*nett exporter*) bagi makanan menjelang 2010. Ini ialah dalam RMK-9 ini. Kita ada satu Dasar Pertanian Nasional dan dasar ini telah menyebutkan bahawa kita mahu menjadi pengeksport menjelang 2010. Tetapi kalau kita lihat, luasnya tanah yang diperuntukkan untuk pertanian, saya bagi sedikit maklumat, dalam tahun 2005 kita dapati 6.4 juta ekar diperuntukkan untuk pertanian. Daripada itu 5.3 juta ekar iaitu 82.8 peratus digunakan untuk kelapa sawit iaitu 4 juta ekar daripada jumlah itu dan getah ditanam pada 1.3 juta ekar.

Dalam RMK-9 dijangka bahawa 83.2 peratus tanah yang ada itu akan ditanam dengan kelapa sawit dan getah. Saya tanya bagaimana kita boleh menjadi pengeksport bersih kalau tanah untuk tanaman perusahaan (*cash crop*) itu begitu banyak tetapi tanah untuk menghasilkan

bangunan begitu sedikit sahaja untuk sayur dan buah-buahan. Kalau perkara ini tidak diberi perhatian, saya tidak yakin bahawa negara akan menjadi pengeksport bersih menjelang 2010. Kita mesti ada tanah yang mencukupi bagi tujuan menanam makanan, buah-buahan dan sebagainya. Tetapi kalau banyak tanah yang ada itu untuk *cash crop* seperti kelapa sawit dan getah, dan memandangkan getah mempunyai harga yang tinggi pada masa ini mungkin tanah untuk makanan itu sedikit sahaja dan kita tidak bolehlah sampai ke sasaran kita.

Kita difahamkan bahawa RM11.4 bilion itu diperuntukkan untuk sektor pertanian. Dan antara itu, ini adalah satu peningkatan berbanding dengan RMK8. Tetapi, banyak daripada peruntukan ini ialah untuk pembangunan prasarana berkaitan pengairan dan saluran, R&D (Penyelidikan dan Pembangunan), penambahan kemudahan kredit dan pelaksanaan program pembangunan usahawan. Jadi saya harap satu tumpuan yang khas diberikan kepada makanan. Kalau kita inginkan supaya kita menjadi satu pengeksport bersih dalam makanan itu Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak maka kita, masih tidak boleh sampai ke hasrat kita. Di dalam sektor swasta sebagai enjin pertumbuhan, kita dapati bahawa selepas kita ambil kira, apa yang diperuntukkan dalam beberapa sektor yang penting dalam RMK9 sebagai contoh, untuk aktiviti sosial, sosial pembangunan masyarakat dan sebagainya, semua pendidikan dan sebagainya, latihan dan sebagainya semua ini telah menelan perbelanjaan sebanyak 59.6% daripada RM200 bilion itu.

Jadi ini satu amaun yang besar dan antara itu untuk keselamatan iaitu ATM, polis dan sebagainya kita sudah peruntukan 21.4% dan pentadbiran am 12.6%. Ini bermakna hanya tinggal 6.5% untuk pembangunan ekonomi. Banyak daripada peruntukan kita ialah untuk pendidikan, untuk perkara-perkara lain yang saya sebutkan. Tetapi untuk pembangunan ekonomi hanya tinggal 6.5%. ini juga bagi saya adalah satu kelemahan dan saya ingin tahu bagaimana amaun yang kecil ini boleh menggerakkan sektor ekonomi dan pelaburan. Mungkin kita kena kaji dari segi peruntukan kerana peruntukan itu terhad, maka tidak mencukupi untuk pembangunan ekonomi dan akibatnya kita tidak akan mencapai sasaran kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sangat berminat melihat satu jadual yang disebutkan jadual 16/3. Ini ialah satu jadual yang disebutkan dalam RMK9 itu untuk membandingkan *disparity* di antara pendapatan dan di dunia sekarang kita ada satu pekali, pekali atau *coefficient* yang dinamakan '*gini coefficient*' Tuan Yang di-Pertua. *Gini coefficient* atau pekali gini yang menjadi satu ukuran jurang perbezaan. Kalau kita membandingkan dalam RMK8 dan RMK9 yang dijangkakan itu, kita lihat pada tahun 1999 dan 2004 sebagai satu perbandingan, kita lihat di negara kita, kaum bumiputera. Ini semua saya ambil dari jadual 16/3 itu. Di laporkan kaum Bumiputera pada tahun 1999, 0.433 itu *deficient* pekali gini. Tetapi 2004 ini sudah menjadi 0.452. Itu bermakna jurang di antara orang miskin dalam kumpulan Bumiputera ini dengan orang kaya sudah bertambah jurang itu iaitu menunjukkan miskin sudah menjadi lebih miskin, kaya sudah menjadi lebih kaya.

Tetapi apabila saya melihat strategi kerajaan untuk mengatasi ini, nampaknya tidak melihat bagaimana satu strategi untuk memastikan jurang ini tidak jadi lebih besar di antara miskin dan kaya dan maklumat untuk orang India saya pun ada dari jadual itu 0.413 pada tahun 1999 sekarang sudah 2004 sudah menjadi 0.425. Jadi pun ada, Cina pun ada sekarang pada tahun 1999, 0.434 tetapi sampai 2004 jadi 0.446. Dan saya berharap satu perhatian tentang aspek ini diberi kerana dalam RMK9 nampaknya tidak ada satu langkah yang tepat untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita menghadapi kesusahan di negara ini, setiap kali, sebagai contoh apabila naik harga minyak 30 sen baru-baru ini, rakyat yang miskin sudah menghadapi banyak masalah dan mereka yang mempunyai kereta canggih dan sebagainya nampaknya tidak rasa begitu menderita dan mereka masih tidak menggunakan perkhidmatan awam. Kalau mereka sudah menghadapi masalah, tentu mungkin mereka jual kereta dan lepas itu tukar kepada kenderaan awam atau pengangkutan awam. Tetapi, ini tidak berlaku. Ini menunjukkan bahawa gap atau jurang itu sudah dibesarkan dan saya harap perhatian diberi kepada perkara ini.

Satu lagi saya telah tinjau ialah tentang peruntukan yang akan menjejaskan mutu kehidupan. Ada peruntukan-peruntukan tertentu untuk membantu mutu kehidupan. Tetapi, kalau kita melihat angka yang ada, pengangkutan awam, malangnya Tuan Yang di-Pertua, RMK8 lebih banyak peruntukan untuk pengangkutan awam di bandingkan dengan RMK9. Dalam pengangkutan awam, saya dapat *figure* ini dikurangkan daripada 18.7% kepada 15.9% sahaja. Kesihatan juga dikurangkan 5.6% di bawah RMK8 kepada 5.4% di bawah RMK9.

Pada jangkaan saya kedua-dua ini akan menjejaskan kualiti atau mutu kehidupan rakyat kita. Saya berharap perhatian diberi kepada kedua-dua perkara ini dan bagi pengangkutan awam sebagai contoh, saya lihat semua yang telah disebutkan di muka surat 397, 404 Dasar Pengangkutan Awam. Kalau kita baca Dasar Pengangkutan Awam yang disebutkan oleh kerajaan, kita hanya lihat bagaimana memperbaiki keadaan di Lembah Klang.

Itu dasar pengangkutan kerajaan. Macam mana di Pulau Pinang, Johor Bahru, Ipoh, dan mungkin Sabah dan Sarawak di mana sistem pengangkutan awam mereka kurang baik ataupun tidak ada langsung. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap apabila kita sebut dasar pengangkutan awam kita harus mengambil kira bahawa tempat-tempat lain juga kena diberi perhatian dan peruntukan juga perlu disediakan supaya mereka ini bersama-sama boleh menikmati apa yang telah dinikmati di Kuala Lumpur. Kuala Lumpur ada komuter, ada PUTRA LRT, ada STAR LRT, ada monorail, ada RAPID KL dan sebagainya. Di tempat lain semua ini tidak ada, Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada. Tidak ada langsung dan bagaimana dasar ini, yang sudah ada diberi lagi yang tidak ada tetap tidak ada.

Bolehkah kita minta supaya perkara ini diberi perhatian dan *desperaty* itu diambil kira. Kenapa peruntukan itu dikurangkan kerana masa ini rakyat menghadapi masalah kenaikan harga

minyak dan mereka memerlukan perkhidmatan pengangkutan awam lebih daripada dahulu. RMK-8 sudah ada masalah tapi RMK-9 lagi teruk dan saya berharap ini diambil kira dalam dasar pengangkutan awam yang dirancang dalam RMK-9 ini.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat. Banyak lagikah?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tidak, tidak. Saya cuba habiskan , mungkin 10 minit lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara pemantauan kerana dalam satu daripada *trust* ini ialah supaya kita dapat satu perkhidmatan penyampaian yang lebih berkesan. Jadi oleh kerana itu maka kita mahukan satu sistem pemantauan yang lebih berkesan. Di bawah RMK-8 Tuan Yang di-Pertua, saya telah melihat bahawa ada projek-projek terbengkalai dan semua ini bernilai sebanyak RM19.6 bilion. Tuan Yang di-Pertua, daripada peruntukan yang ada itu maka kita menghadapi masalah projek terbengkalai sebanyak RM19.6 bilion.

Oleh kerana itu saya sangat menyokong usaha Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri untuk mengadakan pemantauan yang lebih rapi terhadap mereka yang diberi tugas untuk melaksanakan RMK-9 itu dan saya berharap ini dibuat bukan sahaja di peringkat atasan tetapi di setiap peringkat sampai ke peringkat daerah kalau boleh supaya perkara ini tidak menjadi satu masalah lagi seperti yang dihadapi pada RMK-8 itu.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi ini satu perkara baru dalam konsep rancangan lima tahun. Bermakna sementara terdahulu daripada ini terdapat jentera-jentera pemantauan yang secara tidak langsung kali ini secara khusus diadakan jentera pemantauan yang langsung. Jadi bila *point* itu sudah terang, Yang Berhormat boleh beralih kepada *point* yang lain.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Jadi saya berharap perkara ini sungguhpun satu perkara yang baru diberi perhatian tapi ianya mustahak.

Tuan Yang di-Pertua: Secara khusus.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: So, saya sangatlah menyokong usaha kerajaan supaya memberi perhatian kepada pemantauan. Saya juga bimbang tentang usaha dalam RMK-9 itu untuk pembangunan belia. Pembangunan belia merupakan satu usaha yang penting bagi kita. Kita ada sebilangan rakyat yang kerana sesuatu sebab itu tidak dapat membantu dalam pembangunan negara oleh kerana mereka menghadapi masalah-masalah tertentu.

Pada maklumat yang saya ada itu mereka yang tinggalkan sekolah selepas gagal kebanyakan daripada golongan ini kurang daripada umur 15 tahun. Tinggalkan sekolah kerana sudah gagal, tidak ada apa kebolehan yang istimewa dan di dalam RMK-9 ini tidak ada strategi yang khusus bagi membantu kumpulan ini dan kalau kumpulan ini tidak dibantu maka ia akan....

Tuan Yang di-Pertua: Strategi ada, program mungkin tidak ada.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tidak ada. Strategi pun tidak ada program mesti tidak ada kerana strategi tidak ada Tuan Yang di-Pertua. Saya cuba cari tapi tidak dapat kerana saya dapat data tentang kumpulan ini dan kalau...

Tuan Yang di-Pertua: Dasar ada?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Dasar pun tidak ada. Mungkin dari segi pembangunan insan kumpulan ini tidak diambil kira kerana mereka tidak dididik dengan baik, sudah gagal di sekolah, berhenti sekolah dan sebagainya. Mereka tidak ada kelayakan yang minimum untuk menghadiri kursus vokasional dan teknikal kerana banyak daripada mereka ini mungkin buta huruf. Apakah rancangan kerajaan untuk membantu mereka supaya boleh memainkan peranan mereka dalam masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah *trust* lima itu ada cadangan supaya tadbir urus yang baik di sektor korporat akan terus digalakkan. Ini berkenaan dengan *good governance*, tadbir urus dan institusi yang mengawal selia akan berusaha untuk memupuk dan mempertingkatkan tadbir urus korporat dan mengkaji semula peraturan undang-undang dan rangka kerja perundangan yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi penguatkuasaan peraturan dan undang-undang yang sedia ada bagi saya itu adalah lebih penting daripada mengkaji semula peraturan undang-undang dan sebagainya. Saya mahu perkara ini diberi satu perhatian oleh kerajaan tentang tadbir urus yang baik dan ini harus diamalkan oleh semua syarikat yang diberi tanggungjawab membuat sesuatu itu. Tuan Yang di-Pertua, itulah hujah-hujah saya dan saya berdoa semoga apa yang telah disarankan dan disasarkan dalam RMK-9 itu dapat dilaksanakan dengan hematnya, dengan jayanya demi kepentingan negara pada keseluruhannya. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Dewan Negara menghargai peranan Yang Berhormat pada ketika-ketika tiada ahli yang hendak berucap. Yang Berhormat telah banyak menyumbang supaya Dewan tidak ditangguh pada masa yang sepatutnya ianya tidak di tangguh. Terima kasih. Hajah Wan Hazani

4.10 ptg

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang kepada saya membahaskan Rancangan Malaysia Kesembilan. Yang pertama saya junjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, yang telah melantik saya sebagai Ahli Dewan Negara. Insya-Allah saya akan menjalankan tugas dan tanggungjawab saya dengan seberapa daya upaya saya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rancangan Malaysia Kesembilan, lima teras untuk merealisasikan misi nasional, yang penting keikhlasan pemerintah Perdana Menteri sebagai pemandu utama.

Begitu ikhlas untuk mencapai Wawasan 2020 yang Gemilang, Cemerlang, Gemilang, Terbilang. Doa Perdana Menteri di akhir pembentangan dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh memberi harapan besar kepada orang-orang luar bandar yang mengharapkan pembelaan daripada kerajaan. Terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tuan Yang di-Pertua, satu gerak hati yang menepati masanya, Perdana Menteri telah merancang dengan begitu tersusun dan teratur. Insya-Allah lima tahun akan datang perancangan ini akan dilaksanakan dengan jayanya. Perancangan ini perlu disusuli dengan kerjasama dan tanggungjawab daripada semua peringkat tanpa mengira siapa mereka sama ada Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat, Dewan Negara serta semua lapisan masyarakat.

Kita perlu mempersiapkan minda kita sebagai pemimpin dan rakyat dengan bersungguh-sungguh supaya dapat membina tamadun dan peradaban kebudayaan dengan cara kita dan acuan kita sendiri. Inilah satu tanggungjawab dan cabaran kepada kita semua. Azam kerajaan untuk memperbetulkan yang tidak seimbang tanpa merosakkan kepentingan semua kaum. Tuan Yang di-Pertua, pihak media elektronik terlalu banyak mengetengahkan hiburan budaya negatif. Kadang-kadang pihak media terlupa, peranan mereka di dalam membina minda rakyat sebenarnya media boleh memainkan peranan di dalam membentuk nilai-nilai murni, akhlak, memperkasakan bangsa serta membantu mewujudkan masyarakat yang unggul dan harmonis.

Sehubungan itu saya memohon supaya segmen hiburan dikurangkan dan dilebihkan bahan yang boleh memperkasakan minda generasi muda negara. Tuan Yang di-Pertua, kita telah melalui RMK-1 hingga ke-8, kita tahu di mana kelemahan yang patut kita baiki dan membetulkan apa yang tidak betul. Dasar keterbukaan Perdana Menteri nampaknya kesan positif di akhir-akhir ini. Sungguh mulia peribadi mereka yang berkata bahawa mereka salah apabila mereka salah tetapi jika hujah kita benar daripada hujah pihak lawan maka kitalah yang terbaik. Pemimpin yang baik akan membawa kesejahteraan kepada rakyat.

Inilah dasar dan rahmat, dasar keterbukaan kerajaan ini. Saya pasti ramai yang bersyukur kerana telah dapat melihat dan merasai sendiri nikmatnya hidup di bawah kerajaan Malaysia yang progresif, maju, makmur dan terbuka. Dasar keterbukaan yang diamalkan oleh kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi wajar disokong dan diteruskan. Sehubungan ini dasar keterbukaan yang diamalkan oleh kerajaan kita di dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara hendaklah diingatkan diri kita supaya jangan sampai menjatuhkan maruah dan melanggar budaya kesopanan kita. Sebagai pemimpin, dasar tersebut bertujuan untuk menegur menteri-menteri dan pemimpin tetapi janganlah kita melampaui batas hingga mengaibkan maruah dan kewibawaan seorang pemimpin tersebut tanpa mengetahui perkara sebenar berikutan fitnah mereka yang tidak bertanggungjawab kerana ghairah atau sebaliknya.

Ini ditegah oleh Islam agama suci kita dan juga bukan sunah rasul junjungan nabi Muhammad s.a.w. Kebebasan tersebut bukan sekadar untuk menghentam, jagalah maruah kita

sebagai pemimpin jangan kita terlalu sinis dan tahu menghentam sahaja kerana tidak mendapat sesuatu yang diinginkan atau tidak sependapat. Di dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan, keikhlasan dan rangsangan Perdana Menteri serta pemberian kepada negeri Kelantan memberi saya satu kejutan dan rasa terharu kerana negeri Kelantan diberi RM7.6 bilion iaitu 300% lebih banyak daripada RMK-8. Jumlah ini amat besar walaupun negeri Kelantan dikuasai oleh pembangkang, terima kasih Yang Amat Berhormat Datuk Seri. Syukur kepada Allah yang Maha Agung lagi Maha Pemurah.

Sepatutnya seluruh lapisan rakyat negeri Kelantan turut bersyukur dan berterima kasih kepada Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi. Terima kasih kepada Perdana Menteri kerana bagi satu Universiti Darul Naim untuk Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, apakah pihak kementerian tidak bercadang untuk menyelaraskan COLA antara bandar dan luar bandar sebagai galakan minat guru-guru bertugas di luar bandar. Ini kerana terdapat sebahagian guru-guru kurang berminat bertugas di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua saya menyokong keputusan kerajaan membatalkan jambatan indah demi untuk mempertahankan maruah dan kedaulatan negara. Lebih baik pasir digunakan untuk membesarkan Semenanjung Malaysia daripada dijual kepada orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, pendakwah-pendakwah Melayu Islam lebih berminat pergi ke luar negara seperti India, Pakistan dan lain-lain negara dari berdakwah di dalam negara sendiri sedangkan terdapat sebahagian besar masyarakat Orang Asli yang telah memeluk Islam terbiar tanpa bimbingan dan ajaran daripada pendakwah-pendakwah kita. Guru untuk mengajar Al-Quran pun tiada, tidak mencukupi. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Osman bin Bungsu: Minta laluan, berdasarkan...

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Sila.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat kerana memberi laluan. Saya ingin menyentuh tentang pendakwah-pendakwah ini. Apakah ciri-ciri pendakwah yang ditugaskan yang saya rasa boleh membangkitkan semangat pembangunan di kalangan Orang Asli dan apakah strategi ini boleh mendatangkan keuntungan besar kepada Orang Asli dan juga kerajaan. Saya minta penjelasan.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Terima kasih Yang Berhormat. Maksud saya pendakwah-pendakwah adalah pengajar-pengajar agama Islam, yang mengembangkan agama Islam. Di kawasan saya...

Tuan Yang di-Pertua: Memang pun pendakwah pun dikaitkan dengan Orang Islam kalau tidak disebut pendakwah.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bererti di kawasan saya di kawasan Gua Musang, "*post road, main road and descend road*" terutamanya di kawasan-kawasan Orang Asli yang memeluk agama Islam. Pendakwah-pendakwah kita lebih gemar terutamanya pendakwah daripada Kelantan, di dalam negeri sendiri

pun dia orang lebih gemar pergi ke luar negara daripada masuk di kawasan hulu Kelantan, dia orang tidak berminat. Jadi yang berminat adalah pengembang-pengembang Kristian hingga ke satu gereja Kristian sudah didirikan di kawasan hulu Kelantan dulu pernah berlaku macam ini. Jadi, itulah saya minta pihak JAKIM mengambil perhatian dalam perkara sebegini.

Tuan Yang di-Pertua, apakah pihak JAKIM merasai sudah mencukupi dengan 4 buah kenderaan pacuan empat roda (4x4) yang dibekalkan. Manakala motosikal *scrambler* dikatakan tidak sesuai. Apakah pihak JAKIM pernah masuk kawasan pedalaman yang tidak mempunyai jalan yang berturap? Yang hanya ada jalan denai serta jalan laluan lori balak sahaja? Kawasan yang berbukit-bukau, musim hujan yang tidak menentu di kawasan pedalaman memerlukan kenderaan yang sesuai untuk tenaga pengajar JAKIM masuk ke kawasan tersebut. Dengan kenderaan seperti motosikal *scrambler*, para pengajar JAKIM dapat meneruskan tugas walaupun pada ketika musim hujan. Di mana pada musim tersebut, biasanya menjadi musim rehat panjang bagi petugas-petugas JAKIM.

Berikutan kesukaran untuk bergerak ke tempat-tempat berkaitan, sekiranya tidak dapat menumpang lori-lori balak, keadaan begini amat menyedihkan malah masa untuk berdakwah menjadi terhad kepada musim panas sahaja kerana menunggu lumpur dan lopak menjadi kering untuk dilalui.

Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai masanya Kementerian Luar Bandar di dalam RMK-9 ini, membuka ladang kelapa sawit ataupun getah untuk diberikan kepada Orang-orang Asli yang miskin tegar. Untuk mengubah kehidupan mereka menjadi lebih baik daripada kehidupan sekarang, dengan pemberian dan pembukaan ladang seperti FELDA, akan berubahlah kehidupan Orang-orang Asli dan generasi mereka yang akan datang. Saya dengan ini, mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Osman bin Bungsu.

4.22 ptg.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih sekali lagi kerana memberi peluang untuk saya sama-sama membahas dalam RMK-9 di Dewan yang mulia ini. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat yang baru lepas cakap tentang Orang Asli. Saya ucapkan terima kasih di atas saranan dan cadangan bagi membina masyarakat Orang Asli yang berdaya saing dan berdaya tahan terutama dalam perkara pendakwah tadi. Saya rasa memang JAKIM perlu ada satu strategi baru untuk meningkatkan tahap keyakinan Orang Asli untuk sama-sama dalam era menetapkan kepercayaan, terutama agama Islam.

Untuk difahamkan di dalam Dewan yang mulia ini, animisme di kalangan Orang Asli, 68%, Islam baru 28% dan Kristian baru 8%, kalau tak silap saya dan juga ada beberapa orang yang beragama Hindu. Jadi, kalau ada strategi-strategi yang begitu mantap di kalangan pihak JAKIM yang 68% ini yang perlu diberi keutamaan, yang anak-anak muda ini, pelajar-pelajar

sekolah ini, sebab kebanyakan anak-anak kita dan orang-orang yang dewasa Tuan Yang di-Pertua, kebanyakannya tidak belajar. Jadi kuasa untuk mengingat pelajaran amat sukar terutama dalam menghafal ayat-ayat Al-Quran dan juga sebagainya. Itu adalah satu daripada sokongan saya kepada Yang Berhormat, terutama saya berharap pendakwah JAKIM diberi satu peruntukan khusus, yang boleh, bila dia menjalankan aktiviti, dia ada peruntukan untuk disegera, memberi peruntukan segera dalam menjalankan aktiviti-aktiviti yang diperlukan dalam keadaan jauh pedalaman.

Hari ini ini kita nak beri peruntukan, besok kita nak beli barang, memang sukar dengan jalan denai yang begitu Yang Berhormat pun faham. Tuan Yang di-Pertua, saya juga sebagai wakil Orang Asli merakamkan terima kasih yang amat sangat terutama kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri yang banyak memikirkan tentang Orang Asli, yang banyak peruntukan telah diberi tapi masih dalam keadaan susah. Jadi hari ini, saya memfokuskan lagi sekali tentang Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak difikirkan, banyak pembiayaan, duit pun banyak, dan apa yang kurangnya?

Tuan Osman bin Bungsu: Kesan dia. Kesan dia yang mana saya semalam..

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat mohon laluan, boleh?

Tuan Osman bin Bungsu: Ya.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya bersimpati dengan Yang Berhormat itu tadi. Yang Berhormat mengatakan banyak peruntukan. Tetapi peruntukan begitu banyak, kenapa Yang Berhormat agak, pandangan Yang Berhormatlah nasib Orang Asli ini, masih lagi terpinggir? Adakah pelaksanaan dia, penyelewengan yang berlaku terhadap bantuan Orang Asli ini, atau di mana silapnya? Sudah tentu ada di mana kesilapannya dan kelemahannya, kerana bantuan ada. Adakah bantuan ini tidak sampai ke masyarakat Orang Asli ini? Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Ismail bin Kasim: Minta laluan kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bagaimana?

Tuan Osman bin Bungsu: Boleh.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Tuan Osman. Saya turut terpanggil untuk mencelah Yang Berhormat Tuan Osman apabila di awal mukaddimahnya, Yang Berhormat Tuan Osman telah memberitahu bahawa peruntukannya cukup besar, yang sentiasa diberi oleh kerajaan bagi mengatasi nasib Orang-orang Asli ini. Kerana kita sedia maklum, bahawa Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ini ditubuhkan sebelum kita merdeka setahun, iaitu pada tahun 1956. Setahun sebelum kita mencapai kemerdekaan, bermakna penjajah Inggeris telah pun meletakkan garis panduan bahawa golongan minoriti ini harus dibela.

Jadi selepas kita melalui rancangan Malaysia sampai ke Rancangan Malaysia Kesembilan dan saya difahamkan pada setiap kali RMK ini, peruntukan yang agak besar diberikan. Tetapi kita lihat sampai sekarang, alasan-alasan yang diberikan oleh kementerian-kementerian, kalau tak silap saya 5 kementerian terbabit semenjak merdeka sampai sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan lupa ya. Jangan lupa, Yang Berhormat mengganggu tau, bukan berucap.

Tuan Ismail bin Kasim: Ya, saya faham Tuan Yang di-Pertua. Cuma nak bagi penjelasan dahulu sebelum saya nak minta pandangan daripada Yang Berhormat Tuan Osman. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan 5 kementerian yang telah diberi amanah untuk melestarikan, mengatasi masalah kemiskinan ini. Tetapi sampai saat ini, masalah ini masih belum dapat diatasi. Malah alasan-alasan yang sering diberikan kalau diminta oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, alasan demografi. Faktor keinginan tidak mahu berubah, faktor *distance*, jarak yang jauh, semuanya diletakkan label ke atas Orang-orang Asli itu sendiri, tetapi tanpa ada kesungguhan yang mahu dibuat oleh pihak kerajaan dan juga jabatan yang telah dipertanggungjawabkan, usaha-usaha yang saya ingat jumlah 100 ribu lebih sahaja, bukan ramai.

Tuan Yang di-Pertua: Lagi panjang, lagi susah nak *landing*.

Tuan Ismail bin Kasim: Saya faham, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, faktor-faktor yang ini kita minta jangan lagi alasan-alasan yang agak kuno dan kolot ini masih lagi diberi oleh pihak kementerian. Tetapi biarlah cari alasan yang munasabah. Sekarang saya nak *landing* Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan kepada saudara saya Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tak *landing*, saya akan minta Yang Berhormat masukkan *point* ini di dalam ucapan Yang Berhormat nanti.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membantu saya seperti mana yang dimaklumkan tadi oleh Yang Berhormat Dato' Musa, itulah jawapan dia tadi, masalah-masalah yang dikenal pasti yang saya difahamkan banyak masalah dikenal pasti. Di antaranya tadi, faktor demografi, faktor sikap yang rendah, faktor perhubungan ya, tadi? Dan juga saya difahamkan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tadi dia sayang pada Orang Asli. Dia tidak mahu Orang Asli dipersalahkan. Dia persoalkan tidakkah ada faktor-faktor luaran. Betul Yang Berhormat Tuan Ismail?

Tuan Osman bin Bungsu: Jadi kalau ada faktor-faktor luaran ini saya minta jabatanlah kerana jabatan lebih arif, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dapat menjawab sejelasnya agar Dewan ini dapat sama-sama membantu perancangan yang akan dibuat oleh kerajaan dan juga kementerian yang terlibat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang dibangkitkan oleh Dato' Musa tadi sudah terjawab ya?

Tuan Osman bin Bungsu: Jawab tadi, yang telah terjawab dan yang kedua saya minta kementerian menjawab. Kalau saya menjawab, saya pula jadi pihak kementerian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Menurut laporan Rancangan Malaysia Kesembilan sehingga akhir tahun 2005 iaitu sejumlah 9,350 rumah telah dibina di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin dan bekalan elektrik juga telah disediakan kepada perkampungan Orang Asli meliputi 12,400 keluarga dan kemudahan bekalan air juga telah disediakan kepada sejumlah 20,100 keluarga di samping Skim Pembangunan Tanah Baru dan penempatan semula serta projek lain telah memberi manfaat kepada 84,250 Orang Asli iaitu 50% daripada jumlah penduduk Orang Asli kini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada kementerian dan juga kerajaan yang telah menjayakan usaha-usaha memajukan Orang Asli terutama telah menjelaskan dalam Misi Nasional kerajaan melalui-Teras Ketiga: Menangani Masalah Ketidaksamaan Sosioekonomi Secara Membina Dan Produktif.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kemiskinan masyarakat Orang Asli di negara ini talah lama seperti mana Yang Berhormat Senator Ismail bin Kassim telah dibincangkan di beberapa peringkat, bukan sahaja di forum-forum, di seminar pembangunan, ia telah dibangkit beberapa kali di Dewan yang mulia ini. Hakikatnya masalah kemiskinan belum dapat diatasi. Seperti mana yang diumumkan oleh timbalan menteri semalam, masih ada 81% miskin termasuk kemiskinan tegar.

Hakikatnya masalah kemiskinan ini belum dapat di atasi. Sebilangan besar masyarakat Orang Asli masih ketinggalan dari arus pembangunan perdana. Saya tidak mahu membuang masa mengimbuai kembali kegagalan dahulu tetapi ingin melihat ke hadapan, *here and now*, dengan izin. Dan mencadangkan bagaimana kita boleh memperbaiki keadaan dan seterusnya mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua: *Here, now and the days ahead.*

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, dari segi peningkatan pendapatan, dari sudut ekonomi, persoalan adalah bagaimana untuk meningkatkan pendapatan masyarakat Orang Asli. Kebanyakan rancangan pembasmian kemiskinan masyarakat Orang Asli adalah tertumpu kepada aktiviti-aktiviti pertanian. Ini adalah kerana punca utama pendapatan masyarakat Orang Asli adalah hasil pertanian.

Pada hari ini kita dapati kebanyakan program pertanian bagi masyarakat Orang Asli tidak diurus oleh masyarakat Orang Asli itu sendiri. Kebanyakan, saya memberi contoh, diurus oleh RISDA dan FELCRA, Lembaga Pertubuhan Peladang, mengurus penanaman kelapa sawit dan getah di tanah-tanah rizab Orang Asli di mana peruntukan yang diberikan adalah daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Saya difahamkan hampir setiap tahun RM5 juta hingga RM16 juta diberi peruntukan itu kepada agensi-agensi berkenaan bagi menguruskan ladang-ladang ini. Masyarakat Orang Asli hanya diambil sebagai pekerja di tanah mereka dan diberi gaji. Pada setiap tahun pula, setiap pemilik tanah diberi lebih kurang anggaran pendapatan RM2,000 setahun sebagai dividen tahunan. Walaupun hasrat kerajaan adalah murni iaitu ingin menambah pendapatan masyarakat Orang Asli tetapi ini tidak akan menjadi masyarakat Orang Asli lebih berdikari dalam usaha mereka meningkatkan pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya masyarakat Orang Asli diberi peluang untuk mengurus sendiri tanah mereka melalui bantuan yang disalurkan oleh jabatan ini terus kepada Orang Asli secara langsung agar titik peluh mereka ini dapat dinikmati secara kerja yang telah dibuat, bukannya dibagi terus kepada agensi-agensi pelaksana.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan saya juga, saya berharap mengapa pihak kementerian tidak menubuhkan satu syarikat perladangan, contohnya Perladangan Orang Asli diberi kepada koperasi-koperasi Orang Asli bagi mengusahakan tanah ini ataupun kita mengubah sedikit secara perundangan kecil, *by law*, di bawah Akta 134 Orang Asli ini di mana kelulusan di peringkat menteri sahaja boleh dibuat agar peruntukan yang besar ini dapat dijadikan satu modal pusingan kepada Orang Asli untuk mengusahakan tanah ini.

Ataupun lagi, Tuan Yang di-Pertua, kita mewujudkan satu Lembaga Kemajuan Orang Asli seperti mana yang dicadangkan dalam Lembaga Pertubuhan Sarawak, Sabah, kalau tidak silap saya, yang ada ini dan juga pelan pembangunan tanah ini dikendalikan di bawah jabatan, kalau boleh terus kepada Jabatan Perdana Menteri seperti mana yang diberi tanggungjawab FELDA di bawah Jabatan Perdana Menteri. Saya melihat ini sebagai satu cara yang baik di mana setiap peserta sebelum hasilnya dapat dikutip, untuk sara hidup telah dapat diberi. Jadi ini tidak akan menjadikan Orang Asli mendudukinya kalau tanah rancangan yang telah disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan juga supaya Jabatan Orang Asli dapat bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk menjalankan program-program khusus untuk melatih dan menjalankan projek pertanian usaha sama dengan masyarakat Orang Asli dalam produk-produk pertanian tradisional seperti ulam, akar kayu, Tongkat Ali dan sebagainya kerana dalam hutan yang begitu luas kebanyakan Orang Asli tinggal di sana, banyak bahan ini boleh diperolehi.

Sungguhpun masyarakat Orang Asli ketinggalan dari segi teknik pertanian moden, tetapi mereka juga mempunyai kepakaran-kepakaran kayu. Pengetahuan asas mereka ini boleh dijadikan sebagai pencetus kepada pembangunan penyelidikan secara saintifik kepada produk-produk ini melalui penyelidikan bioteknologi yang mana Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi boleh mengambil inisiatif dalam perkara ini.

Tuan Ismail bin Kassim: Pohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Osman atas laluan yang diberikan kepada saya. Apabila

Yang Berhormat menyebut pasal hasil keluaran Orang Asli daripada hutan yang begitu banyak khazanahnya, saya difahami, saya ada terbaca dalam satu majalah iaitu hasil kraf tangan Orang Asli yang telah bertanding di peringkat dunia dan telah mendapat pingat emas daripada hasil seni kreatif Orang Asli ini.

Jadi selepas kejayaan ini dicapai menerusi kemenangan daripada hasil produk yang dikeluarkan oleh Orang Asli, apakah tindakan-tindakan yang dibuat setakat ini sama ada oleh pihak kerajaan, agensi kerajaan terbabit, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli atau sesiapa sahaja yang sepatutnya mengetengahkan ini sebagai satu produk yang boleh dipasarkan sahaja di peringkat tempatan bahkan di peringkat antarabangsa dengan kejayaan yang begitu gemilang yang dicapai hasil pertandingan dengan kraf tangan di seluruh dunia baru-baru ini. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Kassim.

Tuan Yang di-Pertua: Itu baru gangguan yang bernas.

Tuan Osman bin Bungsu: Saya memang memujilah tindakan kerajaan untuk memasarkan seni kreatif Orang Asli, yang mana kita tahu telah mendapat medal emas, ya, anugerah. Jadi saya ucapkan terima kasih. Pertama, Pengerusi FELCRA yang banyak berusaha dalam perkara ini dan kalau boleh, pihak kementerianlah dapat memasarkan perkara ini melalui Jabatan Hal-Ehwal Orang Asli bagi melihat kraf tangan Orang Asli yang berdaya saing ini, dapat dipasarkan di peringkat antarabangsa sebagai satu sumber pendapatan untuk Orang Asli. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan satu rancangan Orang Asli yang boleh dicontohi dari segi semangat musyawarah dan perundingan. Pemaju yang dipertanggungjawabkan untuk projek pembangunan semula tanah Orang Asli dengan kerjasama kerajaan negeri telah berjaya membawa masyarakat Orang Asli ini untuk bersama-sama dalam arus pembangunan pesat negara.

Walaupun ia mengambil masa lebih lapan tahun dan lebih dari 300 mesyuarat di antara kerajaan negeri dengan pemaju masyarakat Orang Asli. Namun, hasilnya adalah memuaskan kepada semua pihak terutama masyarakat Orang Asli itu sendiri. 147 keluarga daripada suku Temuan di Bukit Lanjan telah menerima geran hak milik tanah untuk rumah banglo satu tingkat di Desa Temuan, Bukit Lanjan dan teres dua tingkat di Sungai Buloh yang dilengkapi pelbagai infrastruktur seperti pusat komuniti, padang permainan juga turut disediakan kelas bimbingan, muzium, balai adat, surau, enam unit rumah kedai dua tingkat di Desa Temuan dan Desa Riang serta tanah perkuburan seluas dua hektar di Desa Riang, Sungai Buloh.

Ini menunjukkan kalau ada usaha yang kuat untuk memajukan tanah Orang Asli ini, saya yakin walaupun pada dasarnya tanah Orang Asli yang begitu luas, potensinya yang begitu tinggi, tetapi jangka panjang Orang Asli dapat dicontohi. Jadi saya berharap dengan erti kata lain,

adalah dicadangkan juga kerajaan meningkatkan kemudahan-kemudahan untuk membina kompleks-kompleks perniagaan di setiap negeri atau daerah untuk memenuhi satu kampung, satu produk atau satu kampung, satu industri atau satu kampung dibentuk satu kampung wawasan yang boleh dicontohi sama ada di Selangor satu, di Johor satu, di Pahang satu. Jadi di mana-mana, bila sahaja ada, ingin pertunjukan. Contoh, mana kemajuan Orang Asli di Malaysia ini, kita dapat contohkan. Seperti mana yang kita tahu di kampung saya...

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, pohon gangguan.

Tuan Osman bin Bungsu: di kampung saya telah ada satu produk menjual barang-barang terpakai, yang mana terkenal sampai ke negeri Terengganu, Kelantan. Jadi kalau ini dapat diperkenalkan menjadi satu destinasi bukan sahaja pelancongan, orang datang daripada seluruh Semenanjung kita, malah ia merupakan satu identiti kepada masyarakat Orang Asli bahawa Orang Asli juga boleh berdaya saing dengan usaha-usaha selain daripada tanah. Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu. Apa yang telah diujahkan oleh Yang Berhormat tadi menampakkan kepada saya, minta maaf Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, menampakkan kepada saya bahawa Yang Berhormat masih suka apa yang boleh saya sebut sebagai Rancangan Keterasingan Orang Asli itu di dalam mana-mana rancangan pembangunan. Adakah ini satu perkara yang harus kita galakkan, bila kita bergerak maju keseluruhannya, di mana warna-warna Orang Asli itu masih mahu dipertahankan. Terima kasih.

Tuan Osman bin Bungsu: Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid, saya rasa kenyataan ini perlu diperbaikilah. Saya sebenarnya tidak mengasingkan apa juga program untuk memajukan Orang Asli. Tetapi persoalannya kita dapat lihat bahawa kemunduran Orang Asli terserlah seperti mana Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kassim memberitahu tadi, 50 tahun. Kerajaan telah ada satu akta Orang Asli yang mana setiap tahun dan setiap peringkat Orang Asli ini telah diberitahu satu keutamaan kerajaan untuk membangunkan Orang Asli.

Jadi, kalau ada mungkin untuk integrasi, seterusnya integrasi tetapi pembangunan yang saya harapkan ini dapat dibuat. Kalau tidak boleh secara khusus, secara bersaing dengan masyarakat yang lain, saya berharap supaya dibuatkan pengkhususan. Itulah cadangan saya Yang Berhormat. Tidak ada niat untuk mengasingkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan...

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna cuba cara barulah. Cara lama sudah nampak tidak berkesan, ya.

Tuan Osman bin Bungsu: Maknanya satu pendekatan baru yang boleh kita gunakan. Tuan Yang di-Pertua, saya juga memaklumkan bahawa Ketua Pengarah Jabatan Orang Asli dan

juga Kementerian Kemajuan Luar Bandar sedang menjelajah ke seluruh negara bagi memberi taklimat dan mengumpulkan maklumat balas di setiap negeri dalam usaha mewujudkan dasar yang seragam membabitkan pemilikan tanah Orang Asli di negara ini, yang mana pada masa ini, dasar pemilikan tanah Orang Asli adalah berbeza di antara satu negeri dengan satu negeri.

Saya berharap kerajaan dapat menyelesaikan isu pemilikan tanah bagi masyarakat Orang Asli "*one and for all*" dengan izin, supaya kita boleh membangunkan ekonomi masyarakat Orang Asli yang sudah lama ketinggalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada pendidikan. Kita juga harus sedar bahawa teras kepada pembangunan yang mapan sesebuah masyarakat adalah melalui pendidikan. Pemberian hak milik tanah dan penglibatan masyarakat Orang Asli dalam arus pembangunan perdana memang dinantikan oleh masyarakat Orang Asli tetapi isu pendidikan amat perlu diberi perhatian serius bagi meningkatkan modal insan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik Dewan yang mulia ini, agar Kementerian Pelajaran mengenai satu masalah yang amat serius dalam masyarakat Orang Asli iaitu isu keciciran di peringkat sekolah menengah terutama menengah rendah. Kalau mengikut kajian yang lepas, tahun 2000, 25,000 kanak-kanak sekolah rendah yang masuk ke tingkatan satu hanya 5,000. Kemudian, sampai ke peringkat PMR hanya tinggal 500, sampailah SPM. Jadi, saya berharap perkara ini mungkin dalam tahun 2005 ini, sudah ada perubahan. Kalau ada, saya minta kementerian menyatakan perubahan-perubahan itu supaya strategi pembangunan pendidikan Orang Asli dapat dipertingkatkan.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, kajian perangkaan pelajar-pelajar Orang Asli di peringkat menengah dan rendah pada tahun 2003, jelas menunjukkan bahawa secara purata cuma 28.2% pelajar-pelajar Orang Asli yang belajar di peringkat sekolah menengah rendah meneruskan pengajian di sekolah menengah. Ini bermakna lebih 70% pelajar-pelajar Orang Asli tidak meneruskan pengajian mereka dan tercicir.

Saya ingin bertanya apakah langkah-langkah yang telah dan sedang dibuat oleh Kementerian Pelajaran untuk menangani masalah ini. Dan juga Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melalui Jabatan Orang Asli yang telah menyediakan pelan pembangunan tindakan pendidikan di kalangan Orang Asli.

Saya juga Tuan Yang di-Pertua, melihat perkara ini agar masalah-masalah, kelemahan-kelemahan yang terus menerus yang perlu diberi perhatian oleh Kementerian Pelajaran dan Kementerian yang terlibat dalam menangani masalah ini. Dua kelemahan dan masalah utama ialah saya dapat kenal pasti penyediaan guru-guru dan kemudahan-kemudahan yang disediakan di sekolah Orang Asli terutama di kawasan pedalaman.

Pada penggal pertama saya dah menyuarakan ada sekolah yang balik awal, baru-baru yang lepas, saya menceritakan bagaimana pengurusan sekolah, enam cikgu tidak ada. Jadi saya berharap Kementerian Pelajaran dapat memantau, saya tak menyalahkan cikgu tapi saya

harap pemantauan di peringkat ini dapat dijalankan oleh pihak Kementerian kerana saya difahamkan tadi, cikgu bukan sahaja sebagai tugasnya pengajar. Tetapi harapan besar saya, tugas guru dapat membangkitkan semangat, meningkatkan semangat daya saing, daya juangan juga dapat menjadi perubahan kepada masyarakat Orang Asli di dalam kawasan pedalaman terutama kepada ibu bapa.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya amat bersimpati dengan Yang Berhormat dalam isu pembangunan Orang Asli. Sudahlah beliau seorang sahaja yang terpaksa bergerak ke seluruh negara tetapi berhadapan dengan dua permasalahan yang besar. Satu tentang sikap dan *culture* yang sedia ada dalam masyarakat Orang Asli, yang perlu dirombak, yang memerlukan sokongan, dorongan dan penglibatan semua pihak. Yang kedua ialah soal birokrasi. Dan saya melihat perkara ini sebab secara kebetulan di tempat saya ada dua perkampungan Orang Asli. Satu, Kampung Bumiputera Dalam iaitu tempat Yang Berhormat sendiri, Tuan Yang di-Pertua. Satu lagi ialah di Seri Pantai. Itu pun dalam keadaan mereka ini duduk di satu kawasan perkampungan yang sudah dikelilingi dengan pembangunan. Ini kita belum bercakap dengan Orang Asli yang duduk di kawasan tempat pembalakan ataupun di tepi-tepi sungai yang jauh terpisah daripada kesan pembangunan.

Sebagai contohnya, kalau saya merasmikan PIBG sekolah-sekolah di sekitar penempatan Orang Asli ini. Guru-guru kadang-kadang membangkitkan bahawa pelajar, anak-anak Orang Asli ini, sekejap datang sekolah, sekejap tak datang. Ini masalah besar yang dihadapi.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau saya tak tanya sama ada Yang Berhormat susah nak *landing*, nanti Tuan Ismail Kassim nanti ingat saya pilih kasih. Jadi saya tanya juga adakah Yang Berhormat susah *landing* membentangkan hujah itu?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Belum, belum, saya hendak memberikan satu mukadimah betapa rumitnya perkara yang nak diperjuangkan oleh Yang Berhormat ini. Sebab kami dalam satu bahagian Tuan Yang di-Pertua. Jadi sebab itulah apabila Yang Berhormat membangkitkan soal ..

Tuan Yang di-Pertua: Agaknya Yang Berhormat ini lupa, Yang Berhormat ini seorang Senator yang mewakili kepentingan negeri Johor, bukan Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tidak, saya tidak bermaksud sedemikian tapi kerana berada dalam satu tempat yang sama yang melihat permasalahan. Sebab saya Tuan Yang di-Pertua, kalau di Batu Pahat memang susah hendak jumpa Yang Berhormat ni, bila saya telefon di Pahang, sekejap di Terengganu, sekejap di Gua Musang. Sebab itu saya tahu kerumitan beliau. Cuma apa yang saya ingin bangkitkan di sini yang perlu mendapat perhatian kerana Yang Berhormat membangkitkan soal pendidikan. Sebab keyakinan saya dan pegangan

saya ialah jika kita ingin keluar daripada garis kemiskinan hidup, maka pendidikanlah jawapannya.

Untuk kita hendak memikirkan dua generasi lama dalam masyarakat Orang Asli, kita perlu juga lakukan. Tapi banyak kerumitannya, oleh itu kita perlu fokus terhadap pendidikan anak Orang Asli ini. Sebab itulah saya merasakan bahawa kerajaan harus memikirkan pendekatan yang lebih komprehensif terhadap pendidikan anak Orang Asli ini. Maksudnya dengan kata lain iaitu bahawa ia tidak boleh terpisah dengan program-program yang lain. Sebab itulah kadang-kadang apabila ada rungutan iaitu tentang kemudahan-kemudahan dan bantuan-bantuan khusus terutamanya seperti contohnya, pendidikan pra sekolah yang khusus di kawasan penempatan mereka, yang tidak perlu mereka datang jauh dan sebagainya, dengan kesesuaian mereka. Yang ini juga harus diberikan keutamaan sebenarnya.

Sebab itulah saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat ini iaitu apakah, apa yang beliau katakan tadi seolah-olah bahawa Kementerian Pelajaran kita ini, tidak ada satu program yang khusus sebenarnya dalam soal pendidikan anak Orang Asli sehingga menyebabkan kita ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baru saya faham.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Boleh saya teruskan Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Sebab ini nak membantu Orang Asli, sebab kadang-kadang dalam mesyuarat saya pun dia bangkitkan perkara ini, saya tidak boleh hendak buat apa. Jadi saya hendak ambil kesempatan di Dewan Negara ini untuk membantu melahirkan apa sebenarnya permasalahannya seorang wakil Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, itu soal yang melibatkan ...

Tuan Yang di-Pertua: Jadi Yang Berhormat elok catat dan isikan dalam ucapan nanti.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ataupun saya berhenti sini dulu Tuan Yang di-Pertua, nanti saya masuk balik.

Tuan Yang di-Pertua: Saya beri peluang untuk kemukakan dua perkara yang nak diminta penerangan tadi. Atau nak yang dijadikan lebih terang, Yang Berhormat kata tadi dua perkara.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Saya biarkan dulu yang soal pendidikan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyambung.

Tuan Yang di-Pertua: Ada seorang lagi Ahli Yang Berhormat bangun.

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sehingga ini saya ingin tahu berapa ramakah orang-orang Asli ini yang telah

pun terdidik dan telah pun menjadi seorang guru? Mungkin dengan cara ini, dengan adanya guru mereka sendiri, mereka lebih gemar datang ke sekolah. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Jadi sebelum Yang Berhormat jawab, Yang Berhormat ingat terhadap perkara-perkara yang ditimbulkan untuk dijadikan lebih terang lagi. Adakah Yang Berhormat ingat?

Tuan Osman bin Bungsu: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi sebelum Yang Berhormat jawab, saya sebelum tidak timbul salah faham di antara saya yang mempengerusikan mesyuarat dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat berbahas. Kita sedang berbahas, perbahasan agar ianya bernilai dan bererti perlu *coherent*. Saya pun tak tahu, tak terlintas istilah bahasanya tapi perlu *coherent*. Sebab itu diadakan Peraturan Mesyuarat untuk memandu perbahasan supaya perbahasan itu *coherent*. Dalam peraturan-peraturan itu, telah diadakan satu Peraturan Mesyuarat membolehkan ahli-ahli bukan mencelah, bukan minta laluan. Tetapi Peraturan Mesyuarat 36, hanya mengizinkan gangguan. Tidak dikatakan memberi peluang, tidak dikatakan mencelah ataupun memberi laluan, tetapi mengganggu. Dan syarat-syaratnya seperti kita amalkan.

Jadi saya harap apabila berdiri untuk mengganggu, berdirilah dengan semangat tahu kata kita mengganggu, bukan kita berpeluang berucap lebih panjang daripada orang yang sedang berucap itu. Ini sahaja, saya terangkan semangat dan suasana supaya perbahasan di Dewan Negara menjadi lebih koheren, supaya mutu, martabat dan ianya ditingkat supaya Dewan Negara lebih perkasa dan taraf Yang Berhormat Senator lebih tinggi di sisi masyarakat. Itu sahaja niat saya. Sila Yang Berhormat, dua perkara yang ditimbulkan tadi.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pertama mengingatkan kami, Yang Berhormat yang sentiasa ingin membantu di antara satu sama lain, sama ada memperkukuh atau ingin bertanya. Terima kasih pada Yang Berhormat Datuk Puad bahawa masalah dari segi sikap dan *culture* dan juga tentang birokrasi. Perkara ini memang melibatkan *culture* pun ada, mungkin juga birokrasi juga ada. Tetapi pada saya, tentang pendidikan ini, yang perlu diberi keutamaan ialah bagaimana saya difahamkan tadi, guru memainkan peranan untuk mengatasi masalah ini. Sebab dahulu, kalau untuk makluman, dahulu Pegawai Hal Ehwal Orang Asli yang menjadi guru. Tetapi sekarang ini, apabila dipindahkan kepada Jabatan Orang Asli, telah memindahkan guru-guru ini kepada Kementerian Pelajaran, maka saya ingat birokrasi ini tidak akan timbul kerana guru-guru ini telah terdidik, terlatih untuk mendidik pelajar-pelajar ini.

Jadi, kalau ada perkara-perkara yang saya sebutkan dahulu, pemantauan itu penting. Kalau guru pelajar UPSR lima orang, dan dididik oleh lima orang cikgu, tidak boleh mencapai pelajar itu kepada sekurang-kurangnya C atau D, ini satu timbul satu masalah. Jadi saya berharap Kementerian Pendidikan memainkan peranan dalam perkara ini, di samping Jabatan Orang Asli ini hanya memantau dalam keperluan-keperluan asas yang diperlukan macam makan minum, *transport* seperti mana yang ada, *transport* ada diberi oleh Jabatan. Saya ucapkan terima

kasih pada kerajaan, bukan sahaja buku teks, malah *transport*, makanan pelajar sekolah rendah pun dibagi, yuran dibagi. Begitu juga kepada soalan Yang Berhormat Hajah Samsiah, sebenarnya sehingga tahun ini saya ada statistik bahawa ada seramai 160 guru orang Asli telah diberi menjadi guru.

Jadi, 160 orang cikgu ini tidak cukup, tidak cukup. Hendak masuk ke dalam pedalaman, berapa buah sekolah. Ada yang jadi pensyarah, jadi benda ini untuk pergi sekolah rendah, hanya segelintir. Mungkin juga saya berharap Kementerian Pelajaran dapat fikir perkara ini untuk mengisi kekosongan di mana *culture* tadi, bila orang Asli pun dia tahu *culture* orang Asli sendiri untuk mendidik dengan menggunakan cabaran-cabaran yang ada. Orang Asli Bahasa Inggeris pun, Bahasa Melayu hendak menguasai satu perkara, kemudian Bahasa Inggeris lagi satu perkara. Mungkin juga perkara ini dapat difikirkan oleh Kementerian Pendidikan, bagaimana satu pendekatan yang lebih mesra pelajar di kawasan pedalaman terutama kampung orang Asli dapat diwujudkan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, mohon gangguan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan untuk saya mengganggu Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat kata mohon gangguan di bawah peraturan mesyuarat 36 lagi baik.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: 36, ya. Terima kasih, saya akan amalkan. Ini adalah komen-komen yang konstruktif untuk ahli-ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat tadi. Ini berkaitan dengan pendidikan dan soal keciciran. Daripada fakta yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, berjumlah 25 ribu pelajar-pelajar Orang Asli. Yang sampai ke peringkat sekolah menengah rendah hanya sekitar 500 orang sahaja. Jadi di sini adalah merupakan nampakkan suatu isu yang agak serius. Apa pandangan Yang Berhormat atau cadangan tentang pelajar-pelajar orang asli yang tercicir, manakah mereka pergi yang tercicir ini dan adakah pemantauan dibuat untuk mengesan pelajar-pelajar yang cicir ini ke arah yang lebih positif. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Yaakob kerana memang perkara ini telah dibuat kajian oleh Universiti Kebangsaan Malaysia dahulu, kerjasama Jabatan Orang Asli. Jadi, masalah keciciran ini memang ketara. Telah saya pun bahaskan dalam Majlis Perundingan Penasihat Tindakan Negara bersama dengan Jabatan, bahawa perkara ini amat memang serius terutama tingkatan peralihan di tingkatan satu, di mana di situ bila dia pergi ke sekolah, dia satu berubah alam, satu sekolah menengah, dia jauh dari kampung, jauh. Jadi, yang kedua tentang peruntukkan duit kocek, makan. Baru-baru ini saya pergi dekat Perak, masalah duit makan. Hendak pergi sekolah menengah jauh dan duit makan. Emak bapa dia itu miskin, jadi susah.

Kalau di sekolah rendah, dia ada jenis makanan Amalan Makanan Tambahan. Jadi di situ agaknya menjadi satu perkara yang merumitkan. Jadi saya sebenarnya mencadangkan juga kepada pihak Kementerian Pelajaran supaya pelajar-pelajar yang sekolah yang berdekatan, perlulah diwujudkan sekolah menengah rendah, di kawasan yang strategik di mana mungkin ada lima, enam buah sekolah atau sepuluh di persekitaran, di sediakan asrama supaya pelajar-pelajar di sekolah menengah rendah ini dia dapat berdaya saing dahulu. Di tanam semangat cintakan pelajaran, semangat pendidikan untuk maju kerana kalau pergi sekolah menengah dia tengok pelajar-pelajar yang tingkatan satu hingga tingkatan empat, tingkatan lima, sudahlah dia, kalau ikut kajian rasa rendah diri itu tinggi. Jadi mungkin juga saya berfikiran sama juga dengan Yang Berhormat kerana keciciran ini perlu dipantau.

Jadi saya beritahu juga pihak Kementerian Pelajaran masa perbincangan, perkara ini perlu diberi satu perhatian sama ada di peringkat sekolah menengah rendah ini, disediakan sedikit peruntukan bukan sahaja pakaian, baju, wang pengangkutan tetapi wang kocek juga kerana bukan ini boleh dibuat secara terus menerus. Kalau sudah sampai tahap dia sudah boleh berdikari, sudah boleh ibu bapanya pun boleh bantu, saya ingat perkara ini tidak menjadi berterusan. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Katalah macam Yang Berhormat tidak mampu beli suit, macam mana hendak datang ke Dewan Negara, untuk membela nasib Orang Asli ya? Macam itu?

Tuan Osman bin Bungsu: Tidaklah begitu Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya tentang pakaian macam saya ini, kalau dilantik, kita ada peruntukkan daripada Parlimen. Peruntukan Parlimen dengan wang gaji kita ada, elaun kita ada, Insya-Allah boleh kita beli. Tetapi kepada anak-anak kita yang kecil di sekolah rendah Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang cita-cita mereka untuk jadi askar. Dia masuk kadet, baju uniform untuk kadet, kalau hendak beli satu suit RM200. Siapa hendak beri? Jabatan tidak tanggung pakaian untuk pakaian seragam. Tunas Puteri, baru-baru ini saya memberi peruntukkan dekat sekolah kebangsaan untuk menaja 15 pelajar Orang Asli untuk beli pakaian seragam sahaja. RM65 satu suit, ada 15 orang. Jadi cita-cita dia untuk menjadi askar, untuk menjadi apa yang diminati itu perlu sekarang ini, perlu ada pakaian, lengkap pakaian seragam. Jadi kalau itu tidak dapat dibekalkan, dapat dipakai, dia hendak jadi Kadet Bomba, pakaian Kadet Bomba pun tiada. Jadi dengan sendirinya cita-citanya terbantut Tuan Yang di-Pertua, terbantut.

Jadi itulah agaknya rasa rendah diri apabila dia berhadapan dengan rakan-rakan, masyarakat lain dia rasa *inferiority* dengan izin rasa rendah diri semakin meninggi. Jadi kepada kementerianlah saya mengharapkan dan mungkin kerajaan dapat memperuntukkan yang lebih besar bukan untuk terus menerus tetapi sekadar untuk memberi perangsang yang kuat kerana saya baru-baru ini Orang Asli pun sudah menampakkan kejayaan. Kita lihat tahun lepas seorang pelajar kita dalam peperiksaan STPM mendapat 4 *principal* A1, tahniah saya rakamkan kepada Jarinah anak Loing daripada Mentakab, Pahang di mana telah mencapai. Baru-baru ini

kementerian telah mengadakan satu Program Pencapaian Anak-anak Orang Asli yang berjaya dalam SPM 10A1 – 9A1.

Untuk makluman saya pun turut serta turun padang seperti Yang Berhormat Dr. Haji Mohd Puad Zarkashi, kadang-kadang mesyuarat bulanan bahagian saya tidak datang kerana saya pergi memberi motivasi kepada ibu bapa dan anak-anak. Kadang-kadang kita datang untuk memberi motivasi bukanlah sebenarnya hendak memberi motivasi tetapi sebenarnya memberi keperluan mereka seperti Sekolah Tadika seperti yang dimaklumkan sekarang hendak minta komputer tetapi elektrik tidak ada. Hendak pakai generator bolehlah tetapi sebulan hancur komputer. Jadi saya berharap kementerian-kementerian yang terlibat dapat memberi satu perhatian jelas dalam arus pembangunan perdana ini terutama kepada masyarakat Orang Asli yang jauh ketinggalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mencadangkan supaya guru-guru yang mengajar anak-anak Orang Asli ini diberikan satu insentif bagi setiap pelajar yang berjaya mencapai keputusan cemerlang di mana yang diberitahu tadi. Mungkin juga dengan adanya pelajar-pelajar ini yang dibimbing oleh cikgu ini sampai cemerlang dan dijadikan anak angkat maka satu proses penyediaan sedikitlah permulaannya terutamanya wang ringgit dibantu kepada cikgu itu supaya dapat memberi satu perangsang supaya pelajar ini berjaya kerana seorang pelajar yang berjaya dia dapat dijadikan sebagai *role model* kepada anak-anak yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak membanggakan diri saya sebab saya dahulu SPM pangkat 3. Tetapi oleh kerana kerja berterusan saya dapat anugerah cemerlang. Jadi sebenarnya Orang Asli boleh dididik kalau diberi satu peluang yang istimewa dan boleh meneruskan pelajaran sampai ke peringkat ijazah. Saya pun dapat ke peringkat ijazah dan akhirnya saya dapat membina rumah tangga di mana anak saya seramai 6 orang pun yang pertama, kedua dan ketiga pun dapat belajar hingga ke peringkat universiti. Jadi inilah satu *role model* kalau kita boleh beri satu peluang kepada pelajar-pelajar anak Orang Asli ini terutama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi memberi satu peluang khas atau kemasukan khas kepada yang layak. Jangan tunggu ia cemerlang baru hendak beri. Faham-fahamlah Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak menunggu dapat 5A-10A di kalangan anak-anak Orang Asli ini yang terus diberi keputusan terus masuk universiti agak sukar. Tetapi saya rasa kalau perkara ini diberi perhatian dengan Kementerian Pengajian Tinggi memberi ruang yang agak istimewa saya rasa generasi akan datang akan lebih berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengulangi bahawa keciciran di peringkat umur 13 tahun ini perlu diberi perhatian oleh sekolah-sekolah sama ada di peringkat Kementerian Kemajuan Luar Bandar, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan juga Kementerian Pelajaran yang telah saya cadangkan supaya mengujudkan mana-mana Sekolah Menengah Rendah supaya pelajar ini dapat meneruskan pelajarannya di samping keperluan-keperluan asas terutama peruntukan sampingan untuk anak-anak ini pergi ke sekolah mendapat makanan yang istimewa

iaitu makanan mengalaskan perut sebab makanan ini kalau kita bekerja tanpa makan saya rasa kita tidak akan bertenaga. Apatah lagi makanan-makanan yang tidak mengikut sistem piramid makanan. Maka dengan itu tidak dapat menyumbang makanan ini kepada tenaga dan otak untuk berdaya saing kepada ...

Tuan Yang di-Pertua: Kita ada 15 minit lagi. Sebagai untuk membantu rakan-rakan seperjuangan dalam Dewan ini adalah Yang Berhormat hendak menghabiskan ucapan Yang Berhormat ini sepanjang 15 minit ataupun Yang Berhormat hendak memberi peluang kepada seorang lagi Ahli untuk memulakan ucapan supaya rakan-rakan Yang Berhormat boleh membuat persediaan untuk berucap.

Tuan Osman bin Bungsu: Saya minta izin Tuan Yang di-Pertua supaya perkara ini dapat dihabiskan kerana ada sedikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Agak berapa lama?

Tuan Osman bin Bungsu: 15 minit.

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan izinkan Yang Berhormat berucap sehingga 5.30 petang dan boleh gulung dan tamat pada 5.30 petang.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, masalah pendidikan awal anak-anak Orang Asli telah turut menyebabkan masalah pendidikan yang lebih tinggi. Menurut perangkaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli jumlah pelajar-pelajar Orang Asli yang berjaya menamatkan pelajaran di Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam adalah sebanyak 436 orang pada tahun 2004. Ini termasuk pelajar-pelajar di Maktab Perguruan, Politeknik, Kolej Komuniti dan juga di Universiti bilangan sebenarnya hanyalah 219 orang. Ini adalah angka yang amat rendah iaitu kurang dari 0.1% daripada jumlah keseluruhan masyarakat negara ini. Kita sedia maklum bahawa pendidikan di tahap ini amat penting jika kita mahu perubahan yang bermakna dalam sesuatu masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi cadangan supaya setiap universiti sekali lagi memberi kemasukan khas yang lebih tinggi kepada anak-anak Orang Asli untuk melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah, sarjana dan seterusnya terutama kepada mereka yang berhadapan dengan kesusahan hidup di tengah-tengah masyarakat masa kini. Tuan Yang di-Pertua, kita boleh lihat baru-baru ini dalam keputusan yang saya telah beritahu tadi anak Orang Asli pun boleh berjaya kalau diberi laluan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh kepada perkara program-program khusus untuk masyarakat Orang Asli. Di dalam laporan Rancangan Malaysia Kesembilan kita diberitahu bahawa kerajaan akan melaksanakan satu Pelan Pembangunan Komprehensif untuk menangani kadar kemiskinan yang tinggi di kalangan Orang Asli melalui Pelaksanaan Projek-projek Ekonomi seperti penanaman tanaman makanan, kraf tangan, pelancongan di samping usaha-usaha menempatkan semula dan juga Pembangunan Modal Insan. Ini boleh dirujuk dalam buku Rancangan Malaysia Kesembilan muka surat 365.

Saya ingin menekankan buat sekian kalinya akan perlunya penglibatan secara terus wakil-wakil Orang Asli dari peringkat perancangan sehinggalah ke peringkat pelaksanaan program-program pembangunan yang melibatkan masyarakat Orang Asli. Ini adalah kerana sekiranya kita mahukan program ini berjaya penglibatan terus masyarakat Orang Asli adalah kritikal. Kita sedia maklum bahawa antara punca-punca utama kegagalan program-program pembangunan masyarakat Orang Asli adalah kurangnya perundingan yang dibuat dengan masyarakat Orang Asli dalam merangka program-program yang tersebut yang menyebabkan program-program tidak sesuai, tidak popular, tidak disokong dan tidak mapan.

Program yang dibuat secara *top-down* dengan izin, adalah kurang berjaya. Saya ingin menyarankan supaya pendekatan ini ditukar kepada pendekatan *bottom-up* iaitu dengan izin dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini maknanya perancangan ini dibuat daripada bawah naik ke atas, disemak di peringkat pengurusan, turun ke bawah bawa berbincang seperti yang dibuat di Bukit Lanjan.

Saya ingin meminta penjelasan yang dikatakan pelan komprehensif daripada pihak kerajaan akan program-program kursus yang melibatkan pembangunan modal insan kepada masyarakat Orang Asli. Ini adalah kerana kita perlu melihat kepada sasaran yang ditetapkan dan ini mestilah dipantau dalam kajian separuh penggal nanti supaya kegagalan-kegagalan masa lalu tidak berulang. Sekiranya masih gagal, agensi-agensi dan juga pegawai-pegawai yang terlibat mestilah dipertanggungjawabkan kerana kegagalan untuk mencapai sasarannya telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perancangan pembangunan masyarakat Orang Asli dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, antara strategi pembangunan adalah menyediakan kemudahan asas, terutamanya di kampung-kampung pinggir Orang Asli di seluruh Semenanjung seperti bekalan elektrik dan air. Saya dimaklumkan bahawa jabatan telah memohon peruntukan sebanyak RM261 juta untuk menyediakan bekalan elektrik, air dan jalan kampung yang melibatkan 858 buah kampung. Bekalan elektrik yang dipohon adalah jenis talian grid untuk 273 buah kampung dan bakinya 56 buah kampung lagi menggunakan sistem solar yang berjumlah RM50 juta. Manakala bagi bekalan air, peruntukan RM30 juta dipohon untuk bekalan air bersih melalui paip awam untuk 245 buah kampung dan baki 22 buah kampung selebihnya menggunakan sistem graviti, manakala sejumlah RM181 juta pula diperlukan untuk pembinaan jalan kampung sepanjang 2,808 kilometer melalui 238 buah kampung.

Maka perkara ini amat penting sebagaimana yang dibahaskan oleh Yang Berhormat tadi sebelum saya mengatakan perhubungan ini amat penting kerana dengan adanya perhubungan ini, dengan adanya jalan kampung, hasil-hasil pertanian dapat dibawa keluar. Selain daripada hasil bekalan elektrik tadi, amat perlu, mungkin kita melihat kalau talian grid mahal, tetapi sekarang ini Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi telah dapat menjayakan kemudahan dana, akaun amanah dan elektrik yang mana telah memperuntukkan dulu RM20 juta untuk

dibekalkan kepada kampung-kampung di kawasan pendalaman di mana boleh dinikmati secara 24 jam.

Kalau ini dapat diteruskan lagi, kepada Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi saya berharap RM20 juta bagi tahun lepas dan tahun ini, dapat ditambah lagi RM20 juta supaya kampung sasaran yang kawasannya jauh di pendalaman seperti di Kelantan, di Perak, di Sungai Pos Yam, Pos Piah, RPS Pergam dapat menggunakan tenaga solar yang dibuat 24 jam.

Tuan Yang di-Pertua: Agak menarik adunan yang dibuat oleh Yang Berhormat. Baca sikit, cakap secara spontan sikit, celoteh sikit, beri laluan sikit, saya ingat agak menarik pendekatan dan adunan yang dibuat oleh Yang Berhormat. *[Tepuk]*

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, tujuan saya membangkitkan angka-angka ini di Dewan yang mulia ini, adalah supaya kita maklum bahawa inilah sasaran yang dikenal pasti untuk dijadikan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini dapat dijayakan dengan sepenuhnya. Saya memohon kepada kerajaan supaya benar-benar memantau bukan sahaja dari segi pelaksanaannya tetapi dari segi kualiti dan keberkesanan penyediaan kemudahan-kemudahan asas dalam menyediakan taraf hidup Orang Asli. Kadang-kadang kita lihat, kos menyediakan memang lebih besar tetapi kualitinya dalam jangka masa yang panjang tidak memuaskan kerana mudah rosak atau tidak dibina mengikut spesifikasi. Saya harap ini tidak berlaku.

Saya juga ingin mencadangkan supaya jumlah bekalan elektrik yang menggunakan solar *hybrid system* 24 jam terutama di kawasan luar bandar dapat diperkenalkan segera dan mendapat peruntukan yang banyak. Negara kita berada di lokasi mendapat sinar suria yang baik sepanjang tahun dan adalah merugikan sekiranya kita tidak menggunakan ini sebaik-baiknya. Kita sedia maklum bahawa kos peralatan sistem *hybrid* ini tidaklah mahal tetapi saya percaya dari jangka masa panjang kos operasinya adalah lebih ekonomik.

Kita berharap isu-isu penyediaan kemudahan asas kepada perkampungan masyarakat Orang Asli dapat diselesaikan sepenuhnya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan tidak ada lagi masalah kemudahan-kemudahan asas dalam rancangan-rancangan dibangkitkan pada masa-masa akan datang. Harapan saya semoga kerja-kerja yang dibuat oleh kerajaan sehingga hari ini mendapat perhatian rakyat terutama kawasan-kawasan di luar bandar yang mana kita harap tidaklah di manipulasi atau dieksploitasikan oleh mana-mana media yang mana boleh dikatakan kerap kita melihat media memaparkan masalah-masalah Orang Asli sama ada di media kerajaan atau pun swasta.

Jadi, dengan cara perancangan dan peruntukan yang jelas dapat diberikan kepada masyarakat yang telah jauh ketinggalan ini, saya berharap kepada kerajaan dapat memberi satu inspirasi kepada rakyat terutama kaum Orang Asli yang di dalam bandar dapat terus menerus menyokong kerajaan pada masa akan datang.

Dengan kata-kata ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Siapa yang hendak tempah tempat untuk bercakap hari Isnin?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi. Silakan. Hendak tempah cepat kena cakaplah tiga minit. Sedia atau tidak bersedia pun kena cakap jugalah. Katalah apa-apa pun.

5.20 ptg.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut membahaskan Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya amat berbangga kerana apabila meneliti keseluruhan daripada inti pati kepada Rancangan Malaysia Kesembilan ini yang dikaitkan sebagai Misi Nasional, maka ia amat menarik sekali kerana Misi Nasional ini membawa satu harapan iaitu ...

Tuan Yang di-Pertua: Bukan dikaitkan, dijadikan satu hak milik seperti diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi: Iaitu untuk membina tamadun dan mengangkat martabat bangsa dan jika dibandingkan dengan Rancangan Malaysia Kedua iaitu Dasar Ekonomi Baru, ia memang difahami, dihayati dan di dokong dan dijadikan sebagai satu misi sebenarnya ketika itu. Sebab itulah rakyat masih teringat kepada Rancangan Malaysia Kedua. Tetapi kita lihat Rancangan Malaysia Ketiga, keempat, kelima, keenam dan ketujuh tidak begitu mudah untuk diingati. Sebab itulah apabila Rancangan Malaysia Kesembilan ini dijadikan sebagai satu Misi Nasional dan disebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mestilah dijadikan sebagai satu milik bersama.

Maka persoalannya di sini ialah bagaimanakah kita ingin dan dapat menanamkan kepada keseluruhan masyarakat di Malaysia, baik di peringkat pemimpin, menteri, pegawai-pegawai kerajaan, generasi muda, pelajar dan sebagainya menghayati, memahami dan mendukungnya dan menjadikan sebagai Misi Nasional sehinggalah untuk 10 tahun atau pun hinggalah pada 2020 yang hanya tinggal untuk 15 tahun ini lagi.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita tidak menanamnya daripada sekarang, mengambil satu pendekatan, maka kita bimbang bahawa rakyat Malaysia...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa cukup. Yang Berhormat boleh sambung bila Dewan bersidang semula.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan. Dewan akan bersidang semula pada hari Isnin pukul 10.00 pagi.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.